

**APLIKASI MANHAJ DEOBANDY OLEH MUHAMMAD  
ASRI BIN YUSOFF DALAM PENGAJARAN HADITH**

**MUHAMMAD FIRDAUS BIN ZABRI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**APLIKASI MANHAJ DEOBANDY OLEH MUHAMMAD  
ASRI BIN YUSOFF DALAM PENGAJARAN HADITH**

**MUHAMMAD FIRDAUS BIN ZABRI**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: MUHAMMAD FIRDAUS BIN ZABRI

No. Pendaftaran/Matrik: IGB 130063

Nama Ijazah: SARJANA USULUDDIN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

APLIKASI MANHAJ DEOBANDY OLEH MUHAMMAD ASRI BIN YUSOFF DALAM  
PENGAJARAN HADITH

Bidang Penyelidikan:

AL-HADITH (AGAMA)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui dihadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

## **APLIKASI MANHAJ DEOBANDY OLEH MUHAMMAD ASRI BIN YUSOFF DALAM PENGAJARAN HADITH**

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai sama ada sistem pengajian hadith oleh Muhammad Asri adalah sesuai pada zaman ini serta menepati sistem pengajian Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Pada kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif yang meliputi kepada tiga cara. Pertama, dengan membuat kajian melalui kajian kepustakaan. Kedua, dengan membuat temubual dengan beberapa orang termasuklah menemubual Muhammad Asri bin Yusoff sendiri. Yang ketiga, ialah “Focus Group Discussion” iaitu menjalankan perbincangan secara berkumpulan terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti kelas pengajian hadith oleh Muhammad Asri tentang kaedah pengajaran yang dijalankan dan melihat kepada pemahaman tentang hadith yang dipelajari mereka. Hasil kajian yang dibuat mendapati bahawa cara pengajian hadith oleh Muhammad Asri menepati cara pengajian hadith yang diamalkan sejak zaman Rasulullah s.a.w. dan lebih mudah difahami. Di harapkan dengan kajian ini dapatlah membantu bagi menambah baik sistem pengajian hadith di Malaysia.

Kata kunci: Hadith, Sistem Pengajian, Manhaj Deobandy, Muhammad Asri bin Yusoff.

# **APLIKASI MANHAJ DEOBANDY OLEH MUHAMMAD ASRI BIN YUSOFF DALAM PENGAJARAN HADITH**

## **ABSTRACT**

This research is aimed to evaluate whether the system of hadith studies by Muhammad Asri bin Yusoff is suitable to be applied and conforms to the system of study of Rasulullah PBUH and the companions previously. In this study, the researcher uses a qualitative approach that covers three methods. Firstly, the researcher conducting a study through the literature reviews of previous researches. Secondly, the researcher also interviewed several people including Muhammad Asri himself to get the clear picture of his lessons. Besides that, the researcher uses the "Focus Group Discussion" method in which a group discussion is created among those students who are taking the hadith classes with Muhammad Asri to discuss regarding the teaching methods used and evaluating the students' understanding of the hadiths that they have learned. The results of the study found that the way of the study of hadith by Muhammad Asri conforms to the way of studying the hadith practiced since the Rasulullah s.a.w. era and can be easily practiced according to the Malaysia's hadith studies contextual. In a nutshell, with this study it can help to improve the system of hadith studies especially in Malaysia.

Keyword: Hadith, The System of Studies, Deobandy Methods, Muhammad Asri bin Yusoff.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana penulis berjaya menyiapkan penulisan ini. Pertamanya penulis ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua yang telah membantu penulis dalam membuat kajian ini samada dari segi kewangan, dorongan, memberi semangat dan membantu gerak kerja penulisan ini. Pertamanya penulis ingin berterima kasih kepada Ibu (Mazmah binti Lagu) dan Bapa (Zabri bin Yusop) yang banyak memberi dorongan, inspirasi dan bantuan kewangan semasa penulis membuat kajian, termasuk isteri iaitu Hanis binti Md Sudi, adik-adik iaitu Muhammad Faisal, Nur Zahidah, Muhammad Farid, Muhammad Faiz, Muhammad Fakhruallah, Nur Zarifah, Muhammad Fahmi dan Nur Zakirah yang juga antara penyebab untuk penulis meneruskan kajian ini. Diucapkan juga terima kasih kepada Tok Cu yang turut memberi bantuan kewangan semasa penulis mula-mula masuk ke Universiti Malaya dan turut mendapat sumber kewangan dari Mybrain (MyMaster) serta Zakat Selangor.

Dan tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah terutamanya Pof. Madya Dr. Ishak bin Haji Suliaman selaku penyelia untuk kajian penulis yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada penulis untuk meneruskan penulisan ini. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Hadīth Universiti Malaya yang turut membantu dalam kajian ini iaitu Prof. Dato“Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff, Dr Faisal Ahmad Shah, Prof. Dr Fauzi Deraman, Prof. Madya Dr Mustaffa bin Abdullah, Dr Khadher bin Ahmad, Dr Sedek bin Ariffin, Dr Monika @ Munirah Binti Abd Razzak, Dr Muhammad Lukman bin Ibrahim dan lain-lain. Tidak lupa juga buat saudara mara dan sahabat-sahabat yang membantu penulis secara langsung atau tidak langsung.

Maklumat Penulis;

Alamat : 13/1334 CL 72, Batu 7, Jalan Gambang 25150 Kuantan, Pahang.

Email : muhammadfirdauszabri@gmail.com

## TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	„
غ	gh
ف	f

ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	"
ي	y
ة	h,t

### Vokal Pendek

—	a
—̇	i
—'	u

### Vokal Panjang

ـ	ā
ـ	ū
ـ	ī

### Diftong

ــ	aw
ـــ	ay
ــــ	uww
ـــــ	iy, ī

Kalimah bahasa Arab yang telah menjadi sebutan umum di dalam bahasa Melayu akan dieja sebagaimana ejaan di dalam bahasa Melayu.

University Of Malaya

## **KANDUNGAN**

Abstrak .....	v
Abstract .....	vi
PENGHARGAAN .....	vii
TRANSLITERASI.....	viii
KANDUNGAN .....	xii
<b>PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 PENGENALAN .....	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN .....	2
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN .....	4
1.4 PERSOALAN KAJIAN .....	5
1.5 OBJEKTIF KAJIAN .....	5
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN .....	6
1.7 SKOP KAJIAN .....	6
1.7.1 Isu .....	6
1.7.2 Masa.....	6
1.7.3 Lokasi .....	7
1.8 DEFINISI OPERASI KAJIAN .....	7
1.9 HIPOTESIS KAJIAN.....	8
1.10 KAJIAN LITERATUR .....	8
1.11 METODOLOGI KAJIAN .....	14
1.11.1 Metode Pengumpulan Data.....	14
1.11.2 Metode Analisis Data .....	15
<b>BAB 1: SISTEM PENGAJIAN HADITH.....</b>	<b>18</b>
1.1 PENGENALAN .....	18
1.2 PENGAJIAN HADITH DI ZAMAN RASULULLAH SAW.....	18

1.3 PENGAJIAN HADITH DI ZAMAN SAHABAT, TABI'IN DAN PENGIKUT TABI'IN .....	27
1.4 MANHAJ-MANHAJ PENGAJIAN HADITH .....	32
2.2.1 Manhaj al-Haramain Makkah dan Madinah .....	33
2.2.2 Manhaj al-Azhar Mesir .....	35
2.2.3 Manhaj Di India .....	46
1.5 KESIMPULAN .....	61
<b>BAB 2: PERKEMBANGAN PENGAJIAN HADITH DI MALAYSIA.....</b>	<b>62</b>
2.1 PENGENALAN .....	62
2.2 PERKEMBANGAN MANHAJ AHLI HADITH .....	68
2.3 PERKEMBANGAN MANHAJ DEOBANDY .....	84
2.4 KESIMPULAN .....	115
<b>BAB 3: BIODATA MUHAMMAD ASRI BIN YUSOFF.....</b>	<b>116</b>
3.1 PENGENALAN .....	116
3.2 BIODATA .....	117
3.3 PENDIDIKAN .....	119
3.4 GURU-GURUNYA .....	121
3.5 SUMBANGAN .....	122
3.6 KESIMPULAN .....	135
<b>BAB 4: APLIKASI PENGAJIAN HADITH MENGGUNAKAN MANHAJ DEOBANDY .....</b>	<b>137</b>
4.1 PENGENALAN .....	137
4.2 METODE PENGAJIAN HADITH .....	137
4.3 KELEBIHAN .....	144
4.4 KESIMPULAN .....	156
<b>BAB 5: PENUTUP .....</b>	<b>157</b>
5.1 RUMUSAN DAN KESIMPULAN .....	157
5.1.1 Manhaj-manhaj Pengajian Hadith .....	157
5.1.2 Perkembangan Pengajian Hadith di Malaysia .....	157

5.1.3 Pengajian Hadith Oleh Muhammad Asri bin Yusoff .....	158
5.2 SARANAN .....	158
5.3 CADANGAN.....	159
5.4 PENUTUP .....	159
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>162</b>

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Kajian penulis ini adalah mengenai pengajian hadith kitab *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim*, kajian ini untuk melihat aplikasi manhaj Deobandy yang dilaksanakan oleh Muhammad Asri. Cara pengajian hadith ini dilakukan dengan kebanyakan pelajar yang mengikuti pengajian hadith tersebut akan mendengar hadith beserta penerangan yang dibacakan oleh guru dengan menggunakan manhaj Deobandy serta kelebihan yang terdapat dalam manhaj tersebut. Jadi penulis ingin mengkaji adakah cara pengajian ini menepati sistem pengajian Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a.

Di dalam kajian ini penulis menggunakan metode kajian dengan cara kualitatif iaitu dengan menggunakan bahan-bahan rujukan seperti jurnal, makalah, buku dan kajian-kajian yang telah dibuat. Penulis juga akan menjalankan sesi temubual dengan Muhammad Asri dan beberapa orang pelajarnya berkaitan dengan pengajian hadith menggunakan manhaj ini dan turut melibatkan diri dalam pengajian ini. Bagi penulis kajian ini penting dilakukan kerana ia dapat menjelaskan kepada masyarakat tentang manhaj yang digunakan dalam pengajian hadith oleh Muhammad Asri adakah ianya menepati sistem pengajian pada zaman Rasulullah s.a.w. Selain itu, ia adalah untuk melihat kelebihan-kelebihan yang terdapat di dalam cara pengajian tersebut. Kajian ini dibuat adalah kerana melihat kepada pengajian hadith bertalaqqi yang dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat pada masa kini terutamanya di sekitar semenanjung Malaysia.

Di dalam kajian ini penulis akan menjelaskan tentang latar belakang kajian, persoalan terhadap kajian yang dibuat, permasalahan yang terdapat dalam kajian, objektif kajian ini, kepentingan kajian yang dibuat oleh penulis, skop dan batasan kajian penulis, definisi operasi kajian, hipotesis kajian, kajian lepas yang telah dilakukan yang berkaitan dengan tajuk ini, metodologi kajian yang dilakukan penulis untuk membuat disertasi, dan sistematika penulisan di dalam disertasi ini.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada zaman Rasulullah s.a.w., pengajian hadith adalah secara terus daripada baginda s.a.w. dan para sahabat juga tidak kurangnya ada yang mengambilnya terus daripada sahabat lain seperti kisah Saidina „Umar r.a. dengan seorang sahabat bernama Umayyah bin Zayd r.a.<sup>1</sup> Di mana Saidina „Umar r.a. pernah membahagi-bahagikan giliran dengan Umayyah r.a. untuk mendengar hadith daripada Rasulullah s.a.w. kerana kesibukkan waktu. Jadi apabila salah seorang pergi berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. lalu dia mendapatkan hadith maka dia akan menyampaikan hadith tersebut kepada yang tidak hadir.<sup>2</sup> Rasulullah s.a.w. apabila menyampaikan sesuatu kepada para sahabat, baginda akan menyampaikannya dengan jelas sebagaimana hadith daripada Saidatinā „A’isyah r.a. berikut:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: "مَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْرُدُ سُرْدَكُمْ هَذَا،  
وَلَكِنَّهُ كَانَ يَتَكَلَّمُ بِكَلَامٍ بَيْنَ فَصْلٍ، يَحْفَظُهُ مَنْ جَلَسَ إِلَيْهِ".

Terjemahan: Daripada „A’isyah, berkata: “Rasulullah s.a.w. tidak pernah bercakap dengan laju seperti kamu semua. Baginda selalu bercakap dengan jelas dan terperinci, sehingga orang yang mendengar dapat menghafal apa yang mereka dengar.”<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Faisal Ahmad Shah et. al., *Manāḥīj al-Muḥaddiḥīn: Metode Dan Pendekatan Sarjana Hadith* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 32.

<sup>2</sup> Muhammad Syuhudi Ismail, *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis (Telaah Kritis Dan Tinjauan Dengan Pendekatan Ilmu Sejarah)* (Jakarta: Fakultas Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri, 1967), 33.

<sup>3</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhi, Kitab Manaqib, Bāb Fi Kalām al-Nabī SAW, no. Hadith 3639 dan Abū Dāwūd, Al-Adab, Bāb al-Hadi Fi Kalām, no. Hadith 4839. Berkata Abū „Isā”, hadith ini ḥasan kerana hadith ini diketahui oleh beliau daripada al-Zuhri. Di dalam kitab ’Awn al-Ma’būd Syarah Abī Dāwūd dinyatakan bahawa lafaz yang membawa makna yang sama juga terdapat dalam hadith Abū Dāwūd iaitu ﷺ کان کلام رسول اللہ علیہ وسلم کلاماً فَصَلَّا يَفْهَمُهُ کلُّ مَنْ سَمِعَهُ yang menyatakan bahawa hadith di diamkan oleh al-Mundhiri. Lihat Abū „Isā Muḥammad ibn „Isā ibn Sawrah ibn Mūsā ibn Ḏahhāk al-Sulamī al-Tirmidhi, “Jāmi’ al-Tirmidhi,”

Rasulullah s.a.w. juga akan mengulangi sesuatu hal yang rumit dan penting sebanyak 3 kali supaya para sahabat yang mendengar dapat memahaminya sebagaimana di dalam hadith ini:

عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ: "إِذَا تَكَلَّمَ بِكُلِّمَةٍ أَعَادَهَا ثَلَاثَةً،  
حَتَّىٰ تُفْعَمَ عَنْهُ، وَإِذَا أَتَىٰ عَلَىٰ قَوْمًا فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ، سَلَّمَ عَلَيْهِمْ ثَلَاثَةً".

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik daripada Nabi s.a.w., bahawa Nabi s.a.w.: “Bila berbicara diulangnya tiga kali hingga dapat difahami, dan bila mendatangi kaum, beliau memberi salam tiga kali”.<sup>4</sup>

Selepas sahaja kewafatan Rasulullah s.a.w., para sahabat masih meneruskan lagi penyampaian dan penyebaran risalah agama Islam iaitu ada sebilangan daripada mereka masing-masing bertebaran hampir keseluruh dunia. Para sahabat menyampaikan pengajian al-Quran dan al-Hadīth yang diterima daripada Rasulullah s.a.w. menggunakan metode talaqqī. Ia sebagaimana cara Rasulullah s.a.w. yang telah menerima wahyu daripada malaikat Jibril. Semakin lama cara pengajian juga berubah sedikit demi sedikit dengan pada awalnya pengajian tanpa kitab-kitab hadith kemudian menggunakan kitab-kitab hadith.

Seterusnya pengajian hadith juga berubah mengikut situasi sesuatu tempat mengikut kesesuaian tempat masing-masing. Maka dalam kajian ini, penulis ingin menjelaskan tentang beberapa manhaj-manhaj pengajian hadith yang ada masa kini. Namun fokus penulis ialah kelas pengajian Muhammad Asri yang menggunakan Manhaj Deobandy

---

ed. Ahmad Muhammad Syakir (Beirut: Dār al-Kitāb al-„Ilmiyyah, 1987), 5:560; Sulaymān ibn al-Asy'ath ibn Isḥāq ibn Basyīr ibn Syaddād ibn Amr al-Azdī al-Sijistānī, „Sunan Abī Dāwūd,” ed. „Azad „Abīd al-Da,as (Syiria: Dār al-Ḥadīth, t.t), 5:172.

<sup>4</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-„Ilm, Bāb Man „A,ād al-Ḥadīth Thalātha Liyufham „Anh, no. Hadith 95 dan al-Tirmidhī Kitab Mañāqib, Bāb Fī Kalām al-Nabī s.a.w., no. Hadith 3640. Terdapat juga hadith yang membawa makna yang sama iaitu كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعِيدُ الْكَلِمَةَ ثَلَاثَةً لِتُعْقَلَ عَنْهُ. Hadith ini dikatakan ḥasan ṣaḥīḥ ghārib diketahui daripada ,Abd Allāh ibn al-Muthannā manakala Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī mengatakan hadith ini hassan ṣaḥīḥ. Lihat Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju'fī al-Bukhārī, „Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” ed. Muḥammad Zāhir ibn Nāṣir al-Nāṣir (t.tp.: Dar Thauq al-Najah, 1422H), j.1, 30 dan Abū „Isā Muḥammad ibn „Isā ibn Sawrah ibn Mūsā ibn Dahhāk al-Sulamī al-Tirmidhī, „Jāmi' al-Tirmidhī,” ed. Ahmad Muhammad Syakir (Mesir: Syarīkah Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalbī, 1975), 5:600.

dalam pengajiannya. Jadi inilah sebabnya penulis tergerak untuk mengkaji adakah sistem pengajian hadith menggunakan manhaj Deobandy adalah menepati sistem pengajaran Rasulullah s.a.w. dan para sahabat.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian yang dibuat oleh penulis ini adalah untuk menyelidik aplikasi manhaj Deobandy oleh Muhammad Asri dalam pengajian hadith. Cara pengajian hadith menggunakan manhaj Deobandy ialah dengan cara yang lebih kurang sama dengan manhaj Ahli Hadith iaitu mendengar hadith yang dibacakan oleh guru kemudian membacanya dihadapan guru dan jika terdapat kesalahan akan dibetulkan oleh guru. Cara ini dilihat telah digunakan oleh kebanyakan masyarakat untuk mempelajari hadith-hadith. Cara ini diterima oleh masyarakat dalam mempelajari hadith kerana cara ini dilihat berkesan untuk menghafal dan memahami hadith. Namun dalam penggunaan manhaj-manhaj ini terdapatnya sedikit perbezaan pada penyampaian syarahan hadithnya.

Selain itu, kajian ini adalah melihat permasalahan terhadap pengajian hadith yang ditanggapi oleh sesetengah pihak yang mengatakan bahawa pengajian hadith secara bersistem ini dikatakan tidak lagi sesuai kerana kitab hadith telah dibukukan maka sistem pengajian hadith tidak lagi diperlukan. Permasalahan ini lebih kepada pengkajian terhadap aplikasi manhaj Deobandy dalam pengajian hadith oleh Muhammad Asri. Cara pengajian hadith ini akan dilihat cara perlaksanaannya dalam menyampaikan hadith-hadith di dalam kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* dan *Sahīḥ Muslim*.

Dengan itu, penulis ingin membuat kajian ini untuk melihat sama ada cara ini diterima oleh ulama“-ulama“ hadith ataupun tidak dan adakah ianya menepati sistem pengajaran Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Dengan cara ini penulis harapkan ia dapat

memberikan penjelasan kepada masyarakat dan dapat memperbaiki sistem ini agar ianya adalah cara pembelajaran hadith yang menepati sistem pengajaran Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Selain itu, cara pengajian hadith telah dilakukan oleh ramai para sahabat Rasulullah s.a.w. dan ulama“-ulama“ hadith untuk menilai kesahihan hadith tersebut jadi kajian ini juga untuk melihat cara yang digunakan oleh Muhammad Asri adalah bersambung sanadnya dengan Rasulullah s.a.w.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

1.4.1 Bagaimakah manhaj-manhaj dalam pengajian hadith dari zaman Rasulullah SAW sehingga kepada pengajian hadith semasa.

1.4.2 Bagaimakah berkembangnya pengajian hadith di Malaysia.

1.4.3 Apakah latar belakang peribadi Muhammad Asri bin Yusoff dan sumbangannya dalam perkembangan pengajian hadith.

1.4.4 Apakah cara pengaplikasian manhaj Deobandy yang dilaksanakan oleh Muhammad Asri dalam pengajian hadith.

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang cara pengajian hadith menggunakan manhaj Deobandy terhadap program pengajian hadith ini adalah menepati sistem pengajian Rasulullah s.a.w. dan sahabat. Jadi objektif yang lebih khusus adalah seperti berikut:

1.5.1 Menjelaskan manhaj-manhaj dalam pengajian hadith dari zaman Rasulullah SAW sehingga kepada pengajian hadith semasa.

1.5.2 Mengkaji Perkembangan pengajian hadith di Malaysia.

1.5.3 Meneliti latar belakang peribadi Muhammad Asri bin Yusoff dan sumbangannya dalam perkembangan pengajian hadith.

1.5.4 Menilai pengaplikasian manhaj Deobandy yang dilaksanakan oleh Muhammad Asri dalam pengajian hadith.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini adalah untuk melihat manhaj Deobandy yang digunakan oleh Muhammad Asri dalam pengajian hadith adalah menepati cara pengajaran Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Jadi pentingnya kajian ini ialah untuk menilai pengajian hadith yang dijalankan adalah pengajian yang sistematik dan sesuai dengan suasana di Malaysia. Dengan itu, kajian ini dapatlah menambah baik program pengajian hadith menggunakan manhaj Deobandy sesuai mengikut suasana tempat dan masa khususnya di Malaysia.

Selain itu, kajian ini dapatlah digunakan untuk menambah baik sistem pengajian hadith agar mudah untuk difahami oleh masyarakat awam. Ianya adalah satu langkah bagi menjadikan masyarakat khususnya di Malaysia lebih kehadapan di dalam bidang ilmu hadith.

## **1.7 SKOP KAJIAN**

### **1.7.1 Masa**

Tempoh masa untuk kajian penulis ini adalah selama 2 tahun 6 bulan dan ianya bermula pada 3 March 2014 sehingga 3 Jun 2016 yang mana kajian penulis merujuk kepada kitab-kitab, kajian-kajian, buku-buku, para ulama“, dan beberapa orang yang mengikuti pengajian hadith yang di jalankan oleh Muhammad Asri bin Yusoff.

### **1.7.2 Isu**

Kajian ini adalah berkaitan dengan program pengajian hadith yang menggunakan manhaj Deobandy oleh Muhammad Asri bin Yusoff dengan membuat kajian samada ianya menepati sistem pengajian Rasulullah s.a.w. dan sahabat serta sesuai untuk kefahaman masyarakat awam di Malaysia.

### **1.7.3 Lokasi**

Lokasi kajian penulis adalah di perpustakaan dan di tempat-tempat pengajian hadith yang dijalankan oleh Muhammad Asri khususnya di sekitar Selangor iaitu di Management & Science University (Shah Alam), Surau Asy-Syarif (Seri Kembangan), Rumah Fikir (Bangi) dan Kuala Lumpur iaitu di Restoran Nelayan Titiwangsa (Gombak).

## **1.8 DEFINISI OPERASI KAJIAN**

Aplikasi: Kegunaan pada praktiknya dan menggunakan secara amali.<sup>5</sup>

Deobandy: Berasal dari nama Deoband iaitu salah sebuah daerah di Negara India yang melahirkan satu sistem pengajian al-Qurān dan al-Ḥadīth secara sistematik.

Manhaj Deobandy: Berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu „جَهْنَم“ yang bermaksud metode kaedah atau cara yang di gunakan dalam pembelajaran al-Qurān dan al-Ḥadīth yang berasal dari Negara India.<sup>6</sup>

Muhammad Asri bin Yusoff: Beliau ialah seorang guru agama yang telah mengikuti pengajian di Dār al-„Ulūm Deoband, India, Nahdah al-„Ulama“, Lucknow dan Jāmiyah al-„Ulūm, Karachi. Beliau adalah pengasas Darul Kautsar yang bertempat di Kampung

<sup>5</sup> Sheikh Othman bin Sheikh Salim et. al., *Kamus Dewan Edisi Baru*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 53.

<sup>6</sup> “Dewan Bahasa Dan Pustaka”, laman web, dicapai 7 Jun 2018. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=manhaj>. Zaid Y.S., *Kamus Akhbar: Arab – Melayu, Melayu – Arab*, (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1999), 133 dan “Al-Ma’ani: Likul Rasm Ma’ani”, laman web, dicapai 8 Jun 2018. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-id/%D9%85%D9%86%D9%87%D8%AC/>.

Kuchelong, Kelantan dan sekarang beliau banyak mengajar di sekitar semenanjung terutamanya di sekitar Kelantan, Selangor dan Wilayah Persekutuan.<sup>7</sup>

Pengajaran: Segala yang berkaitan dengan mengajar atau mengajarkan.<sup>8</sup>

Kesimpulan: Kajian ini adalah berkaitan dengan penggunaan kaedah Deobandy yang mana ianya adalah sistem dari Negara India yang telah dilaksanakan oleh Muhammad Asri bin Yusoff dalam sesi pengajarannya.

## **1.9 HIPOTESIS KAJIAN**

1.9.1 Muhammad Asri mengaplikasikan manhaj Deobandy dalam sistem pengajian hadith.

1.9.2 Pengaplikasian manhaj Deobandy sesuai di gunakan untuk pengajian hadith semasa.

1.9.3 Penggunaan manhaj Deobandy dalam pengajian hadith menepati sistem pengajian Rasulullah s.a.w. dan para sahabat.

## **1.10 KAJIAN LITERATUR**

Kajian yang dibuat oleh penulis mendapati bahawa terdapat kajian-kajian yang hampir sama dengan kajian yang dibuat oleh penulis di antaranya ialah disertasi yang bertajuk “Kaedah Kesahihan Sanad Hadith (Telaah Kritis Dan Tinjauan Dengan Pendekatan Ilmu Sejarah)” yang dibuat oleh saudara Muhammad Syuhudi Ismail. Persamaannya dengan disertasi penulis ialah dijelaskan tentang konsep periwayatan hadith yang bermula dari zaman Rasulullah s.a.w. sehingga ke para sahabat, seterusnya zaman tabiin dan tabi” tabiin. Turut dijelaskan tentang nama-nama periwayat dan tatacara periwayatan hadis serta matan hadith yang diriwayatkan. Perbezaan kajian ini dengan kajian penulis pula ialah, Kajian

<sup>7</sup> Mohd Irsyadi Abu Bakar, “Ikon Islam: Muhammad Asri Yusuf Berkelana Sejak Kecil,” *Majalah i*, Jun 2014, 140:14 dan Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

<sup>8</sup> “Dewan Bahasa Dan Pustaka”, laman web, dicapai 7 Jun 2018. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pengajaran>.

menjelaskan tentang faktor-faktor yang mendorong ulama untuk mengadakan penelitian sanad hadith dan proses penghimpunan (tadwin) hadith. Dan dijelaskan tentang kaedah-kaedah untuk mengetahui kesahihan sanad hadith dan dijelaskan tentang hadith yang tidak memenuhi syarat kaedah kesahihan sanad hadith.<sup>9</sup> Manakala kajian penulis menjelaskan tentang pengajian hadith oleh Muhammad Asri menggunakan manhaj Deobandy.

Seterusnya ialah latihan ilmiah yang telah ditulis oleh saudara Mohamed Radzi bin Haji Musa yang bertajuk “Metodologi Penyelidikan Hadith: Satu Penelitian Dari Aspek Sanad Dan Riwayat”. Yang mana persamaan di dalam kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian saudara Radzi menjelaskan tentang sejarah penulisan hadith dari zaman Rasulullah s.a.w. sehinggalah zaman pembukuannya. Perbezaan kajian ini dengan kajian penulis ialah di dalam kajian ini dijelaskan tentang penulisan kitab *Sunan Sittah* dengan dijelaskan tentang setiap kitab-kitab tersebut dan penilaian hadith-hadith yang telah dibuat oleh ulama-ulama hadith sama ada sahih atau daif.<sup>10</sup> Manakala kajian penulis ialah berkaitan dengan manhaj-manhaj pengajian hadith yang ada dan menfokuskan kepada pengajian hadith menggunakan manhaj Deobandy oleh Muhammad Asri bin Yusoff.

Antara kajian lain ialah disertasi yang berjudul “Orientalis Dan Kajian Sanad: Analisis Terhadap Pendapat G.H.A. Juynboll” yang berjaya disiapkan oleh saudara Arif Chasanul Muna. Persamaan kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini menjelaskan tentang pengajian sanad hadith yang menjadi amalan ahli ilmu. Perbezaan kajian ini dengan kajian penulis ialah, yang mana di dalam kajian ini dijelaskan tentang maksud orientalisme dan orientalis, perkembangan kajian hadith di kalangan orientalis dan kritikan terhadap kajian orientalis dalam bidang hadith. Kemudian dijelaskan tentang biografi

<sup>9</sup> Muhammad Syuhudi Ismail, *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis (Telaah Kritis Dan Tinjauan Dengan Pendekatan Ilmu Sejarah)* (Jakarta: Fakultas Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri, 1967).

<sup>10</sup> Mohamed Radzi bin Haji Musa, *Metodologi Penyelidikan Hadith: Satu Penelitian Dari Aspek Sanad Dan Riwayat* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1993/1994).

G.H.A. Juynboll dan metode kajian sanad yang telah digunakan olehnya. Fokus kajian ini ialah analisis terhadap pendapat-pendapat G.H.A. Juynboll dalam kajian sanad dan jawapan terhadap pendapatnya yang bertentangan dengan metode muhaddithin.<sup>11</sup> Manakala kajian penulis pula menfokuskan kepada manhaj-manhaj pengajian hadith, cara pengajaran hadith oleh Muhammad Asri dan aplikasi manhaj yang digunakan oleh Muhammad Asri.

Selain itu, kajian disertasi yang bertajuk “Pengajian Hadith Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pauh Jaya, Pulau Pinang” yang telah di tulis oleh Mohammad Akhir bin Wahab. Di dalam kajian beliau ini adalah berkaitan dengan pengajian hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Pauh yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan menilai teknik yang digunakan oleh guru-guru dalam menyampaikan hadith.<sup>12</sup> Kajian ini mempunyai persamaan dengan penulis iaitu untuk melihat cara pengajian hadith itu sendiri. Namun terdapat perbezaan di antara kajian penulis dengan beliau iaitu kajian ini menfokuskan kepada pengajian hadith yang menggunakan modul KBSM yang dibuat di SMK Pauh Jaya. Manakala kajian penulis mengkaji manhaj pengajian hadith yang digunakan oleh Muhammad Asri dalam pengajaran hadith di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur yang mana metode tersebut adalah metode Deobandy dari India.

Terdapat juga disertasi yang hampir sama dengan kajian penulis iaitu disertasi yang bertajuk “Metodologi Penerimaan Riwayat Sejarah Antara Al-Bukhārī Dan Ibn Ishaq: Kajian Perbandingan” yang ditulis oleh saudara Ahmad Saifuddin Bin Yusof. Persamaan di

<sup>11</sup> Arif Chasanul Muna, *Orientalis Dan Kajian Sanad: Analisis Terhadap Pendapat G.H.A. Juynboll* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

<sup>12</sup> Mohammad Akhir bin Wahab, *Pengajian Hadith Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pauh Jaya, Pulau Pinang* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

antara kajian ini dengan kajian penulis ialah menghuraikan tentang metodologi riwayat dalam penyampaian hadith yang telah diamalkan sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. sehingga zaman sekarang. Perbezaan di antara kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini menjelaskan tentang perkembangan riwayat sejarah dalam karya hadith dan perbandingan di antara metodologi Muhibbin dan Mu'arrikhun terhadap riwayat sejarah sama ada dari segi persamaan serta perbezaan. Di dalam kajian ini juga lebih menekankan tentang metodologi di antara Imam al-Bukhārī dan Ibn Ishaq dalam penerimaan terhadap riwayat yang berbentuk sejarah.<sup>13</sup> Manakala kajian menjelaskan tentang manhaj Deobandy dan cara perlaksanaannya oleh Muhammad Asri di kalangan masyarakat awam.

Antara kajian lain yang hampir sama dengan tajuk penulis ialah disertasi yang bertajuk “Keprihatinan Ulama Hadith Terhadap Sanad Hadith: Suatu Kajian Terhadap Aplikasinya Dalam Kitab Al-Sirah Al-Nabawiyyah, Karya Ibn Hisham” yang telah dihasilkan oleh saudara Muhammad Faisal bin Ismail @ Shamsuddin. Persamaan kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini menjelaskan mengenai konsep sanad dan hubungannya dengan hadith serta sanad dalam pensejarahan sirah. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini lebih menjelaskan tentang sejauhmana keprihatinan ulama hadith terhadap sanad. Dan menfokuskan kajian terhadap penggunaan sanad dalam penulisan Ibn Hisham di dalam kitabnya yang berjudul *al-Sirah al-Nabawiyyah* iaitu dijelaskan tentang sanad dalam pensejarahan sirah Nabi s.a.w.<sup>14</sup> Manakala kajian penulis pula menfokuskan kepada kajian yang lebih bersifat pengajaran di dalam kelas iaitu pengajian kitab hadith.

<sup>13</sup> Ahmad Saifuddin bin Yusof, *Metodologi Penerimaan Riwayat Sejarah Antara Al-Bukhārī Dan Ibn Ishaq: Kajian Perbandingan* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

<sup>14</sup> Muhammad Faisal bin Ismail @ Shamsuddin, *Keprihatinan Ulama Hadith Terhadap Sanad Hadith: Suatu Kajian Terhadap Aplikasinya Dalam Kitab Al-Sirah Al-Nabawiyyah, Karya Ibn Hisham* (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

Selain itu, disertasi yang hampir sama dengan tajuk penulis ialah disertasi yang bertajuk “Pengajian Hadis Di Kelantan; Satu Kajian Di Institusi Pengajian Pondok” yang ditulis oleh saudara Che Samsudin bin Mohamed Noor. Persamaan kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini lebih kepada menjelaskan tentang pengertian hadith dan ilmu hadith serta karya utama dalam pengajian hadith. Perbezaan kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini menjelaskan tentang kedatangan dan perkembangan pengajian hadith di Kelantan dengan dijelaskan tokoh-tokohnya. Tumpuan utamanya adalah kepada pengajian hadith di Institusi Pondok di Kelantan dan pengaruhnya terhadap masyarakat Islam khususnya di Kelantan.<sup>15</sup> Manakala kajian penulis pula menfokuskan kepada manhaj-manhaj pengajian hadith yang terdapat di beberapa negara lain dan di Malaysia. Di sini juga turut dijelaskan tentang pengaruh manhaj Deobandy kepada beberapa institusi di Malaysia.

Disertasi lain ialah “Pengajian Hadith Di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur” yang ditulis oleh Mohd Army bin Yusop. Kajian ini terdapat persamaan dengan kajian penulis di mana kajian ini menjelaskan berkaitan dengan pengajian hadith daripada zaman Rasulullah s.a.w., sahabat, tabi,in dan pengikut tabi,in sehingga zaman sekarang yang dijalankan di Sekolah Menengah, institusi-institusi pengajian tinggi, masjid, surau, madrasah-madrasah dan pondok-pondok. Perbezaan di antara kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini lebih menjurus kepada kajian terhadap pengajian Hadith di Madrasah Miftah al-„Ulūm untuk melihat kepada pengaruh Pengajian Hadith di India terhadap pengajian di Madrasah Miftah al-„Ulūm.<sup>16</sup> Manakala kajian penulis pula lebih menjurus kepada pengajian yang dijalankan oleh Muhammad Asri menggunakan manhaj deobandy terhadap masyarakat awam di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

<sup>15</sup> Che Samsudin bin Mohamed Noor, *Pengajian Hadis Di Kelantan; Satu Kajian Di Institusi Pengajian Pondok* (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

<sup>16</sup> Mohd Army bin Yusop, *Pengajian Hadith Di Madrasah Miftahul ‘Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur* (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

Seterusnya ialah tesis yang bertajuk “Sumbangan Shah Waliyullāh al-Dihlawī Kepada Ilmu Hadith Dan Pengaruhnya Di Kelantan”, kajian ini telah dihasilkan oleh Abdul Hayei bin Abdul Sukor. Persamaan di antara kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini menjelaskan tentang kedatangan Islam ke India, perkembangan ilmu hadith di India dan sumbangan Shah Waliyullāh al-Dihlawī dalam pengajian hadith. Perbezaan yang terdapat di dalam kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini lebih menfokuskan kepada pengaruh Shah Waliyullāh al-Dihlawī di dalam sistem pengajian hadith di Kelantan dan perkembangan pengajian hadith di Kelantan.<sup>17</sup> Manakala kajian penulis menjelaskan tentang pengajian hadith yang dijalankan oleh Muhammad Asri kepada masyarakat awam di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Antara disertasi lain ialah yang berjudul “Hadis-Hadis Dalam *Daqā'iq al-Tafsīr* Karya Ibn Taimiyyah: Studi Terhadap Kualitas Sanad Hadis” yang ditulis oleh Zainul Arifin. Di dalam kajian ini terdapat persamaan dengan kajian penulis yang mana kajian ini menghuraikan klasifikasi hadith, kriteria kesahihan hadith dan kaedah *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Perbezaan kajian ini dengan kajian penulis ialah kajian ini menjelaskan tentang riwayat hidup Ibn Taimiyyah, latar belakang dan corak pemikirannya dan hadith-hadith yang terdapat dalam *Daqā'iq al-Tafsīr*. Dan fokus kajian ini adalah berkaitan dengan telaah dan analisis terhadap hadith-hadith yang terdapat dalam *Daqā'iq al-Tafsīr* dengan mengemukakan hadith dan tarafnya, persambungan sanad, dan nilai sanad hadith.<sup>18</sup> Kajian penulis pula lebih memfokuskan kepada aplikasi pengajian hadith yang menggunakan manhaj Deobandy yang dilaksanakan oleh Muhammad Asri di dalam pengajian hadithnya.

<sup>17</sup> Abdul Hayei bin Abdul Sukor, *Sumbangan Shah Waliyullāh al-Dihlawī Kepada Ilmu Hadith Dan Pengaruhnya Di Kelantan* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1988).

<sup>18</sup> Zainul Arifin, *Hadis-Hadis Dalam Daqā'iq al-Tafsīr Karya Ibn Taimiyyah: Studi Terhadap Kualitas Sanad Hadis* (Jakarta: Program Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri, 1999).

## **1.11 METODOLOGI KAJIAN**

Mengikut Oxford Compact English Dictionary mendefinisikan bahawa kajian ialah “work that involve studying something and trying to discover facts about it” dan maksud lainnya juga ialah “something, you try to discoverfacts about it”.<sup>19</sup> Graziano dan Raulin (1996) mendefinisikan kajian iaitu sebagai suatu pencarian yang sistematik terhadap maklumat serta suatu proses penyelidikan.

### **1.11.1 Metode Pengumpulan Data**

Secara umumnya, kajian ini adalah kajian yang berbentuk kualitatif bagi mendapatkan maklumat tentang pengajian hadith oleh Muhammad Asri. Kajian kualitatif yang dijalankan adalah dalam bentuk kajian kepustakaan dan kajian temubual serta “*Focus Group Discussion*” yang menggunakan metode-metode berikut:

#### **1.11.1.1 Metode Dokumentasi**

Pengkaji menggunakan metode dokumentasi dalam menyelidik maklumat-maklumat yang berkaitan dengan cara pengajian hadith yang ada dengan membuat kajian kepustakaan melalui buku-buku, jurnal dan kajian-kajian ilmiah di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Za’ba, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Perpustakaan UIA, Perpustakaan USIM.

#### **1.11.1.2 Metode Pensejarahan**

Metode pensejarahan juga digunakan yang mana kajian ini bagi meneliti perkembangan cara pengajian hadith bermula daripada zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat, tabi‘in, tabi‘tabi‘in sehingga ke zaman sekarang. Selain itu, penulis juga mengkaji sebahagian manhaj-manhaj yang terdapat di dalam pengajian hadith.

---

<sup>19</sup> Collins Cobuild Advanced Dictionary, (United States: Heinle Cengage Learning, 2009), 1326.

### **1.11.1.3 Metode Temubual**

Metode temubual dijalankan kepada beberapa orang untuk menilai tentang pandangan mereka tentang cara program pengajian hadith menggunakan manhaj Deobandy oleh Muhammad Asri dan juga beberapa orang lain untuk mengkaji cara pengajian manhaj yang lain. Penulis turut menemubual Muhammad Asri tentang sistem aplikasi manhaj Deobandy yang dilaksanakan oleh beliau. Selain itu, penulis membuat kajian dengan menggunakan kaedah “*Focus Group Discussion*” untuk membuat perbincangan mengenai cara pengajian hadith oleh Muhammad Asri, kelebihan dan kesan kefahaman kepada pelajar-pelajarnya. Kaedah ini dijalankan kepada beberapa orang pelajar yang mengikuti kelas pengajian hadith yang disampaikan oleh Muhammad Asri.

### **1.11.1.4 Metode Pemerhatian**

Metode pemerhatian juga dibuat untuk mengkaji aplikasi manhaj Deobandy yang digunakan oleh Muhammad Asri dan melihat cara program pengajian hadith ini dijalankan dan merekod maklumat-maklumat berkaitan dengan cara penyampaian hadith daripada pengajian ini.

## **1.11.2 Metode Analisis Data**

### **1.11.2.1 Metode Induktif**

Ialah cara untuk membuat kesimpulan daripada beberapa data yang dianalisa yang bersifat khusus untuk mencari dan mendapatkan kesimpulan yang bersifat umum. Penulis akan memecahkan masalah kajian kepada masalah kecil dan ditangani satu persatu mengikut susunan yang sewajarnya. Data dikumpul secara terus menerus sehingga masalah kecil terjelas satu persatu dan pada akhirnya masalah kajian itu akan terjelas keseluruhannya. Setiap maklumat yang terkumpul akan terus dinilai untuk mengetahui kekuatannya dan

proses pengumpulan serta penilaian data atau maklumat akan terus berlaku secara serentak.<sup>20</sup> Penulis menggunakan metode induktif ini dengan mencari maklumat dan data-data yang terdapat dalam bahan-bahan ilmiah, lalu dibuat suatu teoritikal mengikut pandangan penulis berkaitan dengan kajian tersebut. Metode Induktif ini penulis gunakan di dalam Bab 1, 2 dan 3 untuk mencapai objektif nombor 1, 2 dan 3 iaitu bagi menjelaskan manhaj-manhaj dalam pengajian hadith dan mengkaji perkembangan pengajian hadith di Malaysia.

### **1.11.2.2 Metode Deduktif**

Ianya merupakan satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan di antara data-data yang diperolehi. Penggunaan metode deduktif digunakan oleh penulis untuk mengenalpasti satu teori yang telah dibentuk oleh mana-mana pihak bagi mendapatkan teoritikal yang telah dibuat, lalu teori tersebut akan digunakan untuk membuat pemerhatian. Pemerhatian dibuat untuk mendapatkan kebenaran dan logik maklumat tersebut. Penulis boleh menggagaskan satu teori yang khusus berasaskan pandangan, pengalaman, dan hasil kajian-kajian sebelum ini.<sup>21</sup> Untuk metode deduktif ini penulis menemubual Muhammad Asri dan beberapa orang lain. Penulis juga menggunakan teknik “*Focus Group Discussion*” yang mana penulis dan pelajar-pelajar yang mengikuti kelas pengajian Muhammad Asri membuat perbincangan tentang cara pengajaran yang dijalankan oleh Muhammad Asri. Metode Deduktif ini penulis gunakan di dalam Bab 4 iaitu untuk mencapai objektif menilai pengaplikasian manhaj Deobandy oleh Muhammad Asri dalam pengajian hadith.

---

<sup>20</sup> Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1975), 52 dan Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2009), 23.

<sup>21</sup> Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, 52 dan Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, 23.

### **1.11.2.3 Metode Komparatif**

Ianya merupakan satu cara untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan di antara data-data yang diperolehi.<sup>22</sup> Metode Komparatif ini digunakan selepas data teori dan data pemerhatian telah diperolehi, lalu satu kesimpulan akan dibuat berdasarkan kepada data-data yang telah diperolehi. Ia juga adalah suatu ringkasan agar mudah difahami. Metode Komparatif digunakan oleh penulis dalam Bab 5 yang mana analisis tentang kajian penulis di simpulkan di sini.

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, 52.

## BAB 1: SISTEM PENGAJIAN HADITH

### 1.1 PENGENALAN

Pengajian hadith yang bermula daripada zaman Rasulullah s.a.w. masih diikuti ciri-cirinya sehingga kini. Di dalam kajian ini penulis membuat kajian mengenai pengajian yang bermula daripada zaman Rasulullah s.a.w. yang mana baginda s.a.w. mempelajarinya dari malaikat dan kemudiannya Rasulullah s.a.w. menyampaikan pula kepada sahabat-sahabatnya. Terdapat beberapa kisah di dalam al-Qur'an dan hadith-hadith yang mana menceritakan pendekatan yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. dan cara baginda menyampaikan wahyu tersebut.

Di dalam kajian ini juga penulis membahagikannya kepada tiga cabang pengajian yang terkenal di Malaysia yang merujuk kepada manhaj ahli hadith iaitu Manhaj al-Haramain Makkah, Manhaj al-Azhar dan Manhaj Deobandy. Ketiga-tiga manhaj ini masih lagi mengikut cara pengajian yang diasaskan oleh ahli-ahli hadith cuma berbeza dari pendekatan yang digunakan oleh manhaj-manhaj tersebut.

### 1.2 PENGAJIAN HADITH PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

Sebenarnya pengajian secara *bertalaqqi* ini telah lama berlaku iaitu semasa terjadinya manusia pertama iaitu Nabi Adam a.s. itu sendiri. Ini turut dijelaskan di dalam al-Quran yang menceritakan tentang telah *bertalaqqinya* Nabi Adam a.s. dengan Allah s.w.t. iaitu:

فَتَلَقَّىٰ ءَادُمُ مِنْ رَبِّهِ ۖ ۝ گَلِمَتِ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ وَهُوَ الْتَّوَابُ الْرَّحِيمُ  
٢٧

Al-Baqarah, 2:37

Terjemahan: Kemudian Nabi Adam menerima dari Tuhananya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya; Sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Pengampun (penerima taubat), lagi Maha Mengasihani.

Pengajian Hadith pada peringkat awalnya adalah berdasarkan kepada cara penyampaian wahyu yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. daripada malaikat Jibril a.s. Di antara cara penyampaian wahyu yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. adalah seperti yang dinyatakan di dalam hadith berikut:

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ الْحَارِثَ بْنَ هِسَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ يَأْتِيكَ الْوَحْيُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْيَانًا يَأْتِينِي مِثْلَ صَلْصَلَةِ الْجَرْسِ وَهُوَ أَشَدُهُ عَلَيَّ فَيُفْصِمُ عَنِّي وَقَدْ وَعَيْتُ عَنْهُ مَا قَالَ وَأَحْيَانًا يَتَمَثَّلُ لِي الْمَلَكُ رَجُلًا فِي كَلْمَنِي فَأَعْيُ مَا يَقُولُ قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا وَلَقَدْ رَأَيْتُهُ يَنْتَلُ عَلَيْهِ الْوَحْيُ فِي الْيَوْمِ الشَّدِيدِ الْبَرْدِ فَيُفْصِمُ عَنْهُ وَإِنَّ جَيْنَهُ لِيَفْصَدُ عَرْقًا.

Terjemahan: Daripada „A”isyah Umm al-Mu”minin r.a.: bahawa al-Harith bin Hisyam r.a. telah bertanya Rasulullah s.a.w. katanya: Wahai Rasulullah, bagaimana datangnya wahyu kepada engkau? Maka Rasulullah s.a.w. menjawab; kadangkala datang kepadaku seperti bunyi loceng, dan itulah yang sangat memeranjatkan aku. Kemudian menjauhi ia (lenyap) daripadaku. Hingga aku benar-benar sedar dan faham sesuatu yang disampaikan. Dan kadangkala datang kepadaku seorang malaikat berupa lelaki lalu menyampaikan kepadaku maka aku telitian suatu yang disampaikan. Berkata „A”isyah r.a.: Demi Allah sesungguhnya aku lihat Rasulullah ketika turunnya wahyu pada hari yang bersangatan sejuk setelah ia lenyap daripadanya. Maka mukanya berpancaran peluh.<sup>23</sup>

Selain itu, terdapat juga hadith yang menjelaskan tentang cara Rasulullah s.a.w. bertalaqqi dengan malaikat Jibril iaitu dengan cara malaikat Jibril menyuruh Rasulullah s.a.w. untuk

<sup>23</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Bad,,i al-Wahy, Bāb Kayfa Kāna Bad” al-Wahy Ilā Rasūl Allāh s.a.w., no. hadith 2, Kitab Bad”i al-Khalq, Bab Dhikr al-Malā’i”kah, no. hadith 3215 dan Muslim, Kitab al-Faḍā’il, Bāb „Araq al-Nabi s.a.w. Fī al-Bard Wahīn Ya’tih al-Wahy, no. hadith 2333. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā’īl al-Bukhārī, “Saḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. „Abd al-Malik Mujāhid bin Muḥammad Yunus et al. (al-Riyāḍ: Dar al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī, 2000), 1 & 261, dan Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, “Saḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. „Abd al-Malik Mujāhid bin Muḥammad Yunus et al. (al-Riyāḍ: Dar al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī, 2000), 1089. Lafaz hadith yang dinukilkhan adalah menurut al-Bukhārī.

membaca. Lalu dibacakan oleh malaikat Jibril kepada Rasulullah s.a.w. supaya diikuti bacaan tersebut iaitu:

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أَنَّهَا قَالَتْ أَوْلُ مَا بُدِئَ بِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْوَحْيِ الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ فِي النَّوْمِ فَكَانَ لَا يَرَى رُؤْيَا إِلَّا جَاءَتْ مِثْلَ فَقَبِ الصُّبْحِ ثُمَّ حُبِّبَ إِلَيْهِ الْحَلَاءُ وَكَانَ يَخْلُو بِعَارِ حِرَاءٍ فَيَسْخَنُ فِيهِ وَهُوَ التَّعْبُدُ الْلَّيَالِيَ دَوَاتِ الْعَدَدِ قَيْلَ أَنْ يَنْزِعَ إِلَى أَهْلِهِ وَيَتَرَوَّدُ لِذِلِّكَ ثُمَّ يَرْجِعُ إِلَى حَدِيقَةِ فَيَنْزَوْدُ لِمِثْلِهَا حَتَّى جَاءَهُ الْحَقُّ وَهُوَ فِي عَارِ حِرَاءٍ فَجَاءَهُ الْمَلَكُ فَقَالَ اقْرَا مَا أَنَا بِقَارِئٍ قَالَ فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي حَتَّى بَلَغَ مِنِي الْجَهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ اقْرَا فَلَمْ يَقْرَأْ مَا أَنَا بِقَارِئٍ فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي الثَّانِيَةَ حَتَّى بَلَغَ مِنِي الْجَهْدَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ اقْرَا فَلَمْ يَقْرَأْ مَا أَنَا بِقَارِئٍ فَأَخَذَنِي فَعَطَّنِي الثَّالِثَةَ ثُمَّ أَرْسَلَنِي فَقَالَ

{اقْرَا بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَا وَرِبُّكَ الْأَكْرَمُ}

فَرَجَعَ بِهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرْجُفُ فُؤَادَهُ فَدَخَلَ عَلَى حَدِيقَةِ بِنْتِ حُوَيْلِدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا فَقَالَ زَمْلَوْنِي فَزَمَلَوْهُ حَتَّى دَهَبَ عَنْهُ الرُّوْغُ فَقَالَ لِحَدِيقَةِ وَأَخْبَرَهَا الْحَبْرَ لَقَدْ حَشِيتُ عَلَى نَفْسِي فَقَالَتْ حَدِيقَةُ كَلَّا وَاللَّهِ مَا يُخْزِيَكَ اللَّهُ أَبَدًا إِنَّكَ لَتَصْلِي الرَّحْمَ وَتَحْمِلُ الْكَلَّ وَتَكْسِبُ الْمَعْدُومَ وَتَقْرِي الضَّيْفَ وَتَعِينُ عَلَى تَوَائِبِ الْحَقِّ فَانْطَلَقْتُ بِهِ حَدِيقَةَ حَتَّى أَتَتْ بِهِ وَرَقَةُ بْنَ نَوْفَلٍ بْنُ أَسَدٍ بْنُ عَبْدِ الْعُرَيْ أَبْنَ عَمٍ حَدِيقَةَ وَكَانَ امْرًا قَدْ تَنَصَّرَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ وَكَانَ يَكْتُبُ الْكِتَابَ الْعِبْرَانِيَّ فَيَكْتُبُ مِنِ الْإِنجِيلِ بِالْعِبْرَانِيَّةِ مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يَكْتُبَ وَكَانَ شِيْحًا كَبِيرًا قَدْ عَمِيَ فَقَالَتْ لَهُ حَدِيقَةُ يَا ابْنَ عَمٍ اسْمَعْ مِنِ ابْنِ أَخِيكَ فَقَالَ لَهُ وَرَقَةُ يَا ابْنَ أَخِي مَاذَا تَرَى فَأَخْبَرَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَبَرَ مَا رَأَى فَقَالَ لَهُ وَرَقَةُ هَذَا النَّامُوسُ الَّذِي نَزَّلَ اللَّهُ عَلَى مُوسَى يَا لَيْسَنِي فِيهَا جَدَعًا لَيْسَنِي أَكُونُ حَيًّا إِذْ يُخْرِجُكَ قَوْمَكَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْخُرُجِي هُمْ قَالَ نَعَمْ لَمْ يَأْتِ رَجُلٌ قَطُّ مِثْلُ مَا جِئْتَ بِهِ إِلَّا عُودِي وَإِنْ يُدْرِكَنِي يَوْمَكَ أَنْصُوكَ نَصْرًا مُؤْزَراً ثُمَّ لَمْ يَنْشَبْ وَرَقَةُ أَنْ ثُوَّيْ وَقَرَرَ الْوَحْيُ

قَالَ ابْنُ شَهَابٍ وَأَخْبَرَنِي أُبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيَ قَالَ وَهُوَ يُحَدِّثُ عَنْ فَتْرَةِ الْوَحْيِ فَقَالَ فِي حَدِيشَةِ بَيْنَا أَنَا أَمْشِي إِذْ سَمِعْتُ صَوْتًا مِنْ

السَّمَاءِ فَرَفَعْتُ بَصَرِي فَإِذَا الْمَلَكُ الَّذِي جَاءَنِي بِحِرَاءٍ حَالِسٌ عَلَى كُرْسِيٍّ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ فَرَعَبْتُ مِنْهُ فَرَجَعْتُ فَقُلْتُ رَمَّلُونِي رَمَّلُونِي فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى

{يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ قُمْ فَأَنْذِرْ إِلَيَّ فَوْلِيهِ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ}

فَحَمِّيَ الْوَحْيُ وَتَنَابَعَ تَابَعَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ وَأَبُو صَالِحٍ وَتَابَعَهُ هِلَالُ بْنُ رَدَادٍ  
عَنِ الزُّهْرِيِّ وَقَالَ يُونُسُ وَمَعْمَرُ بَوَادِرُهُ.

Terjemahan: Daripada „A’isyah Umm al-Mu’minin katanya: Pertama kali diturunkan wahyu kepada Rasulullah dengan (perantaraan) mimpi yang benar di dalam tidurnya. Dia tidak bermimpi melainkan datang kepadanya seperti cahaya Subuh. Berikutan dengan itu dia suka membersihkan jiwa dan hati dan dia (selalu) berasing diri di Gua Hira”. Maka (disitu) dia beribadah dengan agama Hanifah dia beribadah di situ beberapa hari dan malam sebelum dia pulang kepada ahlinya, kemudian dia disediakan makanan untuknya (sepanjang masa beribadah) kemudian (setelah habis bekalan) kembali lagi kepada Khadijah. Lalu disediakan pula makanan seumpamanya hingga datang kepadanya wahyu (*al-haq*) sedangkan dia di dalam Gua Hira”.

Ketika datang kepadanya malaikat (lantas) berkata: Bacalah. Rasulullah berkata: Aku tidak tahu membaca. Maka dipegang aku dipeluknya bersungguh-sungguh, kemudian dilepaskan aku. Lalu berkata: Bacalah. Aku berkata aku tidak pandai membaca. Maka dipegang aku, dan dipeluknya bersungguh-sungguh dikali kedua. Kemudian dilepaskan aku, lalu berkata dia, bacalah. Maka aku berkata: Aku tidak tahu membaca. Maka dipegang aku dan dipeluknya kali ketiga. Kemudian dilepaskan aku lalu berkata: Bacalah dengan nama tuhanmu yang mencipta. Menciptakan manusia daripada darah (‘alaq). Bacalah dan tuhan engkau jua yang paling mulia. (Maka setelah itu) Rasulullah kembali kepada Khadijah binti Khuwailid r.a. dalam keadaan ketakutan. Terus masuk kepada Khadijah binti Khuwailid seraya berkata: Selimutkan aku. Selimutkan aku. Selimutkan aku. Maka diselimutkan dia hingga hilang ketakutan daripadanya. Berkata dia kepada Khadijah dan menceritakan kepadanya perkara yang berlaku. (Akhirnya dia berkata) Demi Allah sesungguhnya aku berasa takut. Maka sahut Khadijah: Tidak sekali-kali (apa yang hendak ditakutkan) demi Allah. Allah tidak akan merungsingkan engkau selama-lamanya. (Kerana) Engkau seorang yang suka menghubungkan silaturrahim. Dan engkau seorang yang suka menanggung kepahitan hidup. Dan engkau suka mengorbankan tenaga kerana orang yang lemah (tidak berada) dan suka memuliakan tetamu, dan menolong atas yang haq daripada cubaan dan bala. Maka Khadijah bawa Rasulullah kepada Waraqah bin Naufal bin Asad bin ,Abdul ,Uzza, anak bapa saudara

Khadijah, dan dia seorang yang beragama Nasara ketika jahiliyyah. Dan seorang penulis buku dalam bahasa Ibrani. Dia menulis kitab Injil dalam bahasa Ibrani mengikut kehendak Allah daripada perkara yang hendak ditulis sementara itu dia seorang yang tua dan buta. Khadijah berkata kepadanya (Waraqah): Hai anak bapa saudaraku! Denganlah daripada anak saudaraku: Apa yang engkau telah engkau lihat? Lalu Rasulullah (menceritakan) kepadanya perkara yang telah dilihat. (Akhirnya) Waraqah berkata kepada Rasulullah. Inilah dia Jibril yang telah diturun oleh Allah kepada Nabi Musa. Cita-cita aku padanya (pada ketika Nubuwaah Muhammad nanti) akan kembali muda. Kalau aku masih hidup ketika kaum engkau mengeluarkan engkau dari Makkah (dapat memberi pertolongan) maka kata Rasulullah s.a.w.: Adakah mereka akan mengeluarkan aku? Waraqah berkata: Ya, katanya lagi: Tidak pernah diberi kepada mana-mana lelaki seperti mana yang diberi kepada engkau. Kecuali bermusuhan-musuhan terhadap engkau. Dan jika diberi kepada aku masa atau hari engkau itu. Aku akan menolong engkau dan membantu dengan sekutu-kuatnya. Kemudian tidak beberapa lama Waraqah meninggal dunia. Dan wahyu juga terputus. Ibn Shihāb berkata: Abū Salamah bin „Abd al-Rahmān telah menghabarkan kepada aku bahawa Jabīr bin „Abd Allāh al-Anṣāri berkata: Dan dia menceritakan (mengenai) masa terputusnya wahyu dia berkata dalam hadithnya: Ketika aku sedang berjalan tiba-tiba kedengaran suara dari arah langit, lalu aku angkat pandanganku tiba-tiba malaikat yang datang kepadaku di Gua Hira“ sedang duduk di atas kerusi antara langit dan bumi. Maka aku rasa takut. Lalu aku kembali (kepada ahliku) maka berkata: (Kepada Khadijah) selimutkan aku, maka (ketika itu) Allah Taala turunkan ayat: Wahai orang yang berselimut (hingga firman Allah) berhalab halab tinggalkanlah. Maka wahyu turun dengan banyak dan berterusan.<sup>24</sup>

Dari pada cara inilah Rasulullah s.a.w. seterusnya menyampaikan wahyu ayat-ayat al-Qur'an dan juga kata-kata baginda yang mendapat keizinan daripada Allah s.w.t. kepada sahabat-sahabat baginda s.a.w. Dan pada peringkat permulaan ini hanya beberapa sahabat baginda sahaja yang menerima di antaranya ialah Abū Bakr al-Šiddīq, Khadījah binti Khuwailid, „Alī bin Abī Ṭālib, Zayd bin Ḥārithah dan beberapa orang yang lain lagi.

<sup>24</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab bad,,i al-Wahyi, Kitab Bad,,i al-Wahy, Bāb Kayfa Kāna Bad" al-Wahy Ilā Rasūl Allāh s.a.w., no. hadith 3 dan Muslim, Kitab al-Iman, Bāb Bad" al-Wahy Ilā Rasūl Allāh s.a.w., no. hadith 160. Telah *mutaba'ah* akan Yahya bin Bakir (akan Ibn Syihāb Sheikh lil Bukhari) oleh „Abd Allah bin Yusof dan Abu salih. Dan telah *mutaba'ah*, „Aqil bin Khalid (guru al-laith) oleh Hilal bin Ridād daripada al-Zuhri. Yunus dan mu'āmmar berkata: hadith ini mutawatir. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī, "Sahīḥ al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth*, ed. „Abd al-Malik, 1 dan Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Sahīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth*, ed. „Abd al-Malik, 704-705. Lafaz hadith yang dinukilkan adalah menurut al-Bukhārī.

Makanya pengajian hadith ini sebenarnya sudah bermula semenjak lebih daripada 1400 tahun yang lalu. Metode pengajian hadith yang digunakan hanya tertakluk kepada kaedah hafazan oleh para sahabat yang mempunyai ingatan yang kuat dan mereka amat memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan prinsip Islam yang utuh di bawah pimpinan Baginda s.a.w. Metode hafazan ini dapat dilihat sebagaimana usaha Rasulullah s.a.w. untuk menghafal wahyu yang diturunkan kepada Baginda s.a.w. melalui hadith ini:

عَنْ أَبْنَ عَبَّاسٍ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى { لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ } قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَالِجُ مِنَ التَّنْزِيلِ شِدَّةً وَكَانَ مِمَّا يُحْرِكُ شَفَّتَيْهِ فَقَالَ أَبْنُ عَبَّاسٍ فَإِنَا أُخْرِكُهُمَا لَكُمْ كَمَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْرِكُهُمَا وَقَالَ سَعِيدُ أَنَا أُخْرِكُهُمَا كَمَا رَأَيْتُ أَبْنَ عَبَّاسٍ يُحْرِكُهُمَا فَحَرَكَ شَفَّتَيْهِ فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى { لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَيْنَاهَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ } قَالَ جَمْعُهُ لَكَ فِي صَدْرِكَ وَتَقْرَأُهُ { فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبَعْ قُرْآنَهُ } قَالَ فَاسْتِمْعْ لَهُ وَأَنْصِتْ { ثُمَّ إِنَّ عَيْنَاهَا بَيَانَهُ } ثُمَّ إِنَّ عَيْنَاهَا أَنْ تَقْرَأُهُ فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ إِذَا أَتَاهُ جِبْرِيلُ اسْتَمَعْ فَإِذَا انْطَلَقَ جِبْرِيلُ قَرَأَهُ التَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا قَرَأَهُ .

Terjemahan: Daripada ,Abd Allāh Ibn ,Abbas berkenaan dengan firman Allāh Ta,ālā yang bermaksud: Janganlah engkau (Muhammad) mengerak-gerakkan lidahmu dengannya (ayat al-Quran) kerana hendak segera (gopoh) membacanya (ketika Jibril membacakan al-Quran kepada Nabi s.a.w.) Kata (Ibn ,Abbās) adapun Rasulullah s.a.w. mengalami kesukaran dari turunnya wahyu kepada baginda. Dan yang demikian itu adalah di antara sebab baginda mengerak-gerakkan kedua belah bibirnya. Kata Ibn ,Abbās lagi: Maka saya pun mengerak-gerakkan kedua belah bibir untuk kamu sebagaimana Rasulullah s.a.w. mengerak-gerakkannya. Dan berkata pula Sa,id aku pun mengerak-gerakkan kedua belah bibir seperti yang aku lihat Ibn ,Abbas mengerak-gerakkan kedua bibirnya, lalu dia pun mengerak-gerakkan kedua-dua belah bibirnya. Sebab itu diturunkan Allah firmannya yang bermaksud: Janganlah kamu mengerakkan dengannya (ayat al-Quran) lidah kamu kerana hendak bersegera (gopoh) membacanya. Sesungguhnya Kami (Allah) akan menghimpunkannya di dalam dada engkau (Muhammad) dan engkau akan membacanya, maka apabila Kami bacakan dia hendaklah engkau turut bacaannya. Katanya maka semak dan dengarlah kepadanya. Kemudian sesungguhnya Kamilah yang akan menerangkannya, kemudian sesungguhnya Kamilah yang

akan menjamin engkau membacanya. Maka setelah itu Rasulullah s.a.w. jika didatangi oleh Jibril baginda pun mendengar sehingga apabila Jibril selesai barulah nabi membacanya sebagaimana yang dibacakan oleh Jibril.<sup>25</sup>

Selain daripada cara Rasulullah s.a.w. menerima wahu daripada malaikat Jibril a.s. dengan cara bertalaqqi, Rasulullah s.a.w. juga menggunakan metode yang berbeza dalam menjelaskan dan memahamkan sahabat-sahabat baginda s.a.w. tentang agama iaitu adakalanya Rasulullah s.a.w. menegur perbuatan para sahabat seperti hadith berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ تَحَفَّظَ عَنَّا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سُفْرَةِ سَافَرْنَا هُنَا فَأَذْرَكَنَا وَقَدْ أَرْهَقْنَا الصَّلَاةَ وَجَنَاحُنَا تَتَوَضَّأُ فَجَعَلْنَا نَمْسَحُ عَلَى أَرْجُلِنَا فَنَادَى بِأَعْلَى صَوْتِهِ وَيُلْمِلُ لِلْأَعْقَابِ مِنَ التَّارِ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةً.

Terjemahan: Daripada „Abd Allāh bin 'Amrū berkata: Nabi s.a.w. pernah tertinggal dari kami dalam suatu perjalanan yang kami lakukan hingga beliau mendapatkan kami sementara waktu solat sudah hampir habis, kami berwuduk dengan hanya mengusap kaki kami. Maka Nabi s.a.w. berseru dengan suara yang keras: "Celakalah bagi tumit-tumit yang tidak basah akan masuk neraka." Beliau serukan hingga dua atau tiga kali.<sup>26</sup>

Selain itu, Rasulullah s.a.w. juga bertanyakan soalan untuk memberi kefahaman kepada para Sahabat seperti hadith berikut:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجَرَةً لَا يَسْفُطُ وَرْقُهَا وَإِنَّهَا مَثْلُ الْمُسْنِلِمِ فَحَدَّثُنِي مَا هِيَ فَوَقَعَ النَّاسُ فِي شَجَرِ الْبَوَادِي قَالَ عَبْدُ اللَّهِ وَوَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ فَاسْتَحْيَيْتُ ثُمَّ قَالُوا حَدَّثْنَا مَا هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ هِيَ النَّخْلَةُ.

<sup>25</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Bad' al-Wahy, Bāb Kayfa Kāna Bad' al-Wahy Ilā Rasūl Allāh s.a.w., no. hadith 4 dan Muslim, Kitab al-Solat, Bāb al-Istimā' Li al-Qirā'ah, no. hadith 448. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth*, *ibid.*, 1 dan Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Sahīh Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth*, *ibid.*, 749. Lafaz hadith yang dinukilkhan adalah menurut al-Bukhārī.

<sup>26</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-„Ilm, Bāb Man Rafā'" Sautah Bi „Ilmi, no. hadith 60 dan Muslim, Kitab al-Taharah, Bāb Wujūb Ghasl al-Rajlān Bi Kamālihimā, no. hadith 241. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth*, *ibid.*, 7 dan Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Sahīh Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth*, *ibid.*, 721. Lafaz hadith yang dinukilkhan adalah menurut al-Bukhārī.

Terjemahan: Daripada Ibn „Umar berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya di antara pohon ada suatu pohon yang tidak jatuh daunnya. Dan itu adalah perumpamaan bagi seorang Muslim". Nabi s.a.w. bertanya: "Katakanlah kepadaku, pohon apakah itu?" Maka para sahabat beranggapan bahawa yang dimaksud adalah pohon yang berada di lembah. „Abd Allāh berkata: "Aku berfikir dalam hati pohon itu adalah pohon kurma, tapi aku malu mengungkapkannya. Kemudian para Sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, pohon apakah itu?" Baginda s.a.w. menjawab: "Pohon kurma".<sup>27</sup>

Dan ada juga sahabat yang apabila menghadapi kemosykilan tentang agama akan segera bertanya kepada Nabi s.a.w. seperti hadith ini:

عَنْ شَرِيكِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي نَمِيرٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ: بَيْنَمَا خَنْ جُلُوسُ  
مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ دَخَلَ رَجُلٌ عَلَى جَمِيلٍ فَأَنَاخَهُ فِي  
الْمَسْجِدِ ثُمَّ عَقَلَهُ ثُمَّ قَالَ لَهُمْ أَيُّكُمْ مُحَمَّدٌ وَالَّذِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَكَبِّرٌ بَيْنَ  
ظَهَرَانِيهِمْ فَعَقْلُنَا هَذَا الرَّجُلُ الْأَبِيضُ الْمُتَكَبِّرُ فَقَالَ لَهُ الرَّجُلُ يَا ابْنَ عَبْدِ الْمُطَلِّبِ  
فَقَالَ لَهُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَجْبَتُكَ فَقَالَ الرَّجُلُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ إِنِّي سَائِلُكَ فَمُشَدِّدٌ عَلَيْكَ فِي الْمَسْأَلَةِ فَلَا تَجِدُ عَلَيَّ فِي نَفْسِكَ فَقَالَ سَلِّ  
عَمَّا بَدَا لَكَ فَقَالَ أَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ وَرَبِّ مَنْ قَبْلَكَ أَللَّهُ أَرْسَلَكَ إِلَى النَّاسِ كُلَّهُمْ فَقَالَ  
اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدُكَ بِاللَّهِ أَللَّهُ أَمْرَكَ أَنْ نُصَلِّي الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ  
قَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدُكَ بِاللَّهِ أَللَّهُ أَمْرَكَ أَنْ نَصُومَ هَذَا الشَّهْرَ مِنْ السَّنَةِ قَالَ  
اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدُكَ بِاللَّهِ أَللَّهُ أَمْرَكَ أَنْ تَأْخُذَ هَذِهِ الصَّدَقَةَ مِنْ أَغْنِيَائِنَا فَتَقْسِمَهَا  
عَلَى فُقَرَائِنَا فَقَالَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُمَّ نَعَمْ فَقَالَ الرَّجُلُ آمِنْتُ بِمَا جِئْتَ  
بِهِ وَأَنَا رَسُولُ مَنْ وَرَأَيْتِ مِنْ قَوْمِي وَأَنَا ضِيَامُ بْنُ ثَعَلَبَةَ أَخْوَيْ بَنِي سَعْدٍ بْنِ بَكْرٍ. وَرَوَاهُ  
مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ وَعَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ الْمَغْيِرَةِ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ  
عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا.

<sup>27</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-„Ilm, Bāb Qauli al-Muḥaddith: Ḥaddathanā, Wa,akhabaranā, Wa,,anbaanā, no. hadith 61 dan Muslim, Kitab Sifat al-Munafiqin wa al-kamuhum, Bāb Mathal al-Mu'min Mathal al-Nakhlah, no. hadith 2811. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Hadīth*, *ibid.*, 7 dan Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Hadīth*, *ibid.*, 1167. Lafaz hadith yang dinukilkan adalah menurut al-Bukhārī.

Terjemahan: Daripada Syarik bin ,Abd Allāh bin Abū Namr bahawa dia mendengar Anas bin Mālik berkata: Ketika kami sedang duduk-duduk bersama Nabi s.a.w. di dalam masjid, ada seorang yang menunggang unta datang lalu menambatkannya dekat masjid lalu berkata kepada mereka (para sahabat): "Siapa di antara kalian yang bernama Muhammad?" Pada saat itu Nabi s.a.w. bersandaran di tengah para sahabat, lalu kami menjawab: "orang Ini, yang berkulit putih yang sedang bersandar". Orang itu berkata kepada Beliau; "Wahai putera Abdul Muṭalib" Nabi s.a.w. menjawab: "Ya, aku sudah menjawabmu". Maka orang itu berkata kepada Nabi s.a.w.: "Aku bertanya kepadamu persoalan yang mungkin berat buatmu namun janganlah kamu merasakan sesuatu terhadapku." Maka Nabi s.a.w. menjawab: "Tanyalah apa yang menjadi persoalanmu". Orang itu berkata: "Aku bertanya kepadamu demi Rabbmu dan Rabb orang-orang sebelummu. Apakah Allah yang mengutusmu kepada manusia seluruhnya?" Nabi s.a.w. menjawab: "Demi Allah, ya benar!" Kata orang itu: "Aku bersumpah kepadamu atas nama Allah, apakah Allah yang memerintahkanmu supaya kami solat lima (waktu) dalam sehari semalam?" Nabi s.a.w. menjawab: "Demi Allah, ya benar!" Kata orang itu: "Aku bersumpah kepadamu atas nama Allah, apakah Allah yang memerintahkanmu supaya kami puasa di bulan ini dalam satu tahun?" Nabi s.a.w. menjawab: "Demi Allah, ya benar!" Kata orang itu: "Aku bersumpah kepadamu atas nama Allah, apakah Allah yang memerintahkanmu supaya mengambil sedekah dari orang-orang kaya di antara kami lalu membagikannya kepada orang-orang fakir diantara kami?" Nabi s.a.w. menjawab: "Demi Allah, ya benar!" Kata orang itu: "Aku beriman dengan apa yang engkau bawa dan aku adalah utusan kaumku, aku Ḍimām bin Thā'labah saudara dari Bani Sa'ḍ bin Bakr." Begitulah (kisah tadi) sebagaimana yang diriwayatkan oleh Mūsā bin Ismā'īl dan „Ali bin „Abd al-Ḥamīd dari Sulaiman bin al-Mughirah dari Thābit dari Anas dari Nabi s.a.w.<sup>28</sup>

Penyampaian risalah Islam turut dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan menggunakan surat seperti dijelaskan di dalam beberapa hadith. Di antara hadith itu ialah:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ بِكِتَابِهِ رَجُلًا  
وَأَمْرَهُ أَنْ يَدْفَعَهُ إِلَى عَظِيمِ الْبَحْرَيْنِ فَدَفَعَهُ عَظِيمُ الْبَحْرَيْنِ إِلَى كَسْرِيَ فَلَمَّا قَرَأَهُ مَزَّقَهُ  
فَحَسِبَتْ أَنَّ ابْنَ الْمُسِيَّبِ قَالَ فَدَعَا عَلَيْهِمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ  
يُمْرَقُوا كُلُّ مُزَّقٍ.

<sup>28</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-„Ilm, Bāb Ma Jā „a Fī al-„Ilm, no. hadith 63. Ijma“ ulama“ menyatakan hadith ini sahih. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā’īl al-Bukhārī, “Sahīh al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Hadīth*, *ibid.*, 8.

Terjemahan: Bahawa „Abd Allāh bin „Abbās telah mengabarkannya, bahawa Nabi s.a.w. telah mengutus seseorang dengan membawa surat dan memerintahkan kepadanya untuk memberikan surat tersebut kepada Pemimpin Bahrain. Lalu Pemimpin Bahrain itu memberikannya kepada Kisra. Tatkala dibaca, surat itu dirobeknya. Aku mengira kemudian Ibn Musayyab berkata; lalu Rasulullah s.a.w. berdoa agar mereka (kekuasaannya) dirobek-robek sehancur-hancurnya.<sup>29</sup>

Jadi pengajian hadith pada zaman Rasulullah s.a.w. lebih mudah kerana para sahabat boleh terus merujuk kepada Nabi s.a.w. Pada tahap pertama pengajian hadith pada zaman Rasulullah s.a.w. ini, tidak dibenarkan sama sekali untuk mencatat mana-mana petikan hadith yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. kerana bimbang bercampur antara al-Qur'an dan hadith. Di peringkat akhir setelah para sahabat dapat membezakan di antara al-Qur'an dan hadith dan untuk menjaga hadith-hadith yang disampaikan oleh Baginda s.a.w. daripada hilang, maka di izinkan untuk para sahabat mencatat hadith-hadith yang keluar daripada Rasulullah s.a.w.

### **1.3 PENGAJIAN HADITH PADA ZAMAN SAHABAT, TABI'IN DAN PENGIKUT TABI'IN**

Zaman ini adalah zaman selepas sahaja kewafatan Rasulullah s.a.w. yang mana para sahabat tidak lagi boleh merujuk sebarang masalah agama kepada Rasulullah s.a.w. Jadi para sahabat, tabi'in dan pengikutnya pada ketika itu akan merujuk kepada orang-orang yang rapat dengan Rasulullah s.a.w. dan mengetahui hadith-hadith daripada Rasulullah s.a.w. Paling penting ialah metodologi yang digunakan oleh para sahabat, tabi'in dan pengikut tabi'in adalah hampir sama dengan metode yang digunakan oleh Baginda s.a.w.

---

<sup>29</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-„Ilm, Bāb Mā Yudhzar Fī al-Munāwalah, Wakitāb „Ahl al-„Ilm Bi al-„Ilm „Iḥā al-Buldān, no. hadith 64. Ijma' ulama menyatakan hadith ini sahih. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī, "Saḥīḥ al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Hadīth*, *ibid.*, 8.

Selain daripada metode hafalan, adab-adab juga sangat dititik beratkan dalam mempelajari ilmu.<sup>30</sup>

Para sahabat, tabi'īn dan pengikut tabi'īn menitikberatkan kepada catatan atau penulisan supaya dapat dihimpunkan dan dibukukan pada sesuatu tempat bagi memudahkan umat-umat terkemudian mendapatkannya selain untuk tujuan rujukan pada masa akan datang. Oleh itu, faktor-faktor yang menjurus kepada perkara tersebut di antaranya ialah dari segi perkembangan pengajian hadith yang begitu cepat tersebar ke banyak tempat yang menyebabkan aliran-aliran sanad hadith menjadi begitu banyak. Selain itu, lahirnya kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang mengelirukan umat Islam seperti aliran Syi'ah, Mu'tazilah, Jabariah, Khawarij dan sebagainya. Seterusnya kekuatan hafalan bagi umat Islam semakin kurang dan lemah berbanding dengan kekuatan hafalan umat Islam pada zaman Rasulullah s.a.w.<sup>31</sup>

Mengikut pandangan penulis metode pengajian yang digunakan sahabat sama dengan cara yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat. Namun, kebanyakan sahabat mempunyai hadith-hadith yang sama diperolehi daripada Rasulullah s.a.w. kerana mereka sangat dengan Rasulullah s.a.w. Cuma ada beberapa orang sahabat yang tidak mendengar sesuatu hadith akan mengambil hadith tersebut daripada sahabat lain. Kebanyakan yang mengambil dan mempelajari hadith daripada para sahabat adalah di kalangan *Tabi'in* kerana mereka tidak sempat berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. kekuatan dalam hafalan juga sangat dititik beratkan dalam kalangan para sahabat dalam mempelajari al-Qur'an dan al-Hadīth.

<sup>30</sup> Faisal Ahmad Shah et. al., *Manāhīj al-Muḥaddiḥīn: Metode Dan Pendekatan Sarjana Hadith* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 32. Lihat Muhammad Syuhudi Ismail, *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis (Telaah Kritis Dan Tinjauan Dengan Pendekatan Ilmu Sejarah)* (Jakarta: Fakultas Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri, 1967), 33.

<sup>31</sup> Faisal Ahmad Shah et. al., *Manāhīj al-Muḥaddiḥīn*, 32. Lihat Muhammad Syuhudi Ismail, *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis*, 33.

Namun begitu ada juga sejumlah besar sahabat tidak memperolehi sesuatu hadith iaitu tidak diriwayatkan secara *mutawatir* tetapi hadith tersebut diperolehi oleh beberapa orang sahabat dan kadang-kadang seorang sahabat sahaja iaitu yang dipanggil sebagai hadith *ahad*. Berkaitan dengan hadith yang tidak ramai yang mengetahui hadith tersebut kerana hadith itu tidak diriwayatkan secara *mutawatir* maka para sahabat sangat berhati-hati untuk menerima hadith *ahad* ini kecuali kepada sahabat-sahabat yang diyakini akan kethiqahannya. Walaupun begitu mereka akan meminta para sahabat tersebut untuk mendatangkan saksi untuk menyokong sesuatu hadith yang dibawakan.<sup>32</sup>

Pada zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar r.a. dan Saidina „Umar al-Khaṭṭāb r.a., perjalanan dalam meriwayatkan hadith berlaku dengan sangat berhati-hati sehingga di suruh untuk mendatangkan saksi atau melakukan sumpah kepada sahabat-sahabat yang meriwayatkan hadith. Dengan sebab itulah periyatan hadith menjadi terbatas, ini kerana pada masa itu terdapatnya orang-orang munafik yang memalsukan hadith untuk tujuan tertentu dan untuk mengelirukan umat Islam. Khalifah Abu Bakar r.a. telah mewujudkan suatu undang-undang yang melarang berlakunya pendustaan terhadap periyatan hadith dengan memberi ancaman kepada sesiapa sahaja yang meriwayatkannya.<sup>33</sup>

Contohnya seperti Saidina Abū Bakar r.a. yang bertanyakan tentang hak seorang perempuan tua. Berkata al-Dhaḥabi, “Abū Bakar r.a. adalah orang yang berhati-hati dalam menerima khabar.” Menurut Ibn Shihab yang meriwayatkannya daripada Qubaysyah bin Zuwayb: Seorang perempuan tua telah datang kepada Abū Bakar r.a. untuk bertanyakan tentang harta pusaka untuk dirinya. Abū Bakar r.a. menjawab, “Aku tidak menemui sesuatu untuk dirimu di dalam al-Qur'an dan aku tidak mengetahui Rasulullah s.a.w. menyebut

<sup>32</sup> Faisal Ahmad Shah et. al., *Manāhij al-Muḥaddiḥin*, 32. Lihat Muhammad Syuhudi Ismail, *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis*, 33.

<sup>33</sup> Shahril Nizam Zulkipli, Ishak Sulaiman, *Autoriti Hadis Di Internet* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 5.

sesuatu untuk dirimu”. Kemudian Abu Bakar r.a. bertanyakan kepada sahabat yang lain. al-Mughirah berdiri dan berkata, “saya mendengar Rasulullah s.a.w. berkata bahawa ia memberikan satu perenam bahagian untuknya”. Kemudian Abu Bakar bertanyakan kepada al-Mughirah, “Adakah orang lain bersamamu ketika itu?” Setelah Muhammad bin Salamah memberikan kesaksianya mengenai hal itu, maka Abu Bakar memberikan waris kepada perempuan tua tersebut berdasarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w. itu.<sup>34</sup>

Seterusnya tentang kisah Saidina „Umar al-Khaṭṭāb r.a. yang mana beliau dilihat sangat tegas dalam soal periwayatan hadith. Ini dinyatakan dengan kata Ibn Qutaybah bahawa Khalifah „Umar r.a. sangat tidak menyukai orang yang banyak meriwayatkan hadith atau orang yang membawa khabar mengenai hukum dengan tidak dibawakan saksi atau dengan melakukan sumpah. Abū Hurayrah r.a. pernah menyatakan pemeliharaan sunnah Rasulullah s.a.w. ketika pada zaman pemerintahan Khalifah „Umar al-Khaṭṭāb r.a. dengan menyebut, “jika aku meriwayatkan hadith pada zaman pemerintahan „Umar r.a. seperti mana aku meriwayatkan hadith kepadamu, nescaya „Umar r.a. akan memukulku dengan cambuknya”.<sup>35</sup>

Selain daripada didatangkan saksi ada juga hadith yang diperolehi oleh seorang sahabat yang muktabar, namun boleh diterima oleh semua para sahabat kerana sebab-sebab berikut iaitu hadith tersebut bertepatan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah. Sahabat tersebut boleh dipercayai, dan merupakan sahabat yang paling rapat dan lama dengan Rasulullah s.a.w. Ini seperti contoh hadith yang berikut:

- i. Hadith daripada Saidina „Umar r.a. tentang setiap amalan adalah berdasarkan kepada niat:

<sup>34</sup> Shahril Nizam, *Autoriti Hadis*, 6.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 5-6.

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ".

Terjemahan: Daripada „Umar bin al-Khaṭṭāb r.a. berkata; Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan setiap orang hanya memperolehi apa yang diniatkannya. Sesiapa yang hijrah kerana Allah dan RasulNya maka hijrahnya itu kepada Allah dan RasulNya. Dan sesiapa yang hijrahnya kerana dunia yang ia akan perolehnya atau kerana perempuan yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya itu kepada apa yang ia hijrahkan kepadanya.”<sup>36</sup>

- ii. Hadith yang dibawakan oleh Ibn ,Abbās r.a. tentang beberapa prinsip ajaran Islam:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: "كَنْتُ خَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا، فَقَالَ: يَا غُلَامُ أَلَا أَعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ؟ احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظُكَ، احْفَظِ اللَّهَ تَحْذِهُ تُجَاهِلَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعْتُ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَلَوِ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضْرُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضْرُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ، وَجَفَّتِ الصُّحفُ".

Terjemahan: Daripada Ibn ,Abbās r.a. berkata: Suatu hari aku berada di belakang Rasulullah s.a.w., lalu baginda bersabda: “Wahai anak! aku hendak mengajarmu beberapa perkataan: Jagalah Allah maka Ia akan menjagamu; jagalah Allah nescaya engkau dapati Ia mengukuhkanmu; bila engkau meminta, pintalah kepada Allah; bila engkau memohon pertolongan, pohonlah pertolongan kepada Allah. Ketahuilah bahawa jika seluruh umat ini berkumpul untuk memberikan sesuatu yang bermanfaat bagimu, maka mereka tidak akan boleh memberi manfaat kepadamu kecuali dengan sesuatu yang telah ditetapkan Allah untukmu. Dan jika seluruh umat ini berkumpul untuk memudaratkanmu dengan sesuatu, maka mereka

<sup>36</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab bad,,i al-Wahyi, Bāb Kayfa Kāna Bad“ al-Wahy Ilā Rasūl Allāh s.a.w., no. hadith 1 dan Muslim, Kitab al-Imarah, Bāb Qawlīh s.a.w. „Innāmā al-A,,amāl Bi al-Niyyah, no. hadith 1907 dan Abu Dawud, Kitab al-Thalāq, Bāb Fi Mā „Uniy Bih al-Ṯhalāq Wa al-Niyyāt, no. Hadith 2201. Lihat Abū „Abd Allāh Muḥammad ibn Ismāʻil al-Bukhārī, “*Saḥīḥ al-Bukhārī*,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth*, *ibid.*, 1 dan Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, “*Saḥīḥ Muslim*,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth*, *ibid.*, 1019. Sulaiman ibn al-Asy“ats ibn Ishaq ibn Basyir ibn Syadad ibn Amr al-Azdi al-Sijistani, “Sunan Abī Dāwud,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. „Abd al-Malik Mujāhid bin Muḥammad Yunus et al. (al-Riyāq: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī, 2000), 1385. Lafaz hadith yang dinukilkan adalah menurut al-Bukhārī.

tidak akan boleh memudarangkanmu kecuali dengan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah terhadapmu. Pena-pena telah diangkat dan lembaran catatan telah ditutup”.<sup>37</sup>

#### 1.4 MANHAJ-MANHAJ PENGAJIAN HADITH

Kebanyakan manhaj-manhaj pengajian hadith adalah daripada aliran pemikiran Ahli Hadih. Pertamanya, meliputi dari segi akidah iaitu mengikut akidah salaf yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Kedua, penyebaran tauhid sebenar dengan menjelaskan tiga jenis tauhid iaitu tauhid *Uluhiyah*, *Rububiyyah* dan *Asma' wa al-Sifat*. Ketiga, mengikuti apa yang sahih daripada Nabi s.a.w. berdasarkan kefahaman salaf serta tidak berpegang kepada taqlid yang jumud dan taasub kepada mazhab.<sup>38</sup>

Keempat, menyeru supaya pintu ijihad dibuka bagi sesiapa yang memenuhi syarat-syaratnya dan menyeru kepada menghormati ulama mujtahidin. Kelima dengan mendahulukan *naqal* daripada akal dan mendahulukan riwayat daripada pendapat. Keenam ialah berpegang bahawa akal yang sempurna akan bertepatan dengan nas-nas syarak yang sahih. Ketujuh, menyokong penyucian jiwa yang memenuhi syarak berdasarkan panduan al-Quran dan Sunnah. Kelapan, memberi ingatan dan amaran supaya menjauhi perkara bidaah.<sup>39</sup>

Kesembilan, mengingatkan supaya menjauhi hadith-hadith daif dan palsu terutamanya yang berkaitan dengan akidah dan hukum hakam. Kesepuluh, mendukung jihad *fi sabilillah* dan menganggap jihad adalah semulia-mulia amalan. Kesebelas cuba

<sup>37</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhi, Abwab Sifat al-Qiyamah, Bāb Fī „Iżām al-Wa,jyd „ala al-Bagħi Waqāti,ah al-Rahim, no. hadith 2516. Menurut al-Tirmidhi hadith ini hasan sahih. Menurut al-Albani pula hadith ini sahih. Lihat Abū „Isā Muḥammad ibn „Isā ibn Sawrah ibn Mūsā ibn Dāhhāk al-Sulamī al-Tirmidhi, “Jami” al-Tirmidhi,” dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. „Abd al-Malik Mujāhid bin Muḥammad Yunus et al. (al-Riyāḍ: Dar al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī, 2000), 1904-1905.

<sup>38</sup> Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadis Di India Dan Pengaruhnya Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 65.

<sup>39</sup> Faisal Ahmad Shah, *Pengajian Hadis*, 65.

melaksanakan undang-undang syarak dalam seluruh aspek kehidupan. Keduabelas meyakini bahawa tauhid yang ikhlas kepada Allah dan beramal dengan sunah Nabi s.a.w. dan petunjuknya menjamin kemenangan. Dan ketigabelas ialah memerangi kumpulan-kumpulan sesat seperti Syiah, Qadianiah, Babiyah, Bahiyah, dan pemikiran-pemikiran yang merosakkan seperti sekularisme, kapitalisme, komunisme, sosialisme, dan yang seumpama dengannya.<sup>40</sup>

Walaupun ini adalah metode yang digunakan oleh aliran Ahli Hadith, namun ada juga sesetengah daripada ilmuan yang beraliran Deobandy yang menggunakan metode ini. Walaupun pada hakikatnya aliran Deobandy adalah berbeza sedikit daripada aliran Ahli Hadith misalnya dari segi mazhab akidah dan mazhab feqahnya. Ini menunjukkan bahawa aliran Ahli Hadith lebih kuat peranannya di dalam penyampaian ilmu hadith.

### **2.2.1 Manhaj Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah**

Manhaj ini adalah kesinambungan daripada *rehlah ‘ilmīyyah* telah lama berlaku iaitu bermula pada zaman Rasulullah s.a.w sehingga zaman Imam al-Bukhārī. Kemudian selepas Imam al-Bukhārī, *rehlah ‘ilmīyyah* terus berlaku. Pada awalnya pengajian kitab hadith diadakan dengan terdapatnya halaqah-halaqah di masjid-masjid dan surau-surau. Perbezaan mula berlaku kerana pengajian pada ketika itu telah menggunakan kitab-kitab hadith untuk menyampaikan hadith tersebut. Keadaan ini berlaku di kebanyakan tempat lain terutamanya sekitar kawasan Makkah. Menurut Shukri Ahmad keadaan ini dilihat berkembang pada abad ke-15 sehingga abad ke-19.<sup>41</sup>

Pembelajaran secara *bertalaqī* menggunakan kitab masih lagi dijalankan dengan dijadikan *al-Kutub al-Sittah* sebagai kitab utama dalam pembelajaran termasuk juga kitab-

<sup>40</sup> *Ibid.*, 65.

<sup>41</sup> Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama Di Semenanjung Malaysia Akhir Abad Ke-20* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011), 67.

kitab yang lain. Pengajian ini dijalankan dengan cara *bertalaqī* sama ada *sama ‘ala al-Sheikh* ataupun *Qiraah ‘ala Sheikh*. Kebanyakan pelajar-pelajar akan duduk mengelilingi hadapan gurunya sehingga tamat sesi pembelajaran. Apabila tamat pembelajaran mereka terhadap kitab-kitab tersebut, pelajar-pelajar kemudian akan diberi sanad daripada gurunya. Sanad diperolehi untuk menunjukkan bahawa mereka mendapat pengiktirafan daripada guru-guru mereka untuk diajar pula kepada orang lain.

### **Kaedah Pengajian Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah**

Penggunaan kitab sangat dititikberatkan melalui kaedah pengajian Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah. Di dalam kaedah ini masih mengikut kepada sistem asas dalam pengajiannya iaitu guru menyampaikan pelajaran kepada penuntut-penuntut dan seterusnya jika terdapat sebarang persoalan murid akan terus bertanya kepada guru di dalam *halaqah* tersebut.<sup>42</sup> Guru di dalam *halaqah* tersebut boleh menggunakan pelbagai cara yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. untuk mengajar penuntut-penuntut. Di bawah ini adalah salah satu *halaqah* yang terdapat di Madinah al-Munawwarah:

Gambarajah 1: *Halaqah* di dalam Masjid Madinah



<sup>42</sup> Sedek bin Ariffin, *Kaedah Menghafal al-Qur'an Di Institusi Tahfiz al-Qur'an Di Malaysia: Kajian Perbandingan Di Antara Kaedah Darul Quran, JAKIM Dengan Kaedah al-Huffaz* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 114.

Sumber: “Menanti Di Antara Salat Dengan Salat Yang Lain”, laman sesawang *go.id*, disemak 8 November 2009, dicapai 6 Ogos 2015, <http://kemenag.go.id/index.php?a=berita&id=82558>.

## 2.2.2 Manhaj al-Azhar Mesir

Pada akhir abad yang ke-20 pula muncul kaedah pembelajaran yang berubah daripada pembelajaran yang lebih bersifat tradisional kepada pembelajaran yang lebih bersifat moden. Pembelajaran ini dilihat lebih terkehadapan pada akhir abad ke-20 kerana di al-Azhar telah melahirkan ramai ulama”-ulama” yang berkaliber. Pada zaman ini juga, pandangan umat Islam mula beralih arah dan tertumpu kepada pengajian di al-Azhar Mesir maka berlakulah *rekhlah ‘ilmiyyah* ke sana. Dilihat pula kepada keperluan zaman yang memerlukan kepada cara pembelajaran yang terdapat di al-Azhar maka kebanyakan universiti-universiti di dunia yang mempunyai pengajian agama mengikut silibus-silibus pengajian di sana.

Universiti al-Azhar ditubuhkan oleh Khalifah IV ketika dalam pemerintahan kerajaan Fathimiyyah yang dipimpin oleh Khalifah Mu’iz Dinillah Ma’ad bin al-Mansur. Sebagaimana diketahui, pada mulanya kerajaan Fathimiyyah ini berdiri ialah di Negara Afrika dengan nama kerajaan keturunan „Ubaidiyyah. Kepala perangnya yang gagah berani bernama “Jauhar” yang berasal dari Sicilia. Khalifah Mu’iz Dinillah Ma’ad bin al-Mansur telah menyuruh Jauhar untuk menakluk Mesir dan merampasnya dari tangan keturunan Ikhshid. Jauhar juga turut dibantu oleh seorang lagi pahlawan bernama Ja’far ibn Falah. Di kampung Ramlah bertemu lah kedua pihak tentera itu. Keturunan Ikhshid tidak dapat mempertahankan diri maka terpaksa mereka melarikan diri. Setelah kerajaan keturunan „Ubaidiyyah menakluk Ramlah, ditakluk pula Damshik. Kemudian di ,Ain Sham dapat

pula dikalahkannya kaum Qaramithah sehingga kaum Qaramithah itu dikejar-kejar sampai ke pusat negerinya sendiri iaitu al-Ahsa dan dan al-Qatif.<sup>43</sup>

Setelah teguhnya kekuasaannya di Mesir, Jauhar telah mempersesembahkan kepada Khalifah Mu'iz Dinillah Ma'ad bin al-Mansur untuk memindahkan ibu kota kekuasaannya dari Afrika ke Mesir. Beliau yang memimpin daripada tahun 319-365 Hijrah bersamaan 931-975 Masihi adalah pengasas utama kepada penubuhan Masjid al-Azhar yang kemudiannya menjadi Universiti al-Azhar. Penubuhan Masjid al-Azhar ini adalah pada masa yang sama di mana bandaraya Kaherah diisytiharkan sebagai ibu negara Mesir iaitu pada 6 Julai 969 Masihi untuk memperingati kebesaran dan kemenangan mereka menakluk negara Mesir. Selepas setahun, Jauhar al-Saqali telah diberi mandat untuk membina Masjid al-Azhar di bandaraya Kaherah di atas arahan Khalifah. Pembinaan Masjid al-Azhar adalah untuk mengajarkan mazhab rasmi kerajaan iaitu Shi'ah. Nama kerajaan juga telah ditukar dari „Ubaidiyyah kepada Fatimiyyah<sup>44</sup>

Nama al-Azhar itu sendiri diambil daripada nama anak Nabi Muhammad s.a.w. yang berkahwin dengan Saidina Ali r.a. iaitu Saidatina Fatimah al-Zahra". Nama Masjid al-Azhar adalah berasal daripada perkataan "Zahra" yang bermaksud bersinar, berkilau, dan bercahaya. Kerja-kerja untuk pembinaan masjid ini telah bermula pada 4 April 970 Masihi bersamaan 24 Jamadil Awal 359 Hijrah dan pembinaannya siap pada 22 Jun 972 Masihi bersamaan 7 Ramadhan 361 Hijrah. Pembinaan Masjid ini telah mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan. Maka pada tahun 378 Hijrah telah dicadangkan oleh wali kerajaan Abbasiah di Mesir iaitu Ya'kub bin Kals kepada Khalifah al-Aziz Billah untuk

<sup>43</sup> Hj Nasri Sarip, *Sejarah Mesir: Mesir Bumi Anbiya'* (Selangor: Akademik Timur Tengah, 2006), 25 dan Hamka, *Sejarah Umat Islam* (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1977), 205-206.

<sup>44</sup> Hj Nasri, *Sejarah Mesir*, 26 dan Hamka, *Sejarah Umat Islam*, 206.

menjadikan masjid tersebut sebagai sebuah universiti dengan menawarkan pelbagai bentuk pengajian.<sup>45</sup>

Pada zaman inilah bermulanya kehadiran ulama “ulama” terbilang dari seluruh pelusuk dunia untuk mengajarkan ilmu yang menjadikan negara Mesir mula disinari dengan ilmu-ilmu agama. Universiti al-Azhar ini juga dikenali sebagai Jami’ al-Azhar. Pengurusan universiti ini memerlukan dana yang banyak untuk membangunkannya dengan mempunyai pelbagai kemudahan dalam semua aspek pengajian. Jadi pengasas pertama untuk pengumpulan dana ini adalah dipelopori oleh Khalifah al-Hakim kemudiannya diikuti oleh khalifah yang seterusnya. Selain itu, ia juga menjadi tempat untuk orang-orang kaya tempatan untuk menyumbang dan termasuk juga sumbangan daripada seluruh dunia Islam. Diberitakan bahawa sehingga kinikekayaan al-Azhar adalah mencecah sehingga satu pertiga atau lebih daripada kekayaan kerajaan Mesir.<sup>46</sup>

Masjid ini kemudiannya mula berfungsi sebagai sebuah universiti buat pertama kalinya pada zaman pemerintahan kerajaan Mamluk. Ia kemudiannya berubah menjadi sebuah universiti moden yang mempunyai beberapa fakulti pada tahun 1961 Masihi. Al-Azhar ini dianggap sebagai sebuah pusat penyebaran ilmu-ilmu agama Islam seperti pemikiran Islam, politik dan ilmu-ilmu dalam pemahaman agama dari negara Mesir dan negara-negara Islam lain daripada seluruh dunia. Di dalam Masjid al-Azhar terdapat sebuah perpustakaan yang sangat besar dan masjid ini juga mempunyai lima buah menara yang mempunyai pelbagai bentuk serta mempunyai 13 mihrab.<sup>47</sup>

### **2.2.2.1 Kaedah Pengajian di Al-Azhar**

<sup>45</sup> Hj Nasri, *Sejarah Mesir*, 26. Hamka, *Sejarah Umat Islam*, 206.

<sup>46</sup> Hj Nasri, *Sejarah Mesir*, 26-28.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 29.

Universiti al-Azhar sangat memberi penekanan dalam melahirkan ilmuan Islam, ianya mula memberi penekanan yang berkesan semenjak zaman pemerintahan kerajaan Ayyubiah iaitu bermula daripada tahun 567 sehingga 648 Hijrah bersamaan 1171 sehingga 1250 Masihi. Pada ketika ini kerajaan Ayyubiah diketuai oleh Salahudin Yusuf bin Ayub. Kesan daripada berlakunya perubahan ini adalah disebabkan oleh penubuhan Lembaga Pendidikan yang telah membuat kajian. Di antara kesannya ialah pengajian berorientasikan Ahli Sunnah wal Jamaah iaitu dengan menggunakan kitab-kitab fiqh empat mazhab yang mana ianya telah dijalankan sehingga sekarang dan pengaruh Syiah dapat dibendung walaupun masih dipelajari. Beliau telah meneroka beberapa pengajian ilmu yang merangkumi Turath Islam seperti tafsir, hadith, fiqh, ilmu kalam, bahasa Arab dan sastera. Beliau juga turut meneroka ilmu aqli seperti falsafah, mantiq, sejarah, kesihatan, perubatan dan sebagainya.<sup>48</sup>

Pemerintahan Mesir seterusnya berlaku beberapa perubahan di bawah pemerintahan Mamalik yang pada ketika itu dibawah pemerintahan Sultan al-Dhadir Barquq iaitu pada tahun 784 bersamaan 1382 Masihi. Di antara perubahan tersebut ialah beliau telah mengangkat Air Bahadir at-Thawasyi sebagai Rektor Pertama di Universiti al-Azhar. Kemudiannya selepas kemenangan kerajaan Uthmaniah menewaskan kerajaan Mamalik menyebabkan penyebaran ilmu semakin pesat berlaku sehingga ke Turki.<sup>49</sup>

Pada zaman pemerintahan Sultan Salim I pula, beliau telah membawa masuk pakar-pakar dalam pelbagai bidang –bidang yang tertentu bersama dengan kitab-kitab daripada perpustakaan al-Azhar bagi memajukan kota raya Turki. Keturunan Pasha juga turut diutus daripada Turki yang menyebabkan kegemilangan Islam semakin baik pada zaman keturunannya. Ini adalah kerana mereka adalah dalam kalangan ulama“-ulama“ yang

<sup>48</sup> *Ibid.*, 29-30 & 32.

<sup>49</sup> *Ibid.*, 30.

disegani oleh masyarakat dan terkenal dengan sifat-sifat wara" serta mempunyai ilmu yang luas. Pada zaman Ali Pasha jugalah sistem pendidikan di Universiti al-Azhar telah digabungkan di antara sistem pendidikan tradisional dan moden.<sup>50</sup>

Pada zaman ini juga gelaran Sheikh Jami" al-Azhar diwujudkan dengan diperkenalkan Sheikh Muhammad al-Quraisy sebagai Sheikh al-Azhar I. Sheikh al-Azhar adalah gelaran kepada ulama" yang tinggi kedudukannya di Mesir. Sheikh al-Azhar juga ditugaskan untuk mengelola dan mengurus institusi al-Azhar. Pada mulanya, perlantikan Sheikh al-Azhar sentiasa berubah-ubah daripada semasa ke semasa. Sheikh al-Azhar yang sekarang ialah Prof Dr Ahmad al-Tayyeb yang baru sahaja dilantik selepas sahaja kematian Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi pada tahun 2010. Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi mula dilantik sebagai Sheikh al-Azhar ialah pada tahun 1996.<sup>51</sup>

### **2.2.2 Zaman Kerajaan Fatimiyyah**

Menurut sejarah, proses pengajian yang berlaku di al-Azhar adalah selari dengan sejarah Masjid al-Azhar itu sendiri yang mana pada awal pembinaannya iaitu tahun 975 Masihi bersamaan dengan 365 Hijrah, pengajian dimulakan dengan kitab *I'tisār* yang mana kitab tersebut adalah kitab fiqh dalam kalangan pendukung Syiah. Pengajian dijalankan setiap malam Selasa dan malam Jumaat yang mana ianya dimulakan setelah mendapat arahan daripada *Qadi* al-Qudā Abū Hassān ,*Ali* bin Luqmān bin al-Qaytawānī. Seterusnya penambahan kepada mata pelajaran yang tertentu berlaku selepas itu sehingga menjadi satu

---

<sup>50</sup> *Ibid.*, 30.

<sup>51</sup> *Ibid.*, 30 dan "Mengenali Institusi Sheikh al-Azhar", laman web, dicapai 7 Ogos 2015, <http://www.mindamadani.my/jejak-ulama/item/233-mengenali-institusi-Sheikh-al-azhar.html>. Lihat "Ahmed el-Tayeb", laman sesawang wikipedia, disemak 1 Ogos 2015, dicapai 7 Ogos 2015, [https://en.wikipedia.org/wiki/Ahmed\\_el-Tayeb](https://en.wikipedia.org/wiki/Ahmed_el-Tayeb).

institusi yang besar yang membincangkan tentang segala ilmu agama termasuklah riadhah, falaq, sastera dan sebagainya.<sup>52</sup>

### **2.2.2.3 Zaman Kerajaan Ayyubiah**

Kerajaan Ayyubiah ini bermula daripada 567 Hijrah bersamaan 1171 Masihi sehingga tahun 648 Hijrah bersamaan 1250 Masihi. Pada zaman kerajaan ini terutamanya pada zaman Salahuddin al-Ayyubi mengemaskini sistem pembelajarannya mengikut mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah yang mempunyai empat mazhab iaitu Maliki, al-Shafi'i, Hanbali, dan al-Hanafi sebagai dasar pendidikan. Termasuk juga pengajian ilmu yang berdasarkan akal (*aqli*) turut diajarkan seperti perubatan, falaq, riadhah, ilmu kalam dan mantiq. Sistem pengajian yang dijalankan adalah dengan Sheikh akan duduk di tempat yang tinggi di tiang masjid dengan dikelilingi oleh pelajar-pelajar. Majlis pengajian tersebut akan dimulakan dengan bacaan Basmallah, doa, selawat kepada Rasulullah s.a.w. dan kemudian barulah kelas pengajian dimulakan. Selepas itu, barulah Sheikh akan membetulkan kesilapan bacaan dan tulisan penuntut-penuntutnya serta mengulang pelajaran yang lepas di samping menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh pelajar-pelajar kepadanya.<sup>53</sup>

Serangan Mongol yang dipimpin oleh Hulago Khan terhadap Baghdad telah memusnahkan semua Universiti di Baghdad telah memberi kesan yang besar kepada era pemindahan pusat keilmuan umat Islam yang bertukar ke al-Azhar. Ini telah menyebabkan Universiti al-Azhar semakin melonjak dan menaikkan kegemilangannya. Umat Islam ketika itu mula mengalihkan pandangan mereka ke Mesir dengan menjadikan al-Azhar sebagai

---

<sup>52</sup> Hj Nasri, *Sejarah Mesir*, 32-33.

<sup>53</sup> *Ibid.*, 33-34.

kiblat ilmu untuk umat Islam. Akhirnya al-Azhar melahirkan ramai pakar-pakar keilmuan Islam terulang di seluruh pelusuk dunia Islam.<sup>54</sup>

#### **2.2.2.4 Zaman Kerajaan Uthmaniah**

Kerajaan ini mula bertapak di Mesir pada tahun 1517 Masihi yang pada masa itu di bawah pimpinan Sultan Salim I yang telah berjaya mengalahkan Kerajaan Mamalik yang berkuasa ketika itu. Walaupun beliau bermastautin selama lapan bulan tetapi beliau sempat menggunakan sepenuhnya ilmu demi kemajuan Islam sebelum beliau pulang ke Qastantiniyah. Beliau sangat terkenal dengan sifat wara“, alim, tawadu“ dan amat menghormati ulama“. Beliau juga telah membawa ramai ilmuan Islam di al-Azhar termasuk kitab-kitab yang ada diperpustakaan al-Azhar untuk dibawa ke sana dan menjadikan bandar Qastantiniyah di Sepanyol terus berkembang pesat serta menaikkan maruah Islam.<sup>55</sup>

Pada zaman pemerintahan Ali Pasha, Jami“ al-Azhar telah menjadi sebagai sebuah pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan agama. Al-Azhar pada ketika ini tidak pernah mengenepikan kaum wanita untuk mendalami ilmu pengetahuan. Ini berlaku zaman pemerintahan Ismail Pasha, beberapa sekolah wanita telah didirikan. Pada tahun 1961 Masihi pula telah berlaku penggubalan undang-undang di Jami“ al-Azhar yang telah memberikan peluang kepada wanita dalam bidang keilmuan secara langsung. Maahad khas untuk wanita juga telah dibina dengan pengajarnya adalah daripada pelajar dari Universiti al-Azhar. Sehingga sekarang, Universiti al-Azhar memperuntukkan perbelanjaan bagi membina bangunan-bangunan untuk kegunaan wanita seperti ,*Kuliyyat al-Banat*“ dan turut diperuntukkan untuk cawangan-cawangan lain seperti Iskandariah dan lain-lain.<sup>56</sup>

---

<sup>54</sup> *Ibid.*, 34.

<sup>55</sup> *Ibid.*, 35.

<sup>56</sup> *Ibid.*, 35-36.

Sistem di al-Azhar adalah lebih bersifat pembelajaran hadith secara lebih moden dan sistematik di mana guru-guru yang akan mengajar hadith akan menggunakan silibus-silibus yang telah ditentukan untuk mengajar subjek hadith dengan lebih terperinci berkaitan dengan ilmu mustalah hadith, ilmu rijal hadith dan lain-lain. Bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian hadith di al-Azhar ini juga mereka digalakkan untuk bertalaqqi dengan guru-guru di luar daripada pengajian. Jadi di al-Azhar mereka mempelajari hadith dengan dua cara pengajian bukan sahaja dapat mengambil ilmu hadith secara kelas-kelas moden malah juga dapat mempelajari hadith dengan cara pendekatan yang digunakan oleh ahli-ahli hadith tradisional. Gabungan dua sistem ini menjadikan sistem al-Azhar lebih berbeza dengan sistem pengajian di tempat-tempat lain. Jika di Masjid al-Azhar para penuntut akan mempelajari kitab-kitab agama mengikut sistem halaqah secara tradisional yang turut dijalankan di kebanyakan masjid di sekitar tanah Arab. Sistem pengajian ini ialah dengan guru mengajar dengan cara *Qira'ah ala' Sheikh* dan *Sama' ala' Sheikh*. Gambarajah di bawah ialah sistem pengajian di dalam masjid Universiti al-Azhar dan gambarajah penuntut-penuntut yang belajar di kawasan Masjid di Universiti al-Azhar:

Gambarajah 2: *Halaqah* di dalam Masjid al-Azhar



Sumber: "Talaqqi di Masjid al-Azhar dan Ziarah Makam Imam Husein", laman sesawang blogspot, disemak 17 Oktober 2014, dicapai 6 Ogos 2015, <http://fikkriyatulilm.com/2014/10/talaqi-di-masjid-al-azhar-dan-ziarah.html>.

Gambarajah 3: *Halaqah* di dalam Masjid al-Azhar



Sumber: Muhammad Fahmi Mohamed Amin, "Jadual Talaqqi Umum Al-Azhar dan Sekitar Kaherah", laman sesawang blogspot, disemak 6 Julai 2009, dicapai 6 Ogos 2015, <http://pamiesz.blogspot.com/2009/07/jadual-talaqqi-umum-al-azhar-dan.html>.

Di bawah ini ialah silibus pengajian bagi pelajar-pelajar Usuluddin khususnya pengajian al-Qur'an dan al-Hadīth di Universiti al-Azhar<sup>57</sup>:

### 1. Tahun Satu:

Subjek Asasi (Teras)	Subjek Iđāfi (elektif)
1) Al-Qur'ān	1) Fiqh
2) Tauhīd	2) Nahu soraf
3) Tafsīr	3) Bahasa Inggeris
4) Ḥadīth	
5) Mantiq	
6) „Ulūm al-Qur'ān	
7) Muṣtolah al- Ḥadīth	

<sup>57</sup> "Sukatan Pengajian di al-Azhar Mansurah", Laman sesawang org, dicapai 11 Ogos 2015, <http://www.oocities.org/dpmmsiber/sukatan.htm>.

8) Da'wah 9) Milal wa al-Nihal 10) Nuzūm al-Islamī	
--	--

## 2. Tahun Dua:

Subjek Asasi (Teras)	Subjek Iđāfi (elektif)
1) Al-Qur'an	1) Fiqh
2) Tauhid	2) Adab balaghah
3) Tafsir	3) Bahasa Inggeris
4) Ḥadīth	
5) Mantiq	
6) „Ulūm al-Qur'ān	
7) „Ulūm al-Ḥadīth	
8) Khiṭbah	
9) Tayyārat	
10) Nuzūm al-Islamī	

## 3. Tahun Tiga dan Empat Jabatan Tafsir:

Subjek Asasi (Teras)	Subjek Iđāfi (elektif)
1) Al-Qur'ān	1) Ḥadīth Tahīlī
2) Tafsīr Tahīlī	2) Ḥadīth Maudu'i
3) „Ulūm al-Qur'ān	3) Usul Fiqh / Munakahat / Mirath
4) Ad-Dakhil Fī al-Tafsīr	4) Manāhij Muḥaddithin
5) Tafsīr Maudu'i	5) Sirah Nabawiyah
6) Manāhij al-Mufassirin	6) Falsafah Islam
7) Al-Istishrak Wa al-Tabshīr (tahun 4)	7) Bahasa Inggeris

## 4. Tahun Tiga dan Empat Jabatan Hadith:

Subjek Asasi (Teras)	Subjek Iđāfi (elektif)
1) Al-Qur'ān	1) Tafsīr
2) Ḥadīth Maudu'i	2) Falsafah Islam
3) Manāhij Muḥaddithin	3) al-Dākhil Fī al-Tafsīr
4) Ḥadīth Tahīlī	4) Usul Fiqh
5) Takhrij	5) Bahasa Inggeris
6) Muṣtolah al-Ḥadīth	
7) Al-Istishrak Wa al-Tabshīr (tahun 4)	

Cara pengajian di dalam kelas-kelas di Universiti al-Azhar lebih bersifat moden dan mengikut kepada sistem di kebanyakan universiti-universiti yang ada. Pada tahun satu dan dua, pelajar-pelajar akan mempelajari subjek yang sama. Subjek yang dipelajari di tahun

satu ialah subjek asasi iaitu subjek teras ialah al-Qur'ān, tauhīd, tafsīr, ḥadīth, mantiq, „Ulūm al-Qur'ān, „Ulūm al-Ḥadīth, Khiṭabah, Tayyārat dan Nuẓūm al-Islāmī manakala subjek elektif ialah fiqh, Adab Balaghah dan bahasa Inggeris. Bagi tahun kedua, pelajar-pelajar mempelajari subjek asasi atau dikenali sebagai subjek teras iaitu al-Qur'ān, tauhīd, tafsīr, ḥadīth, mantiq, „Ulūm al-Qur'ān, Muṣṭalah al-Ḥadīth, da'wah, Milal wa al-Nihāl dan Nuẓūm al-Islāmī. Pada tahun ketiga dan keempat pula pelajar-pelajar akan diasingkan mengikut kepada kecenderungan bidang masing-masing. Di dalam Fakulti Usuluddin terbahagi kepada empat jabatan iaitu Jabatan Tafsīr, Jabatan ḥadīth, Jabatan „Aqidah dan Hal Ehwal Islam, dan Jabatan Da'wah dan Nuẓūm al-Islāmī.<sup>58</sup> Di sini penulis mengkhususkan kepada dua jabatan sahaja daripada Fakulti Usuluddin iaitu Jabatan Tafsīr dan Jabatan ḥadīth.

Di tahun ketiga dan keempat untuk Jabatan Tafsīr, subjek asasi atau teras ialah al-Qur'ān, Tafsīr Tahīlī, „Ulūm al-Qur'ān, al-Dākhil Fi al-Tafsīr, Tafsīr Mawdu'ī, Manāhij al-Mufassirīn dan di tahun keempat ditambah dengan subjek al-Istishrak Wa al-Tabshīr. Manakala subjek elektif bagi Jabatan Tafsīr ialah ḥadīth Tahīlī, ḥadīth Mawdu'ī, Usul Fiqh atau Munākahat atau Mirāth, Manāhij Muḥaddithin, Sirah Nabawiyyah, Falsafah Islam dan Bahasa Inggeris. Bagi pelajar yang mengikuti Jabatan ḥadīth pula di tahun ketiga dan keempat mereka akan mempelajari subjek teras iaitu al-Qur'ān, ḥadīth Mawdu'ī, ḥadīth Tahīlī, Takhrij, Muṣṭalah al-Ḥadīth dan tambahan satu subjek iaitu al-Istishrak Wa al-Tabshīr. Manakala untuk subjek elektif pula ialah Tafsīr, Falsafah Islam, al-Dākhil Fi al-Tafsīr, Usūl Fiqh dan bahasa Inggeris. Gambarajah ini adalah pengajian di salah satu kelas di Universiti al-Azhar:

---

<sup>58</sup> Temubual dengan Riza Muarif salah seorang pelajar lepasan al-Azhar Mesir pada 14 Ogos 2015 di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Gambarajah 4: Pengajian di dalam kelas di Universiti al-Azhar



Sumber: Nani Hidayati, “Mengintip Mahasiswi al-Azhar”, laman sesawang org, disemak 17 November 2011, dicapai 6 Ogos 2015, <http://www.kmamesir.org/2011/11/mengintip-mahasiswi-al-azhar.html>.

### 2.2.3 Manhaj Di India

Di India, pengajian terhadap kitab-kitab hadith terutamanya *al-Kutub al-Sittah* juga telah lama diperkenalkan kepada ulama-ulama India iaitu sejak kurun ke-11 lagi. Ulama-ulama di India ketika itu juga lebih giat menghasilkan karya-karya mereka di dalam bidang hadith selepas abad ke-11. Mereka menghasilkan karya-karya hadith daripada sekecil-kecilnya sehingga yang besar berjilid-jilid dan karya-karya mereka itu bukan sahaja menyentuh kepada penyusunan dan penghuraian semata-mata malah juga menyentuh kepada seni penganalisisan dan pengkritikan hadith yang tinggi, serta bersangkutan dengan masalah-masalah hadith yang terperinci.<sup>59</sup>

Jika diteliti sebenarnya bermulanya penubuhan pusat-pusat pengajian Islam di India ialah pada tahun 1857 iaitu sejak kejatuhan India di bawah penguasaan dan penjajahan

<sup>59</sup> Haziyah binti Hussin et.al., *Kelangsungan Pengajian Hadis Cabaran Dan Masa Depan* (Selangor: Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2006), 393-394.

Britain. Akibat berlakunya kejatuhan ini umat Islam tidak lagi mempunyai kuasa di dalam pemerintahan. Maka disebabkan itulah, perpecahan politik juga berlaku yang menyebabkan kepada kemunduran dan perpecahan sesama umat Islam. Dengan berlakunya perpecahan ini, para ulama<sup>60</sup> telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan beberapa madrasah-madrasah agama sebagai benteng kekuatan umat Islam yang pada ketika itu diselubungi dengan kejahilan dan buta huruf.<sup>60</sup>

Di antara objektif utama penubuhan madrasah-madrasah ini ialah memberikan pengetahuan kepada masyarakatnya, sebagai benteng atau pusat bagi mempertahankan agama dan aqidah umat Islam, bagi melawan syubhat-syubhat yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah, dapat menggerakkan usaha-usaha penulisan bagi menjawab segala tuduhan terhadap Islam, mentahqiq kitab-kitab turath dan menyebarkannya. Kejayaan madrasah-madrasah ini dilihat memberikan kesan dengan lahirnya generasi-generasi umat Islam yang sanggup berjuang untuk mempertahankan agama Islam daripada penyelewengan sama ada dari segi aspek pemikiran ataupun amalan.

Secara tuntasnya, sistem pengajian *Dawrah al-Hadīh* telah bermula di India yang dimulakan pengajiannya oleh Shah Waliyullah al-Dihlawī kemudian diturunkan kepada anaknya Shah Abd al-Aziz. Daripada Shah Abd al-Aziz ini kemudian diturunkan kepada cucunya iaitu Shah Muhammad Ishaq. Selepas sahaja Shah Muhammad Ishaq berhijrah, sistem pengajian ini diteruskan pula oleh Shah Abdul Ghani iaitu anak kepada Shah Abu Sa'īd yang merupakan anak murid kepada Shah Abd al-Aziz. Shah Abd Ghani banyak mempelajari hadith daripada ayahnya dan Shah Muhammad Ishaq.<sup>61</sup>

<sup>60</sup> Haziyah binti Hussin et.al., *Kelangsungan Pengajaran Hadis*, 393-394.

<sup>61</sup> Sayyid Mahbood Rizvi, *History of The Dar al-Ulum Deoband*, terj. Inggeris Prof. Murtaz Husain F. Quraishi (India: Idara-e Ihtemam, Dar al-Ulum, 1980), 69-72. Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

Daripada aliran Shah Abd Ghani inilah mula munculnya aliran Deobandy manakala munculnya aliran Ahli Hadith ialah daripada Maulana Nazir Hussein yang merupakan anak murid kepada Shah Muhammad Ishaq dan Maulana Mamluk Ali. Pada zaman Maulana Nazir Hussein telah berlakunya pertembungan antara dua aliran pengajian *Dawrah al-Hadīh* iaitu yang mengikut kepada manhaj Ahli Hadith dan yang satu lagi menggunakan manhaj Deobandy. Maulana Nazir Hussein telah memulakan manhaj ahli hadith ini dan telah mendapat gelaran sebagai Sheikh al-Kull yang bermaksud mahaguru kepada sekalian mahaguru yang lain. Selepas itu muncul pula aliran Barelvi yang mana mula munculnya habib-habib, zikir-zikir dan qasidah-qasidah.<sup>62</sup>

### **2.3.3.1 Aliran Ahli Hadith**

Pengajian *Dawrah al-Hadīh* yang mengikut kepada aliran Ahli Hadith adalah yang dimulakan oleh Maulana Nazir Hussein. Manhaj Ahli Hadith ini lebih berat kepada hadith dan dilihat lebih terbuka daripada segi mazhabnya. Namun pengajianya masih lagi menekankan konsep *Qira'ah 'ala Sheikh* dan *Sama' 'ala Sheikh*. Aliran Ahli Hadith mereka tidak menerima pegangan kepada hanya sesuatu mazhab sahaja. Pegangan aliran ini lebih bersifat terbuka dan melihat kepada dalil-dalil yang dikeluarkan.

Sumber aqidah bagi aliran ahli hadith ialah kefahaman aqidah yang dipegang golongan salaf. Selain itu, Ahli Hadith lebih keras penentangannya terhadap Ahli Bid'ah berbanding aliran Deobandy. Aliran ahli Hadith juga tidak memberikan tumpuan kepada „Ulūm ,Aqliyyah tetapi lebih memberi penumpuan dan keutamaan terhadap „Ulūm Syar'iyyah. Aliran Ahli Hadith lebih bersifat berhati-hati terhadap semua aliran tasawwuf dan tariqat. Ahli Hadith juga adalah lebih mirip kepada golongan-golongan salafi di negara

---

<sup>62</sup> *Ibid.*, 73-75. *Ibid.*, 14 September 2015.

Arab dan juga kecenderungan kepada aliran Muhadidin Hijaziyyin. Dan di antara fikrah-fikrah yang mempengaruhi ahli hadith ialah Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim, al-Shawkānī dan lain-lain.<sup>63</sup>

Tokoh-tokoh utama bagi aliran ini ialah Nadzir Husain Dehlawi, Hafiz Muhammad Lucknowi, Hafiz Ibrahim Aarwi, Muhammad Sa'īd Banarsi, Muhammad Basyir Sahaswani, Syamsul Haq Azim Abadi, Hafiz ,Abd Allah Ghazi Puri, Abdul Aziz Rahim Abadi, Ahmad Hasan Dehlawi, Wahiduzzaman Haidar Abadi, Abdussalam Mubarakfuri, Abdul Halim Syarar Lucknowi, Qadhi Muhammad Sulaiman Mansur Puri, Ab al-Makarim Muhammad ,Alī, ,Abd al-Rahmān Mubarakfuri, Muhammad Yusuf Syams-Faiz Abadi, Muhammad bin Ibrahim Junaghari, Abduttawwab Miltani, Abdussamad Husain Abadi, Abul Wafa Thana`ullah Amritsari, Abul Qasim Saif Banarsi, Muhammad Ibrahim Meir Sialkoti, Abdussalam Nadwi, Abul Kalam Azad, Abdul Majid Suhadrawi, Abu Said Syarafuddin Dehlawi, Hafiz ,Abd Allah Rupari, Nazir Ahmad Rahmani, Abu Yahya Imam Khan Nausyehrwi, Hidayatullah Suhadrawi, Muhammad Ismail Salafi, Abdussalam Bastawi, Hafiz Muhammad Gundlawi, Ihsan Ilahi Zahir, Muhammad Hanif Nadwi, Muhammad ,Ata`ullah Hanif Bujhyani, Ghulam Ahmad Hariri, ,Abd al-Rahmān Mubarakfuri, Badi`uddin Shah Rasyidi dan Abdurrauf Rahmani Jhandangri.<sup>64</sup>

Di antara sumbangan Ahli Hadith dalam bidang hadith ialah kitab Syarah Sunan Abū Dāwūd iaitu kitab ,Awn al-Ma`būd yang dikarang oleh Abū al-Tayyib Muḥammad Shams al-Haqq bin Amir ,Alī bin Maqsūd ,Alī al-Siddīqī al-,Azīm Abādī. Selain itu,

<sup>63</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, Wacana Ilmiah yang bertajuk Sumbangan Ulama Deobandi dan Ahl al-Hadith Dalam Ilmu Tafsir di Balai Ilmu (CUBE) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 16 November 2015.

<sup>64</sup> *Ibid.*, 16 November 2015.

terdapat juga kitab syarahan yang lain iaitu kitab Syarah Sunan al-Tirmidhī iaitu kitab Tuḥfah al-Ahwādhī yang ditulis oleh ,Abd al-Rahmān al-Mubarakfūrī.<sup>65</sup>

### **2.3.3.1.1 Markazi Jami‘at Ahl Hadith Hind**

Sebuah pusat pengajian bagi mengikuti aliran Ahli Hadith yang mana di antara tempat-tempat pengajian hadith tersebut ialah seperti berikut:

1. Jami‘ah Salafiyah, Banaras
2. Darul Hadith Ar-Rahmaniyyah, Delhi
3. Jami‘ah Ahmadiyah Salafiyyah
4. Jami‘ah Darussalam ,Umarabad
5. Jami‘ah Salafiyah, Kerala
6. Jami‘ah Islamiyyah, Bombay
7. Jami‘ah Ibni Taymiyyah
8. Jami‘ah Imam Bukhari, Bihar
9. Jami‘ah Salafiyah, Faisalabad
10. Jami‘atul ,Ulūm al-Aathariyyah, Jehlum
11. Jami‘ah Abu Bakr As-Şiddīq, Karachi
12. Jami‘ah Muhammadiyyah, Gujranwala

### **2.3.3.2 Aliran Deobandy**

---

<sup>65</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

Bermulanya pengajian hadith mengikut sistem Deobandy ialah pada zaman Shah Abdul Ghani kemudian diteruskan oleh dua orang anak muridnya iaitu Maulana Muhammad Qasim Nanutuwī dan Hazrat Maulana Rasyid Ahmad Gangohi. Dari kedua tokoh inilah telah melahirkan seorang tokoh terkenal dalam bidang hadith iaitu Sheikh al-Mahmud al-Hasan. Sheikh al-Mahmud al-Hasan telah melahirkan ramai tokoh-tokoh yang terkenal dalam bidang hadith iaitu di antaranya ialah Tok Khurasan di Malaysia dan Anwar Shah Kashmiri di India.<sup>66</sup>

Kebanyakan pelajar-pelajar Malaysia yang pergi ke sana adalah mengikut kepada aliran Deobandy kerana aliran ini berpegang kuat kepada mazhab dan mazhab utamanya ialah mazhab Hanafi. Aliran Deobandy lebih menekankan kepada fiqh mazhab hadith dalam pengajian-pengajian hadithnya. Ini sangat berdekatan dengan cara masyarakat Malaysia yang berpegang kuat kepada aliran mazhab. Bagi sumber rujukan akidah bagi aliran Deobandy ialah berpegang kepada aliran Salaf dan Maturidiyyah. Aliran Deobandy tidak terlalu keras seperti Ahli Hadith dalam menangani ahli bid'ah kerana cara aliran ini lebih lembut. Aliran ini juga memberikan penumpuan terhadap al-„ulūm al-„aqliyyah dan al-„ulūm al-shar„iyyah, kedua-duanya dianggap penting untuk dipelajari. Majoriti ulama Deobandy menerima aliran tasawwuf dan tariqat yang mu„tabar di sisi ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Aliran Deobandy juga lebih cenderung kepada aliran Ashab ar-Ra„yi.<sup>67</sup>

Di antara sumbangan aliran Deobandy ialah di dalam kitab Shara„ Sunan Abū Dāwud iaitu kitab Badh al-Majhūd yang dikarang oleh Maulana Khalil Aḥmad Saharanpūrī. Selain itu, terdapatnya kitab Syarah Sunan al-Tirmidhī iaitu kitab al-„Arf al-Shadhi yang telah disusun dan diambil daripada Anwar Shah al-Kashmīrī oleh anak

<sup>66</sup> *Ibid.*, 14 September 2015.

<sup>67</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, Wacana Ilmiah yang bertajuk Sumbangan Ulama Deobandi dan Ahl al-Hadith Dalam Ilmu Tafsir di Balai Ilmu (CUBE) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 16 November 2015. *Ibid.*, 14 September 2015.

muridnya dan kitab Ma'ārif al-Sunan yang dikarang oleh Maulana Muḥammad Yusuf al-Binnūrī yang merupakan anak murid Anwār Shah al-Kashmīrī.<sup>68</sup>

### **2.3.3.2.1 Kaedah Deobandy**

Sebelum memasuki kelas alim ataupun kelas untuk mempelajari hadith. Pelajar-pelajar yang mengikuti sistem pengajian ini, perlulah mengikuti kelas hafalan al-Qur'an terlebih dahulu. Mereka akan mengikuti kelas tahfiz al-Qur'an sehingga mereka berjaya menghafal kesemua 30 juzuk al-Qur'an.

#### i. Persediaan Sebelum Menghafal

Dengan kaedah Deobandy ini, beberapa pendekatan telah diperkenalkan bagi memastikan para pelajar dapat menghafal al-Quran dengan baik dan mantap sebelum para pelajar memulakan hafalan al-Quran. Pelajar-pelajar pada mulanya akan dibahagikan mengikut kumpulan yang mana bagi setiap kumpulan akan dikawal oleh seorang guru dengan beberapa orang pelajar iaitu antara 15 hingga ke 20 orang sahaja. Pelajar-pelajar di dalam kumpulan ini akan ditentukan oleh mesyuarat yang diadakan di antara ustaz-ustaz. Dan umur mereka berbeza-beza kerana ada yang berumur 12 tahun dan ada yang telah pun mencapai umur 17 tahun. Peruntukkan masa untuk proses hafalan hanyalah 5 hari sahaja yang digunakan dalam masa seminggu, iaitu bermula hari Sabtu hingga hari Rabu. Hari Khamis pula waktu untuk proses hafalan hanya menggunakan waktu pagi sahaja, kelas hafalan pada waktu Zohor dan pada sebelah petangnya pula para pelajar dibenarkan untuk

---

<sup>68</sup> *Ibid.*, 14 September 2015.

berehat. Hari Jumaat adalah cuti umum bagi para pelajar dan mereka digalakkan untuk keluar berdakwah.<sup>69</sup>

Jika ada pelajar yang belum dapat membaca al-Qur'an dengan baik, mereka akan dimasukkan ke dalam satu kelas yang dinamakan sebagai kelas nazirah atau pra tahfiz. Sebelum para pelajar menghafal al-Qur'an, pelajar-pelajar mestilah membetulkan bacaannya terlebih dahulu maka para pelajar yang mempunyai kelemahan dari segi bacaan al-Qur'an akan dimasukkan ke dalam kelas yang diberi peluang untuk membaiki bacaan mereka dari sudut tajwid, faṣāḥah, kelancaran, dan lagu bacaan al-Qur'an dengan secara melihat kepada mashaf al-Qur'an. Setiap pelajar akan akan disemak bacaan al-Qur'an oleh ustaz bagi memastikan bacaan tersebut adalah tepat dengan hukum-hukum tajwid.<sup>70</sup>

Pelajar-pelajar yang boleh membaca al-Qur'an dengan baik akan diletakkan dalam kumpulan kelas-kelas tahfiz biasa. Di dalam kelas tahfiz al-Qur'an tersebut seorang guru akan mengawal beberapa orang pelajar dalam kumpulan dan memantau pergerakan pelajar setiap masa. Guru yang menjadi pengawal kepada pelajar-pelajar mestilah yang telah menghafal al-Qur'an. Teknik duduk dalam halaqah ialah setiap pelajar akan duduk dalam bulatan bersama dengan al-Qur'an dan rehal masing-masing. Mereka juga tidak boleh bersandar dan menjauhkan diri dari dinding kelas.<sup>71</sup>

Kaedah Deobandy juga sangat mementingkan adab-adab bagi menghasilkan seorang hafiz al-Qur'an yang berkualiti. Antaranya para pelajar dikehendaki mencium tangan setiap kali bersalaman dengan guru supaya melahirkan rasa penghormatan kepada

<sup>69</sup> Sedek bin Ariffin, *Kaedah Menghafal al-Qur'an Di Institusi Tahfiz al-Qur'an Di Malaysia: Kajian Perbandingan Di Antara Kaedah Darul Quran, JAKIM Dengan Kaedah al-Huffaz* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 92. Lihat Abdul Hafiz bin „Abd Allah, *Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafalan Al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*, (Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia, 2005), 57.

<sup>70</sup> *Ibid.*, 92.

<sup>71</sup> *Ibid.*, 93.

guru kumpulan masing-masing. Dari sudut pakaian, pelajar-pelajar dikehendaki untuk memakai kopiah dan serban pula amat digalakkan untuk memakai ketika membaca al-Qur'an. Mereka dilarang memakai pakaian bergambar, seluar jean dan baju yang bertuliskan.<sup>72</sup>

Dengan cara hafalan al-Qur'an ini, pelajar-pelajar dapat mengetahui cara untuk menghafal hadith dengan baik. Pelajar-pelajar di sini juga tidaklah disyaratkan untuk menghafal hadith kepada sesiapa pun yang mengikut kepada sistem ini. Namun begitu, kebanyakan mereka dapat menghafal dengan baik kerana mereka telah biasa untuk menghafal al-Qur'an. Gambarajah di bawah adalah salah satu kelas yang terdapat di Deoband India:

Gambarajah 7: *Halaqah* di Deoband India



Sumber: “Bijak Politik Untuk Menang (1)”, laman sesawang *blogspot*, disemak 25 Oktober 2009, dicapai 6 Ogos 2015, [http://g-82.blogspot.com/2009\\_10\\_18\\_archive.html](http://g-82.blogspot.com/2009_10_18_archive.html).

### 2.3.3.2.2 Madrasah-Madrasah Aliran Deobandy

Di antara madrasah-madrasah manhaj Deobandy ialah:

<sup>72</sup> *Ibid.*, 93.

## **Dar al-„Ulūm Deoband**

Madrasah Dār al-„Ulūm Deoband dianggap sebagai madrasah agama paling awal ditubuhkan di India dan juga dianggap sebagai madrasah yang paling berpengaruh dan terkenal malah turut dianggap seperti al-Azhar India. Madrasah ini mula dibuka pada tahun 1283 Hijrah dan jaraknya lebih kurang 200 km dari ibu negara India, New Delhi. Madrasah ini terletak di negeri Utar Pradish Utara India yang mana ianya bersempadan dengan Pakistan. Pengasas madrasah ini ialah al-Imām Muḥammad Qāsim al-Nānūtuwī (m. 1298) iaitu bermula pada 30 Mei 1866.<sup>73</sup>

Madrasah ini diasaskan tanpa mendapat sebarang bantuan daripada kerajaan dan hanya menerima bantuan dan derma daripada orang awam secara individu. Untuk mengumpulkan derma daripada orang ramai maka sebuah unit telah ditubuhkan bagi mencari dana. Pada peringkat awalnya pengajian di madrasah ini berlangsung di perkaranan masjid yang kecil. Kemudian ia bertukar apabila bangunan madrasah ini siap dibina pada tahun 1291 Hijrah iaitu selepas selama sembilan tahun tanpa bangunan. Madrasah ini dilihat terus kekal berkembang dan berpengaruh sehingga hari ini atas hasil daripada kesungguhan dan keyakinan yang tinggi para pengasasnya, guru-guru dan anak-anak murid mereka kepada Allah s.w.t. Keadaan ini turut diperakui oleh salah seorang ulama“ lepasan daripada madrasah ini iaitu al-„Allamah Abū al-Hasan al-Nadwi.<sup>74</sup>

Guru-guru di madrasah ini juga dikenali dan diperakui terutamanya dalam bidang Hadith kerana didatangi oleh pelajar-pelajar dari seluruh pelusuk India dan dari negara-negara Islam yang lain seperti daripada Daghistan, Afghanistan, Rusia, Azerbaijan, China, Burma, Malaysia, Indonesia, Sri Lanka, Afrika Selatan, Iraq dan Hijaz. Di madrasah ini

<sup>73</sup> Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 85.

<sup>74</sup> *Ibid.*, 85-86.

terdapat beberapa subjek pengajian Islam yang ditawarkan iaitu seperti Tafsir dan ilmu Tafsir, Hadith dan ilmu Hadith, *Fiqh* dan Usul *Fiqh*, *Sarf*, *Nahu* dan Adab. Di dalam perkara *fiqh* dan *furu'*, madrasah ini lebih berpegang kepada manhaj akidah yang cenderung kepada mazhab Abū Manṣūr al-Māturidi dan Mazhab Abū Hanīfah. Namun, secara keseluruhannya pengajian Islam di sini banyak diberi tumpuan kepada pengajian hadith-hadith Nabi s.a.w. dan mendapat tumpuan yang lebih di madrasah ini antaranya kerana dua faktor utama iaitu:<sup>75</sup>

1. Ulama“-ulama“ pengasas kepada madrasah ini merupakan graduan lepasan madrasah Waliyullah al-Dihlawī (m. 1176) yang merupakan tokoh ulama“ yang banyak memberikan khidmat dan sumbangan kepada penyebaran dan perkembangan hadith di benua India.
2. Sunnah dan hadith Nabi s.a.w. merupakan salah satu disiplin ilmu yang sering menjadi bahan kritikan dan modal serangan oleh anak didik barat dan golongan atheist India.

Kehebatan madrasah ini terbukti apabila ramai dalam kalangan tokoh-tokoh ulama“ India merupakan lepasan penuntut daripada madrasah ini iaitu Sheikh Muhammad Qasim, Sheikh Ahmad al-Kankuhi, Sheikh Husayn Ahmad al-Madani yang juga digelar dengan Sheikh Islam, Muhammad Anwār Shah al-Kasymiri, Sheikh Abū al-Hasan ,Ālī al-Husainī al-Nadwī dan Sheikh Ḥabib al-Rahmān al-,Aẓamī. Selain itu juga terdapat ramai dalam kalangan tokoh-tokoh ulama“ jemaah tabligh adalah merupakan lepasan daripada madrasah ini seperti Sheikh Muhammad Yusuf iaitu pengarang kitab *Hayāt al-Šaḥābah* dan Sheikh Muhammad Ilyas yang merupakan pengasas kepada jemaah tabligh. Termasuk juga

---

<sup>75</sup> *Ibid.*, 86-87.

pengajar di Nadwah al-Ulama“ di Lucknow yang mana kebanyakannya adalah lepasan Deoband.<sup>76</sup>

Madrasah ini telah menjadi ikutan dan contoh sehingga membawa kepada penubuhan madrasah-madrasah lain seumpamanya sama ada di India ataupun di luar India kerana kehebatan dan kemasyhuran sistem pengajiannya. Graduan dan lepasan Dar „Ulūm Deoband yang telah menyebarkan dan mengharumkan nama madrasah ini. Di antara madrasah-madrasah yang menggunakan metode Deoband ialah Madrasah Syahi, Madrasah Imdadiyyah bi Muradabad, Madrasah al-Aminiyah di Delhi, Asyraf al-Madaris bi hardu, al-Jāmi‘ah al-‘Arabiah bi Bandah, Madrasah Miftah al-‘Ulūm, Dar al-‘Ulūm, Al-Jāmi‘ah al-Rahmaniyyah di Basyhar, Jāmi‘ah Sabil al-Salam di Hyderabad, Sabil al-Rasyad di Bangalore, Jāmi‘ah al-Baqiyat al-Salihat di Wailur, Madrasah Ta‘lim al-Din di Dabil, al-Jāmi‘ah al-Husayniyah dan al-Jāmi‘ah al-Asyrafiyah di Randir.<sup>77</sup>

### **2.3.3.2.3 Silibus Pengajian di Dar al-„Ulūm Deoband**

Silabus hadith yang dipelajari di madrasah Dar al-‘Ulūm Deoband ini berbeza dengan silibus hadith di tempat-tempat lain. Pengajian hadith di sini dimulakan dengan pengajaran kitab *Mishkāt al-Maṣābīh* karangan Khatib al-Tabrizī dan *al-Muqaddimah fī Uṣūl al-Hadīth* oleh al-Muḥaddīth ,Abd al-Haq al-Dihlawī. Pelajar akan mempelajari keseluruhan kandungan bagi kedua-dua kitab ini dan kemudian hadith-hadith yang dipelajari akan diterjemahkan ke dalam bahasa Urdhu. Selain itu, pelajar juga akan mencatat syaranan hadith ini di dalam buku catatan masing-masing. Setelah selesai mempelajari kitab *Mishkāt al-Maṣābīh*, pelajar akan didedahkan dengan *al-Kutub al-Sittah* dan kitab *al-Muwaṭṭā‘* melalui riwayat Yahyā bin Yahyā al-Andalūsī al-Masmūdī dan riwayat Muhammad bin

<sup>76</sup> *Ibid.*, 88.

<sup>77</sup> *Ibid.*, 88-89.

Hasan al-Shaybānī. Selain itu, pelajar turut mempelajari kitab Sharh Ma'ānī al-Athār oleh al-Tahawī, al-Syama'īl oleh al-Tirmidhī, Nuzhat al-Naẓar Sharh Nukhbah al-Fikr oleh Ibn Ḥajar dan al-Muqaddimah oleh Ibn al-Ṣalāh. Syarat yang ditetapkan oleh pihak madrasah untuk lulus ialah pelajar harus menyelesaikan kesemua pengajian kitab yang telah dirangkakan.<sup>78</sup>

Di madrasah ini juga, pelajar-pelajar akan dilatih untuk membaca hadith-hadith dengan secara betul dan tepat yang mana guru akan menjadi pendengar bacaan pelajar bagi membetulkan kesilapan pelajar dan kemudian mensyarahkannya. Ada kalanya guru yang akan membaca hadith dan terus mensyarahkannya. Antara aspek-aspek yang ditekankan dalam sistem pengajian hadith di madrasah ini ialah ilmu al-ruwat, kajian sanad, mutun, syarah lafaz-lafaz gharib, terjamah bab dan isu-isu yang berkaitan hadith dengan memberi tumpuan kepada mazhab empat yang akan diberi penekanan kepada hujah, dalil setiap mazhab dan tarjih.<sup>79</sup>

#### **2.3.3.2.4 Dar al-„Ulūm li Nadwah al-Ulama“**

Madrasah ini telah diasaskan pada tahun 1312 H iaitu oleh al-,Alim al-Rabbānī al-Sheikh Muḥammad ,Alī al-Munjirī dan turut dibantu oleh kawann-kawannya. Dari al-„Ulūm li Nadwah al-„Ulama“ mengambil pendekatan yang agak berbeza dengan Madrasah Dar al-„Ulūm Deoband iaitu bersifat lebih terbuka dan bersederhana. Contohnya, Madrasah Deoband menolak ilmu-ilmu yang datang daripada barat sehingga pengajaran bahasa Inggeris juga tidak dibenarkan dipelajari. Ini berbeza dengan madrasah Dar al-„Ulūm li Nadwah al-„Ulama yang mengambil pendekatan sederhana dalam pemilihan ilmu-ilmu

---

<sup>78</sup> *Ibid.*, 87.

<sup>79</sup> *Ibid.*, 87-88.

yang hendak diajar dengan menggabungkan di antara ilmu tradisional dan moden disamping melakukan penambahbaikan terhadap sistem pengajian yang sedia ada.<sup>80</sup>

Kehebatan tokoh-tokoh ulama daripada Dār al-„Ulūm li Nadwah al-„Ulama“ ini dapat dilihat dengan sumbangan mereka terhadap penghasilan kitab-kitab yang berkaitan dengan sirah nabi. Di antaranya ialah penghasilan kitab Sirah al-Nabi oleh al-Shiblī al-Nūmānī (m. 1332 H) yang ditulis dalam bahasa Urdhu dan kemudiannya disempurnakan oleh Sulaymān al-Nadawī (m. 1373 H) dalam tujuh jilid. Seminar al-Sirah wa al-Sunnah yang diadakan di Qatar pada 1400 Hijrah telah bersetuju supaya kitab ini diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Selain itu, Al-Sayyid Sulaymān al-Nadawī turut mengarang kitab al-Risalah al-Muhammadiyyah. Dan tokoh Mu‘asirin India iaitu al-„Allamah Abu al-Hasan al-Nadawī turut mengarang beberapa buah sirah seperti Sirah Khatīm al-Nabiyīn li al-Atfāl, al-Nabīy al-Khatīm, al-Tariq ila al-Madīnah dan al-Sirah al-Nabawiyyah. Dan turut menghasilkan kitab dan artikel yang mengandungi penolakan dan kecaman terhadap golongan anti hadith dan kumpulan sesat seperti al-Qadiyaniyyah seperti kitab Hujjiyat al-Hadīth dalam bahasa Urdu oleh Sheikh Muhammad Ḥanif al-Nadawī, Tadwīn al-Hadīth oleh Sheikh Hidāyat Allah al-Nadawī dan Tadwīn al-Hadīth oleh Sayyid Sulaymān al-Nadawī.<sup>81</sup>

### **2.3.3.2.5 Silibus Pengajian di Dar al-„Ulūm li Nadwah al-Ulama“**

Silabus pengajian yang ditawarkan di institusi ini ialah dalam mempelajari al-Kutub al-Sittah dari awal sehingga akhir sebagaimana yang diajar di Dar al-„Ulūm Deoband melainkan Sunan Ibn Majah dan Sunan al-Nasa“ī yang hanya dipelajari untuk memberi tumpuan kepada bab-bab tertentu sahaja. Beberapa madrasah yang turut mengikuti metode

<sup>80</sup> *Ibid.*, 89.

<sup>81</sup> *Ibid.*, 90.

Dār al-„Ulūm li Nadwah al-„Ulama“ ialah Madrasah al-Iṣlāh di Bi Sara Amīr A”zam Jerah al-Hind, Dār al-„Ulūm Taj al-Masājid di Bahufal dan Al-Jāmi,ah al-Islāmiyyah di Mazfar fur A”zam Geragh.<sup>82</sup> Selain itu, madrasah yang lain ialah:

1. Mazahir „Ulūm, Saharanpur
2. Jami`ah al- „Ulūm al-Islamia, Karachi.
3. Jami`ah Asyrafiyyah, Lahore
4. Jami`ah Nusrat al- „Ulūm
5. Jami`ah Miftah al- „Ulūm
6. Jami`ah Islamia Dabhil
7. Dar al-„Ulūm, Karachi
8. Madrasah Qasim al-„Ulūm, Multan
9. Khair al-Madaris, Multan
10. Jāmi`ah Rashidia, Jalandhar.

### **2.3.3.3 Aliran Barelvī**

Manhaj ini mula muncul selepas munculnya aliran Ahli Hadith dan aliran Deobandy. Ia berasal daripada Asia Selatan dan berasal daripada kota utara India iaitu Bareilly. Tokoh utama aliran ini ialah yang bernama Ahmad Raza Khan. Aliran ini sangat mementingkan dan menjadi keutamaan kepada aliran tasawwuf dan tariqat. Aliran inilah yang menyebabkan munculnya habib-habib, zikir-zikir dan qasidah-qasidah yang kadang-kadang

---

<sup>82</sup> *Ibid.*, 89.-90

melampaui batas-batas dalam agama Islam. Aliran ini menjadi aliran yang ditolak oleh aliran Ahli Hadith kerana aliran ini dianggap golongan bid'ah.

## **1.5 KESIMPULAN**

Kajian ini jelas menunjukkan tentang cara pengajian hadith yang bermula daripada zaman Rasulullah s.a.w. seterusnya di sambung pada zaman sahabat, tabi'in, tabi'' tabi''' dan pengikut mereka sehingga ke zaman sekarang. Pada zaman Rasulullah s.a.w. juga terdapat larangan menghafal hadith dan menitikberatkan hafalan di dalam hadith. Begitu juga apa yang berlaku pada zaman sahabat. Kemudian kerana berlaku banyaknya pemalsuan hadith dan hadith yang diketahui oleh umat Islam berselerak kerana pengetahuan tentang hadith sesuatu tempat ada yang berbeza-beza. Maka para ulama" hadith ketika itu mengambil inisiatif untuk mengumpulkan hadith di dalam bentuk penulisan kitab atau karya.

Disebabkan hadith-hadith telah pun banyak yang dikumpulkan di dalam kitab-kitab, maka pengajian hadith juga mula berubah daripada mempelajari hadith tanpa merujuk kepada kitab bertukar kepada pengajian berdasarkan kitab-kitab dan setiap kitab mempunyai tajuk yang ingin dibincangkan masing-masing. Ini memudahkan setiap penuntut mengetahui tentang hadith-hadith yang terdapat dalam sesuatu tajuk yang dipelajari. Dan seterusnya muncullah tempat yang menggunakan sistem mereka sendiri dalam mempelajari hadith seperti manhaj Ahli Hadith, al-Azhar dan Deobandy di India.

## BAB 2: PERKEMBANGAN PENGAJIAN HADITH DI MALAYSIA

### 2.1 PENGENALAN

Pengajian bertalaqqī menggunakan kitab hadith telah bermula selepas sahaja pembukuan hadith-hadith. Menurut ustaz Muhd Hazim kebanyakan penulis kitab-kitab hadith yang ditahqiq adalah mengambil dari guru-gurunya iaitu melalui cara talaqqī menggunakan kitab-kitab hadith. Pengajian hadith secara berhadapan dengan guru sama ada secara *Qira'ah 'ala Sheikh* atau dengan cara *sama 'ala al-Sheikh*.<sup>83</sup> Kedua-dua metode ini digunakan untuk mempelajari hadith dengan guru-guru hadith dalam mempelajari kitab-kitab hadith. Sebenarnya cara ini adalah asas daripada cara pengajian yang digunakan oleh Imam al-Bukhārī. Sejarah perkembangan cara pengajian hadith yang menggunakan kitab semakin berkembang dengan terdapatnya cara mengikut tempat masing-masing dalam mempelajari kitab-kitab hadith ini. Di antara cara-cara tersebut ialah seperti di Makkah al-Mukarramah, al-Azhar di Mesir, Deoband di India dan lain-lain.

Daripada asas pengajian yang dimulakan oleh Imam al-Bukhārī inilah maka bermulanya penggunaan kitab-kitab hadith dalam pengajian ilmu hadith. Pada mulanya ramai ulama-ulama yang tinggal di sekitar al-Haramain di Makkah menggunakan cara bertalaqqī menggunakan kitab hadith secara *halaqah*. Pada masa itu, mereka belajar hadith dengan guru mereka secara berhadapan dan pelajar-pelajar akan mengelilingi guru. Ramai pelajar yang datang ke Makkah untuk mengikuti pengajian agama di sini termasuklah kebanyakan tokoh ulama dari Malaysia. Ini dapat dilihat dari segi perkembangan pengajian

<sup>83</sup> Muhammad Hazim bin Hussin (pengajar di Madrasah al-Miftah al-„Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis di Madrasah al-Miftah al-„Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur, 14 Julai 2014.

agama di Malaysia pada abad ke-19 M yang mana kebanyakan tokohnya adalah daripada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di Makkah. Ulama“-ulama“ dari sanalah juga yang banyak memainkan peranan dalam memangkin pola pemikiran masyarakat Islam di Tanah Melayu ketika itu.<sup>84</sup>

Daripada institusi sistem pengajian secara *halaqah* di Makkah maka lahir pula pada akhir abad ke-20 sistem baru yang mana ulama“-ulama“ di al-Azhar Mesir sebagai perintisnya. Permulaan kepada sistem pengajian di al-Azhar ini menyebabkan tumpuan untuk *rethalah ‘ilmiyah* mula berubah daripada Haramain ke al-Azhar kerana ramai tokoh ulama“ akhir abad ke-20 yang lahir daripada institusi ini. Maka ramai dari kalangan orang Islam yang datang untuk belajar di al-Azhar, Mesir terutamanya masyarakat Islam di Tanah Melayu ketika itu yang menyebabkan corak pola pemikiran umat Islam di Tanah Melayu mula berubah.<sup>85</sup> Jika ditelusuri kebanyakan universiti yang menawarkan pengajian Islam di Malaysia, penawarannya adalah berasaskan kepada sistem pengajian di al-Azhar. Kemudian pengajian hadith mula berkembang di India dengan lahirnya sistem *Dawrah al-Hadīth* yang lebih sistematik.

Islam telah pun masuk ke benua kecil India semenjak abad pertama Hijrah lagi iaitu tentera Islam di bawah Kerajaan Bani Umayyah yang dipimpin oleh Muhammad ibn al-Qasim al-Thaqafī pada mulanya melalui daerah Sind pada tahun 92 Hijrah. Pergerakan mereka ini berjaya menawan seluruh daerah Sind dan selatan Punjab. Seterusnya, tentera Islam di bawah pimpinan „Mahmud ibn Subaktakin atau Mahmud al-Ghaznawī (m. 421H) iaitu pengasas Kerajaan Ghaznawiyyah iaitu bermula pada tahun 391 Hijrah dan berakhir pada tahun 547 Hijrah. Mereka telah melalui kawasan sempadan Barat Daya India dan

<sup>84</sup> Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran Ulama Di Semenanjung Malaysia Akhir Abad Ke-20* (Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011), 118.

<sup>85</sup> Shukri Ahmad, *Pengaruh Pemikiran*, 119.

berjaya membuka daerah Punjab, menawan Delhi dan sebahagian besar kawasan utara India. Selepas pemerintahan Kerajaan Ghaznawiyyah berakhir penguasaan kerajaan-kerajaan Islam ke atas India masih lagi berterusan yang turut memberi kesan terhadap kepesatan perkembangan Islam di India. Ini dapat diandaikan bahawa perkembangan hadith di India telah bermula sebaik sahaja kemasukan Islam ke benua India iaitu pada kurun pertama Hijrah lagi.<sup>86</sup>

Menurut al-Qādī Abū al-Ma,āli Aṭhār al-Mubarakpūrī di dalam kitabnya ‘*Iqd al-Thamīn* menyatakan pendapatnya bahawa walaupun mereka tidak direkodkan ada meriwayatkan riwayat-riwayat hadith pada masa tersebut, namun dapat diketahui secara umum bahawa mereka juga tentunya ada meriwayatkan hadith dengan secara bermuzakarah sesama mereka sebagaimana kebiasaan para sahabat Nabi s.a.w. dan juga para Tabi,in. Beliau juga mengatakan bahawa periyawatan hadith yang mengikut metode periyawatan hadith di India adalah bermula pada permulaan kurun kedua Hijrah, di mana pada sekitar dekad ketiga kurun tersebut (sekitar 130H), seorang perawi hadith yang bernama Muḥammad ibn ,Azzaz ibn Aws al-Quḍā, telah mendengar riwayat hadith daripada Qays ibn Bisr al-Sindī al-Naṣrī yang dianggap sebagai periyawatan yang pertama sekali diketahui. Kemudian dari situlah bermula munculnya pusat-pusat pengajian di beberapa negeri di India seperti Daybul, Multan, Mansurah dan Lahore dan kemudiannya pengajian hadith semakin meluas.<sup>87</sup>

Pada zaman Sultan ,Alau,uddin al-Khilji (695-716H) telah berlakunya satu peristiwa iaitu mengenai kedatangan seorang ulama besar yang masyhur dan pakar dalam bidang hadith di Mesir. Beliau ialah Shamsuddin al-Turk yang mana beliau datang ke India

<sup>86</sup> *Ibid.*, 379.

<sup>87</sup> Haziyah Hussin et al., *Kelangsungan Pengajian Hadis Cabaran Dan Masa Depan* (Selangor: Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2006), 379-380.

dengan membawa bersamanya 400 jilid kitab Hadith untuk menyebarkan ilmu Hadith tersebut. Beliau turut berhasrat untuk menulis sebuah kitab untuk dihadiahkan kepada pemerintah iaitu sebuah kitab yang akan mengulas tentang Hadith-hadith. Setelah sampai ke Multan, beliau kemudiannya berpatah balik ke Mesir kerana beliau dapati bahawa ulama India pada masa itu tidak berminat dengan ilmu Hadith manakala pemerintah pula tidak menunaikan solat lima waktu dan solat Jumaat.<sup>88</sup>

Di dalam tesis Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor ada mencatatkan tiga nama dalam kalangan periyawat hadith dari kalangan Atba' al-Tābi,īn yang pernah menyebarkan hadith di India, iaitu di antaranya ialah Isrā'īl ibn Mūsa al-Basrī. Isrā'īl ibn Mūsa al-Basrī ada meriwayatkan hadith daripada al-Hasan al-Basrī r.a. dan murid-muridnya pula ialah Sufyān ibn Uyaynah<sup>89</sup> r.a., Yaḥyā ibn Sa,īd al-Qaṭṭān r.a. dan al-Ḥusayn al-Ju,īfī r.ā. Dan juga al-Rabi' ibn Ṣābih al-Sa,īdī r.a. yang menurut al-Ṭabarī adalah seorang tentera yang ke Sind dan kemudiannya meninggal dunia di sana manakala menurut catatan Haji Khālidah, al-Rabi' ibn Ṣābih al-Sa,īdī r.a. adalah seorang pengarang ilmu hadith yang ulung. Beliau ada meriwayatkan hadith daripada al-Hasan al-Basrī r.a., Ḥumayd al-Ṭawīl, Yazīd ibn al-Ruqāshī, Abū al-Zubayr, Abū Ghālib dan lain-lain. Selain itu adalah Nujayḥ ibn ,Abd al-Raḥmān al-Sindī r.a. yang mana beliau adalah seorang pengarang berita perang, beliau berguru dengan Muhammad ibn ,Amr, Nāfi' dan Hisham ibn ,Urwah manakala murid-muridnya terdiri daripada orang Iraq. Beliau adalah pengarang kitab hadith yang pertama dalam Islam dan meninggal dunia di India pada tahun 160 Hijrah.<sup>89</sup>

<sup>88</sup> Abdul Hayei bin Abdul Sukor, *Sumbangan Shah Waliyullāh al-Dihlawī Kepada Ilmu Hadith Dan Pengaruhnya Di Kelantan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1988), 48.

<sup>89</sup> Haziyah Hussin et al., *Kelangsungan Pengajian Hadis Cabaran Dan Masa Depan* (Selangor: Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2006), 380. Lihat Abdul Hayei, *Sumbangan Shah*, 36-37.

Akibat daripada perkembangan Islam yang pesat ini, ianya telah melahirkan ramai intelektual dan ulama” di benua kecil India. Bagaimanapun, pengajian ilmu hadith semakin kurang menonjol dan agak mundur kerana tumpuan lebih diberikan kepada penyebaran dakwah dan pengajian ilmu-ilmu lain, terutamanya ilmu fekah, falsafah dan tasawuf oleh ulama”. Hal ini berlaku kerana selepas kejatuhan kerajaan Arab dan apabila Kerajaan Ghaznawiyyah berkuasa di India. Pengajian ilmu hadith semakin lama semakin dipinggirkan dan keadaan ini berlaku dalam tempoh masa yang sangat lama, keadaan yang naif ini berubah sehingga munculnya Sheikh ,Abd al-Haq ibn Sayf al-Dīn ibn Sa,ad Allah al-Dihlawī (958-1053H). Beliau dianggap sebagai pelopor ulung kerana beliau adalah ulama” yang mula-mula mengajar kitab-kitab hadith yang enam iaitu *al-Kutub al-Sittah* dan memasukkannya ke dalam silibus pengajaran hadith di madrasah-madrasah di India yang berjalan sehingga kini.<sup>90</sup>

Pengajian hadith kemudiannya semakin subur pada zaman Imam Shāh Wali Allāh al-Dihlawī (m. 1176H) yang dianggap sebagai mujaddid kerana beliaulah yang telah mengembangkan pengajian ilmu hadith di India dan memulakan *Dawrah al-Hadīh*. Semasa Shāh Wali Allāh al-Dihlawī masih kecil beliau telah berguru dengan ayahnya sendiri, iaitu Sheikh Abdur Rahim. Beliau telah menghafal al-Qur'an ketika usianya tujuh tahun, dan beliau juga telah banyak mendalami ilmu-ilmu terutamanya bahasa Parsi dan Arab selama dua tahun. Beliau kemudiannya menyambung pengajian di tempat pengajian yang diasaskan oleh ayahnya sendiri iaitu Sekolah Tinggi al-Rahimiyyah dengan mempelajari ‘Ulūm ‘Aqliyyah dan Naqliyyah. Di sekolah ini beliau berguru dengan bapanya sendiri dan Sheikh Muhammad Afḍal al-Siyalkūtī, pada sheikh inilah beliau mempelajari hadith dan ilmu-ilmunya. kemudian pada usianya 29 tahun beliau pergi ke

---

<sup>90</sup> *Ibid.*, 380-381.

Mekah bagi menunaikan haji disamping untuk menuntut ilmu. Kemudiannya beliau tinggal di Hijaz iaitu di antara Mekah dan Madinah. Shah Waliyullāh al-Dihlawī juga telah pergi Madinah untuk berguru dengan Sheikh Abu Thahir al-Kurdi di Masjid Madinah. Beliau kemudiannya pulang ke tanah air untuk menyebarkan ilmunya setelah dua tahun menuntut ilmu di Hijaz dengan mendalami ilmu Hadith.<sup>91</sup>

Selepas itu, Pengajian *Dawrah al-Hadīh* ini semakin diperkembangkan lagi oleh anak sulung Shāh Walī Allāh al-Dihlawī iaitu Shāh Abd al-Azīz. Selepas itu, diteruskan pula oleh Shāh Muḥammad Ishāq iaitu cucu kepada Shāh Abd al-Azīz. Selepas Shāh Muḥammad Ishāq berhijrah pengajian ini diteruskan pula oleh Shāh Abd al-Ghani iaitu anak kepada Shāh Abū Sa'id. Shāh Abū Sa'id ialah anak murid kepada Shāh Abd al-Azīz. Shāh Abd al-Ghani banyak mempelajari *Dawrah al-Hadīh* dengan bapanya sendiri. Seterusnya pengajian hadith semakin terkenal pada zaman Maulana Muḥammad Qāsim Nanutuwī dan Hazrat Maulana Rashid Aḥmad Gangohī. Pengajian hadith dengan bertalaqī menggunakan kitab di India ini kemudian semakin berkembang dengan menggunakan metode yang telah diasaskan oleh ulama"-ulama" di India iaitu dengan tertubuhnya pula Madarasah Dār al-„Ulūm Deoband. Ulama"-ulama" yang pengasas madrasah ini adalah merupakan graduan lepasan madrasah Walī Allāh al-Dihlawī yang kemudiannya diturunkan kepada anaknya iaitu Shāh Abd al-Azīz. dan pengasas utamanya ialah al-Imām Muḥammad Qāsim al-Nanutuwī. Ia dilihat semakin besinar pada zaman Sheikh Maḥmūd al-Ḥasan yang mendapat gelaran sebagai Sheikh al-Hindi. Beliau merupakan anak murid kepada dua orang tokoh terkenal iaitu Maulana Muḥammad Qāsim al-Nanutuwī dan Hazrat

<sup>91</sup> *Ibid.*, 381 & 60-63. Lihat Abu Ali al-Banjari an-Nadwi, *Sejarah Perkembangan Islam Di India* (Pokok Sena: Khazanah Banjariah Maahad Tarbiyah Islamiyah, 1992), 108-109.

Maulana Rashid Ahmad Gangohi.<sup>92</sup> Ini kerana mereka menganggap bahawa sistem sanad atau sistem isnad adalah sangat penting untuk diberikan penekanan dalam pengajian Hadith.

## 2.2 PERKEMBANGAN MANHAJ AHLI HADITH DI MALAYSIA

Perkembangan manhaj-manhaj Ahli Hadith bukan sahaja berlaku di dalam sistem pembelajaran malah turut berlaku di dalam penulisan kitab-kitab hadith di Tanah Melayu. Pengaruh juga pada awalnya dilihat lebih ramai tokoh-tokoh ulama<sup>93</sup> di Tanah Melayu adalah dari keluaran pengajian agama di Makkah berbanding dari madrasah-madrasah di India dan Pakistan. Ini dapat dilihat di pondok-pondok dan madrasah-madrasah kebanyakannya adalah daripada ulama<sup>94</sup>-ulama<sup>95</sup> yang belajar di Makkah.

Di Malaysia perkembangan pengajian yang menggunakan manhaj Ahli Hadith agak kurang tersebar kerana manhaj Ahli Hadith tidak terdapat banyak madrasah sendiri seperti aliran Deobandy. Kebanyakan yang mengajar aliran Ahli Hadith ini juga tidaklah begitu terkenal seperti yang mengikuti pengajian aliran Deobandy. Kebanyakan yang mengikut aliran Ahli Hadith ini mengajar di pondok-pondok dengan terdapatnya pengajian ilmu-ilmu lain selain daripada ilmu hadith. Di pondok-pondok kebanyakannya memberi penekanan terhadap aliran akidah Ashā'irah dan bermazhab al-Shāfi'i. Pengajian di pondok pada awalnya adalah bermula daripada rumah dan kemudian apabila pelajar semakin bertambah maka ibu bapa dan masyarakat sekeliling mengambil inisiatif untuk mendirikan bangunan

<sup>92</sup> Zulkifli Hj Mohd Yusoff et al., *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara* (Kuala Lumpur: Fauzul Na'im Sdn Bhd, 2009), 392-393. Sayyid Mahbood Rizvi, *History of The Dar al-Ulum Deoband*, terj. Inggeris Prof. Murtaz Husain F. Quraishi (India: Idara-e Ihtemam, Dar al-Ulum, 1980), 69-98. Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

sebagai tempat belajar yang selesa. Bangunan tersebut dinamakan surau atau madrasah dan pelajar-pelajar pula tinggal di pondok-pondok kecil.<sup>93</sup>

#### **2.4.1 Pondok-Pondok di Malaysia yang Menggunakan Sistem Pengajian Makkah:**

Di antara pondok yang mengikut kepada sistem di Makkah dalam pengajian Hadithnya ialah:

##### **1. Pondok al-Madrasah al-Diniyyah al-Bakriyyah, Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan**

Pondok ini diberi nama sempena dengan nama Abu Bakar iaitu nama bapa kepada tiga orang guru dan pengasas pondok iaitu Tuan Guru Haji Mustafa Haji Abu Bakar (1923-1984) bersama dengan adiknya Tuan Guru Haji Abdul Aziz Haji Abu Bakar (meninggal 1987). Mereka dibantu oleh ipar mereka sendiri iaitu Tuan Guru Haji Hashim Haji Abu Bakar yang mana kebetulan mereka bertiga mempunyai nama bapa yang sama. Pondok ini juga dinamakan Madrasah Diniyah Bakriah yang juga dikenali dengan nama Pondok Terusan Limbat, Pasir Tumboh. Ketiga-tiga pengasas ini adalah pengasas ini adalah pelajar lepasan dari Makkah.<sup>94</sup>

##### **i. Metode Pengajian Hadith di Pondok al-Madrasah al-Diniyyah al-Bakriyyah**

Terdapat dua aliran sistem pengajian iaitu pertama Aliran Nizami. Aliran Nizami untuk pelajar yang menduduki peperiksaan. Mereka ini diambil daripada kalangan pelajar lepasan

---

<sup>93</sup> Fauzi Deraman et. al., *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh-Karya-Institusi* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 204.

<sup>94</sup> "Maklumat Pondok Pasir Tumboh", laman sesawang *Wordpress*, dikemaskini 10 Januari 2013, dicapai 28 Mac 2016. <https://albakriah.wordpress.com/category/maklumat-pondok/>.

sekolah rendah yang berusia 13 tahun. Bagi aliran Nizami, pelajar akan melalui dua peringkat metodologi pembelajaran iaitu peringkat teori dan peringkat amali. Kedua Aliran Umumi ialah untuk mustamī” iaitu pendengar yang tidak menduduki peperiksaan termasuk orang dewasa bebas usia dan penduduk setempat.<sup>95</sup>

Pengajian Umumi dijalankan di masjid menggunakan kitab kuning (lama), sama ada kitab jawi atau kitab Arab antaranya; *Sahīḥ al-Bukhārī*, Bidāyah al-Hidāyah, Matlā al-Badrīn, al-Baijūrī, al-Iqna”, Sirah al-Nabawiyyah, Riyād al-Šāliḥīn, Sir al-Sālikīn, Hidāyah al-Sibyān, Pelita Penuntut dan Penawar Bagi Hati.<sup>96</sup>

## **2. Pondok al-Madrasah al-Latifiyyah, Kampung Kuak Hulu, Pengkalan Hulu, Perak.**

Pondok ini terletak di Kampung Kuak Hulu, Pengkalan Hulu, Perak. Pengasas pondok ini ialah YBhg Dato” Haji Abd Latif bin Haji Abd Rahman atau nama panggilannya Pak Teh. Disebabkan itu jugalah pondok ini dinamakan dengan nama mesra beliau iaitu Pondok Pak Teh. Beliau telah menubuhkan pondok ini setelah beliau pulang ke kampung halaman pada tahun 1957 setelah menamatkan pelajarannya di Pondok al-Madrasah al-Diniyyah al-Bakriyyah, Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan.

Beliau menamatkan pengajiannya dengan hampir seramai 20 orang guru dari Kedah, Perak dan Kelantan. Di antara gurunya ialah Tuan Guru Haji Musthafa bin Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Latif bin Abdul Ghani dan Tuan Guru Haji „Abdul Aziz bin Haji Abu Bakar

---

<sup>95</sup> *Ibid.*

<sup>96</sup> *Ibid.*

bin Haji Abdul Latif bin Abdul Ghani. Kedua-dua gurunya pernah belajar di Makkah sebelum menubuhkan Pondok Pasir Tumboh.<sup>97</sup>

### i. Metode Pengajian Hadith di Pondok al-Madrasah al-Latifiyyah

Pengajian ilmu hadith yang melibatkan kitab-kitab hadith diajar dengan meluas. Kitab-kitab utama diajar secara menyeluruh iaitu di antara kitab-kitabnya ialah:

1. *Sahīh al-Bukhārī*
2. *Sahīh Muslim*
3. *Sunan Abū Dawūd*
4. *Sunan al-Tirmidhī*
5. *Sunan al-Nasā'ī*
6. *Muwaṭṭa' Imām Mālik*
7. *Jawāhīr al-Bukhārī*
8. *Mukhtasar Abī Jamrah*
9. *Matan al-Arba'īn al-Nawawiyyah*
10. *Riyāḍ al-Ṣalihīn*
11. *Al-Adhkār al-Nawawiyyah*
12. *Durrah al-Naṣīḥīn*

Manakala kitab-kitab hadith *dirayah* yang ada kaitannya dengan ilmu *mustalah al-hadīth* pula ialah:

<sup>97</sup> “Tuan Guru Dato” Haji Abdul Latif bin Haji Abdul Rahman: Memartabatkan Institusi Pondok di Perak”, laman sesawang *Wordpress*, dikemaskini 5 Oktober 2010, dicapai 28 Mac 2016. <https://pondokhabib.wordpress.com/2010/10/05/tuan-guru-dato%E2%80%99-haji-abdul-latif-bin-haji-abdul-rahman-memartabatkan-institusi-pondok-di-perak/>. Lihat “Pengasas 1 Pondok Pasir Tumboh”, laman sesawang *Wordpress*, dikemaskini 12 November 2009, dicapai 28 Mac 2016. <https://albakriah.wordpress.com/2009/11/12/pengasas-1-pondok-pasir-tumboh/>. Lihat juga “Pengasas 2 Pondok Pasir Tumboh”, laman sesawang *Wordpress*, dikemaskini 12 November 2009, dicapai 28 Mac 2016. <https://albakriah.wordpress.com/2009/11/12/pengasas-2-pondok-pasir-tumboh/>.

1. *Manzumah al-Bayqūniyyah*
2. *Sharh Al-Bayqūniyyah*

Setiap kitab di sini akan mengambil masa yang lama mengikut ketebalan saiznya dan setiap kitab akan dipelajari sehingga tamat. Sebagai contoh kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* akan dipelajari dengan mengambil masa selama 15 tahun, *Sahīḥ Muslim* adalah selama 10 tahun, *Sunan Abū Dawūd* selama 5 tahun, *Jawāhīr al-Bukhārī* dan *Bulugh al-Marām* selama 1 tahun. Maka tidak hairanlah jika ada pelajar yang belajar sehingga puluhan tahun untuk menamatkan pembelajaran mereka.<sup>98</sup>

Metodologi dalam pengajian hadith di pondok ini ialah dengan guru akan membaca kitab hadith dari baris ke baris dari awal kitab sehingga ke akhir kitab. Guru juga akan memberikan terjemahan hadith dan keterangan ringkas dan murid-murid akan mencatatnya di tepi kitab. Ada ketika satu kitab akan diulang pembacaannya beberapa kali bagi memantapkan lagi penuntutnya. Ada dua kaedah pengajaran yang dilakukan oleh guru-guru di pondok ini<sup>99</sup>:

1. Terikat dengan kitab hadith yang dibacakan dan menjelaskan apa yang terdapat di dalam kitab tersebut serta tidak banyak menambah ulasan-ulasan yang lain. Cara ini adalah cara yang paling banyak dilakukan.
2. Cara ini ialah dengan guru membaca dan menjelaskan apa yang terdapat di dalam kitab hadith dan ditafsir secara meluas berpandukan kepada kitab-kitab tafsir yang lain yang menjadi rujukan guru-guru tersebut serta mengikut disiplin pengajian mereka.

### **3. Pondok Lubuk Tapah, Kelantan**

<sup>98</sup> Fauzi Deraman et. al., *Pengajian Hadith*, 209-210.

<sup>99</sup> *Ibid.*, 211.

Pondok Lubuk Tapah adalah pondok yang terkenal dan tertua di Kelantan selepas Pondok Pasir Tumboh dan Pondok Sungai Durian. Pondok Lubuk Tapah pada asalnya dikenali sebagai Madrasah al-Rahmaniyyah al-Diniyah. Pondok ini telah diasaskan oleh Haji Abdul Rahman bin Haji Che Wan (1902-1989) iaitu pada tahun 1932. Beliau membangunkan pondok ini dengan kerjasama dari besannya iaitu Haji Abdul Rahman bin Haji Ngah. Dengan pertambahan pelajar yang semakin pesat, maka Haji Abdul Rahman telah memikirkan satu inisiatif baru untuk menubuhkan sebuah masjid yang kemudiannya dikenali dengan nama Masjid al-Rahmaniyyah.<sup>100</sup>

Di Masjid inilah menjadi pusat pengajian hadith dan ilmu agama. Pondok ini juga telah menjadi asas kepada lahirnya pondok-pondok lain yang telah diasaskan oleh pelajar-pelajar pondok ini. Di antara pondok tersebut ialah Pondok Kampung Perah dan Pondok Kampung Jabo. Haji Abdul Rahman telah mempelajari ilmu agama di Masjidil Haram di Makkah selama 5 tahun.<sup>101</sup>

#### i. Metode Pengajian Hadith di Pondok Lubuk Tapah

Di Pondok Lubuk Tapah, sistem pembelajarannya masih mengekalkan kepada sistem pengajian tradisional yang berbentuk halaqah iaitu para pelajar akan duduk bersila dihadapan guru dan mendengar guru apa yang dibaca dan disyarahkan oleh guru daripada kitab. Cara ini sangat berkesan ditambah lagi dengan adanya sesi soal jawab selepas sesi pembelajaran. Sistem pengajian di sini bukanlah sistem pengajian yang memberikan sijil

---

<sup>100</sup> *Ibid.*, 213.

<sup>101</sup> *Ibid.*, 213. Muhyiddin „Abd Allah et. al., *Pemikiran Fiqh Tuan Guru Haji ‘Abd Allah Lubok Tapah*, Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 25-26 November 2011), 334-335.

kepada pelajarnya sebab itulah tempoh pembelajaran di sini tidak terhad dan para pelajar bebas untuk meneruskan atau berhenti dari pengajian.<sup>102</sup>

Subjek yang penting di pondok ini ialah subjek hadith dan turut mengajar subjek pengajian Islam secara menyeluruh kepada pelajarnya. Sistem di pondok ini dibahagikan kepada 4 tahap iaitu tahap satu, tahap dua, tahap tiga dan tahap empat. Penentuan kemasukan setiap tahap dimilai dari segi kemampuan para pelajar dan bagi setiap tahap mempunyai skop bidang pengajian yang hampir sama tetapi menggunakan buku atau sukatana yang berbeza.<sup>103</sup>

Sukatan hadith bagi tahap satu dengan menggunakan kitab *Sunan Abū Dawūd* karangan Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Asy'ath al-Sijistānī dan juga *Matan al-Arba 'īn al-Nawawiyyah* karangan Imam al-Nawawī. Begitu juga tahap dua dan tahap tiga yang mana sukatannya adalah kitab *Sunan Abū Dawūd* akan tetapi kitab keduanya ialah kitab *Jawhar Mawhub* yang dikarang oleh Sheikh ,Alī bin ,Abd al-Rahmān al-Kalantānī. Di tahap empat pula, sukatan yang digunakan ialah dari kitab *Sunan Abū Dawūd* dan juga sebuah kitab Muṣṭalah Ḥadīth yang ditulis oleh Hassan Muhammad al-Masyat dengan tajuknya *Raf al-Astār*. Selain itu, di Pondok Lubuk Tapah turut menggunakan kitab-kitab hadith yang lain iaitu *Jawāḥīr al-Bukhārī*, *Bulūgh al-Marām*, *Rīyāḍ al-Ṣalihīn*, *Durrāh al-Nasīḥīn*, *Majalīs al-Sanīyah*, *Sharh Matn Al-Bayqūniyyah*, dan *Dalil al-Falīḥīn*.<sup>104</sup>

#### **4. Pusat Pengajian Pondok Kandis, Bachok, Kelantan**

Pusat Pengajian Pondok Kandis adalah merupakan pondok yang terkenal di Kelantan. Pondok ini telah ditubuhkan pada tahun 1981 dan didirikan di atas tanah seluas 56 ekar di

---

<sup>102</sup> *Ibid.*, 214.

<sup>103</sup> *Ibid.*, 214.

<sup>104</sup> *Ibid.*, 215.

sebuah perkampungan yang dikenali sebagai Kampung Kandis, Bachok, Kelantan. Pondok ini telah ditadbir oleh Yayasan Islam Kelantan. Kuliah pertama bagi pondok ini ialah pada 11 Februari 1984M. Pusat ini pada peringkat awalnya dipanggil sebagai “Pondok Moden” dan telah ditukar kepada Pusat Pengajian Pondok pada 4 September 1988 memandangkan pondok inilah satu-satunya pondok di Malaysia amnya dan di Kelantan khususnya yang mempunyai sistem yang teratur dan terancang dari segi pentadbiran, silibus pengajian dan kurikulum yang tersendiri berbanding pondok-pondok lain.<sup>105</sup>

### i. Metode Pengajian Hadith di Pusat Pengajian Pondok Kandis

Silibus pengajian di Pondok ini merupakan silibus yang telah ditentukan oleh pihak Yayasan Islam Kelantan dan menepati silibus pengajian di Universiti al-Azhar, Kaherah Mesir. Pondok ini mempunyai silibus yang terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat *Thanawiyah* dan peringkat ‘Aliyah. Pusat pengajian ini juga membahagikan ilmu hadith kepada dua jenis, iaitu *al-Hadīth* dan *Mustalah al-Hadīth* untuk peringkat *thanawiyah* dan peringkat ‘Aliyah pula akan ditambah dengan *Ahadith al-Ahkam*.<sup>106</sup>

#### a) Peringkat Thanawiyah:

Mata Pelajaran	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
al- <i>Hadīth</i>	Matn al-Arba,in al-Nawawiyah	Būlūgh al-Marām Bab: Kitab al-Taharah  Kitab al-Ṣalah  Kitab al-Janaiz  Kitab al-Zakat  Kitab al-Siyam	Būlūgh al-Marām Bab: Kitab al-Haj  Kitab al-Buyu“
Mustalah al- <i>Hadīth</i>	Al-Bayquniyyah	Raf‘u al-Astar	Raf‘u al-Astar

<sup>105</sup> *Ibid.*, 205.

<sup>106</sup> *Ibid.*, 205.

b) Peringkat ‘Aliyah:

<b>Mata Pelajaran</b>	<b>Kuliah Empat</b>	<b>Kuliah Lima</b>	<b>Kuliah Enam</b>
al-Hadīth	Sunan al-Tirmidī	Muwatta‘	<i>Sahīḥ al-Bukhārī</i>
Muṣṭalāḥ al-Hadīth	Raf‘u al-Astar Uṣūl al-Hadīth „Ulūmah wa Muṣṭalāḥuh“	Raf‘u al-Astar Uṣūl al-Hadīth „Ulūmah wa Muṣṭalāḥuh“	Al-Mawdu‘i
Aḥadīth al-Ahkam	Būlugh al-Marām Bab: Kitab al-Nikah Kitab al-Jinayah Kitab al-Hudud Subul al-Salām	Būlugh al-Marām Bab: Kitab al-Atīmah Kitab al-Imān Kitab al-Qadā‘ Kitab al-Itq Kitab al-Jāmi‘ Subul al-Salām	Būlugh al-Marām Subul al-Salām

Selain daripada kitab-kitab tersebut, kitab-kitab lain juga turut digunakan sebagai rujukan seperti:

3. *Fath al-Bārī* bi Sharḥ al-Bukhārī oleh Ibn Ḥajar al-Asqalānī
4. „Umdah al-Qārī Sharḥ *Sahīḥ al-Bukhārī* oleh Badr al-Dīn al-‘Aynī.
5. *Irshād al-Sārī Li Sharḥ *Sahīḥ al-Bukhārī**
6. *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī* oleh al-Suyūtī
7. *Fiqh al-Imām al-Bukhārī* karangan Dr ,Abd al-Khadir Abū Faris
8. *Fiqh al-Sunnah* karangan Sayyid Sabiq

9. Al-Ba'īth al-Hathith, Sharḥ al-Ikhtisar ,Ulūm al-Ḥadīth oleh Ibn Kathīr
10. Al-Sunnah wa Makanatuha fī Tashrī‘ al-Islāmī oleh Shaykh Muṣṭaffā al-Sibā‘ī
11. Al-‘Arf al-Shadhī oleh Anwar Shah al-Kashmirī
12. Al-Taqrirat li al-Tirmidhī oleh al-Sayyid ,Alī bin Sayyid al-Jamawī al-Maghribī
13. Tuḥfah al-Ahwadhī li Sharḥ al-Jāmi ,al-Tirmidhī oleh al-Mubarakfūrī
14. Awjazu al-Masalik ila Muwaṭṭā‘ Mālik oleh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi

Sistem ini pada awalnya mengikut kepada sistem tradisional, namun ia kemudian diubahsuai tahap demi tahap melihat kepada konteks keperluan semasa. Perubahan ini mengikut kepada sistem seperti di al-Azhar Mesir yang masih mengekalkan cara pengajian secara tradisional dan ditambah dengan cara pengajian moden. Di pusat terdapat enam metode yang digunakan dalam menyampaikan pengajaran ilmu hadith<sup>107</sup>:

1. Talaqqi ialah belajar secara bersemuka atau guru membaca dan mengajar, anak murid akan mendengar ilmu yang akan disampaikan. Pada masa yang sama pelajar akan membentuk halaqah dengan kedudukan guru adalah berada di tengah-tengah bulatan atau bersama pelajar dalam bulatan.
2. Mushafahah ialah percakapan dari mulut ke mulut yang berlakunya hubungan dua hala di antara guru dan murid.
3. Menadah kitab ialah dimana pelajar akan berpandukan kitab hadith tertentu apabila mendengar syarahan hadith.
4. Mengkhatam kitab iaitu membaca dari kulit ke kulit iaitu diberi penekanan terhadap pembacaan kitab dari awal hingga akhir iaitu bermula daripada bab pertama sehingga bab yang terakhir.
5. Menghafaz hadith.

---

<sup>107</sup> Ibid., 207-208.

6. Soal jawab iaitu pelajar akan bertanya guru apa yang tidak difahaminya dan begitu juga guru akan bertanya pelajar untuk melihat kefahaman pelajar.

#### **14.4.2 Penulisan Kitab-Kitab Manhaj Ahli Hadith Oleh Ulama“ Di Nusantara**

Dari segi penulisan kitab-kitab hadith juga adalah kebanyakannya menggunakan kitab-kitab yang telah dikarang oleh „ulama-,ulama yang pernah belajar di Makkah. Yang mana kitab-kitab tersebut digunakan di dalam pengajaran di kebanyakkan pondok, masjid dan surau di Malaysia. Di antara kitab-kitab tersebut ialah:

- i. *Hadīth Arba‘īn*.

Karya Sheikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansūrī, setakat ini baru dijumpai dua buah manuskrip yang tersimpan di PMM-PNM. Kitab hadith karya Sheikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansūrī ini adalah terjemahan dan tafsir kitab *Hadīth Arba‘īn* karangan Imam al-Nawawī yang pertama sekali dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1272 Hijrah bersamaan 1856 Masihi terdapat satu lagi terjemahan beserta syarah *Hadīth Arba‘īn* oleh Imam al-Nawawī itu yang diberi judul *Fatḥ al-Mubīn*, karya Sheikh Muhammad Saleh bin Muhammad Murid Rawa. *Hadīth Arba‘īn* susunan serta terjemahan Sheikh Daud bin ,Abd Allah al-Faṭānī pernah beliau muatkan dalam karyanya *Hidāyah al-Muta‘allim*. *Hadīth Arba‘īn* susunan Sheikh Khatīb al-Munzirī pernah diterjemah oleh Sheikh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Faṭānī. Terjemahan tersebut diberi judul *Hidāyah al-Mukhtār*.<sup>108</sup>

- ii. Penulisan Hadith Sheikh ,Abd Allah bin Abdul Mubin al- Faṭānī.

Beliau telah menghasilkan sebuah kitab hadith yang berjudul *Tanbīh al-Ghāfilīn* yang selesai penulisannya pada tahun 1184 Hijrah bersamaan 1770 Masihi. Karya ini merupakan

<sup>108</sup> Mazlan bin Sidek, *Hadis Dalam Kitab Al-Durr Al-Thamin Karangan Sheikh Daud Al-Fatani: Takhrij Dan Analisis* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran Dan al-Hadīth Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 120.

terjemahan yang pertama bagi *Tanbih al-Ghafilin* karya Sheikh Abū Layth al-Samarqandi.<sup>109</sup>

iii. Penulisan Hadith Sheikh Daud bin ,Abd Allah al-Faṭānī.

Terdapat beberapa buah kitab karangan Sheikh Daud al-Faṭānī antaranya ialah:

- i. *Farā'id Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Mahdi*, diselesaikan pada malam Sabtu, Zulkaedah 1215 Hijrah bersamaan 1800 Masihi. Merupakan terjemahan daripada karya Sheikh Mirghānī bin Yūsuf.
  - ii. *Kasyf al-Ghummah*, selesai pada tahun 1236 Hijrah bersamaan 1822 Masihi, kitab ini merupakan terjemahan daripada *Kasyf al-Ghummah* karya Sheikh ,Abd al-Wahhāb al-Sya'rānī.
  - iii. *Hikayah Imām*. Kitab ini merupakan sebuah karya tentang ilmu *rijāl al-Hadīh* dan merupakan kitab yang pertama membicarakan tentang ilmu *rijāl* hadith dalam bahasa Melayu.
  - iv. *Bughyah al-Tullāb* dan *Jam' al-Fawā'id*.<sup>110</sup>
- iv. Penulisan Hadith Sheikh Nawawi al-Bantānī.

Beliau telah menghasilkan dua buah kitab hadith iaitu kitab *Tanqīh al-Qawl* yang merupakan syarah *Lubāb al-Hadīh* karya Sheikh Imam Suyūtī. Kitab *Lubāb al-Hadīh* disyarah oleh Sheikh Nawawī al-Bantānī dalam bahasa Arab. Manakala dalam bahasa Melayu pula disyarah oleh Sheikh Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kalantānī yang berjudul *al-Jawhar al-Mawhūb*. Dan kitab *Nasā'h al-,Ibad* diselesaikan pada hari Khamis,

<sup>109</sup> Mazlan bin Sidek, *Hadis Dalam Kitab*, 121.

<sup>110</sup> *Ibid.*, 122.

21 Safar 1311 Hijrah bersamaan 1893 Masihi merupakan syarah bagi Munnabihat ,ala al-Isti,dad karya Sheikh Ibn Hajar al-,Asqalani.<sup>111</sup>

v. Penulisan Hadith Sheikh Wan Ali Kutan.

Beliau telah menghasilkan sebuah judul kitab hadith yang berjudul *al-Jawhar al-Mawhūb*, kitab berjaya beliau selesaikan di Makkah iaitu pada malam Selasa 2 Jamadil Awal 1306 hijrah bersamaan 1888 Masihi. Cetakan awal kitab ini telah ditashih dan diusahakan oleh Sheikh Ahmad al-Faṭāñī. Dan terdapat juga cetakan yang tersendiri kitab *al-Jawhar al-Mawhūb* karya Sheikh Wan Ali Kutan ini. Selain itu, ia juga di ada di cetak pada semua cetakan Siyar al-Sālikīn yang diletakkan pada bahagian tepinya.<sup>112</sup>

vi. Penulisan Hadith Sheikh Ahmad al-Faṭāñī.

Mengenai hadith terdapat tulisan beliau dalam bahasa Arab dan Melayu antaranya ialah kitab *Bisyārah al-‘Āmilīn*. Kitab ini berjaya di selesaikan di Makkah pada malam Ahad, 14 Rabi’ul Akhir 1304 Hijrah bersamaan 1887 Masihi.<sup>113</sup>

vii. Penulisan Hadith Sheikh Ahmad Lingga.

Salah sebuah karangan beliau ialah mengenai hadith yang berjudul *Naṣīḥah Ahl al-Wafā’* ‘Alā Wasiyyah al-Muṣṭafā’, di selesaikan di Makkah pada hari Sabtu 11 Syawal 1312 Hijrah bersamaan 1895 Masihi. Kitab ini merupakan terjemahan wasiat Nabi Muhammad s.a.w. kepada Saidina ,Alī bin Abī Ṭālib yang pertama sekali dalam bahasa Melayu.<sup>114</sup>

viii. Penulisan Hadith Sheikh Uthman Puntianak.

---

<sup>111</sup> *Ibid.*, 123.

<sup>112</sup> *Ibid.*, 123.

<sup>113</sup> *Ibid.*, 124.

<sup>114</sup> *Ibid.*, 124.

Karangan beliau ialah mengenai hadith yang berjudul “*Irsyād al-‘Ibād* Penjaga dan Bekal Hari Akhirat”, panggilan singkatannya ialah *Irsyād al-‘Ibād*. Telah selesai penulisan kitab ini pada tahun 1324 Hijrah bersamaan 1906 Masihi, dicetak pada tahun itu juga Maṭba,ah al-Miriyyah al-Kaynah, Makkah. Kitab ini merupakan terjemahan secara lengkap kitab yang dikarang oleh Sheikh Ibn Ḥajar al-Asqalānī iaitu kitab *Munabbihāt ‘alā ‘Isti‘dād li Yawm al-Ma‘ād*.<sup>115</sup>

ix. Penulisan Hadith Sheikh Mahfuzah al-Tarmāṣī.

Karya beliau diberi judul *Kifayāh al-Mustafid li mā ‘alā min al-Asānid* (*Kifayāh Mustafid*) yang mana ia membicarakan tentang pelbagai sanad dan kitab ini dicetak oleh Maṭba,ah al-Masyhad al-Ḥusayn, Mesir tanpa disebut tahun cetakan. Pada halaman 10 sehingga 19 adalah khusus menceritakan tentang sanad-sanad ilmu hadith mulai beliau, gurunya, hingga kepada yang teratas. Kitab kedua hasil karya beliau ialah *Minhaj Dhawī al-Naẓar* yang pernah dicetak berkali-kali di Makkah dan Surabaya.<sup>116</sup>

x. Penulisan Hadith Sheikh Husin Kedah.

Antara karya-karya beliau yang banyak, terdapat sebuah karya hadith yang diberi judul terjemahan hadith *Jawāhir al-Bukhārī*. Tidak diketahui tahun berapa karya ini diselesaikan, ini kerana hanya terdapat juzuk yang pertama sahaja. Cetakan pertama oleh al-Maktabah al-Zayniyyah, Taiping Perak pada tahun 1350 Hijrah. Pada mukaddimahnya Tuan Husin Kedah menyebut bahawa beliau terjemahkan dari segala lafaz hadith *Jawāhir al-Bukhārī* dan sebahagian daripada *Syarh al-Qastalānī*. Tuan Husin telah menyebut judul sebenar bagi terjemahan ini dengan *Tadhkir Qabā‘il al-Qadhb fi Tarjamah al-Bukhāri*. Hadith-hadith

<sup>115</sup> *Ibid.*, 124.

<sup>116</sup> *Ibid.*, 125.

yang dibicarakan dalam kitab ini sebahagian besarnya adalah sama dengan yang terkandung dalam *Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah*.<sup>117</sup>

xi. Penulisan Hadith Sheikh Uthman Jalaluddin al-Kalantāñī.

Dari sekalian banyak karya beliau, juga dijumpai bahasanya mengenai hadith. Dalam karyanya yang berjudul *Maṭāli’ al-Anwār wa Majāmi’ al-Azhar* (*Maṭāli’ al-Anwār*), juzuk pertama merupakan perbahasan mengenai asal usul ilmu keislaman. Mulai halaman 33 membahaskan mengenai ilmu-ilmu hadith.<sup>118</sup>

xii. Penulisan Hadith Sheikh Idris al-Marbawi.

Beliau merupakan seorang ulama yang sangat terkenal dengan kamus Arab Melayu iaitu Kamus al-Marbawi. Karya beliau mengenai hadith yang terkenal ialah “*Baḥr al-Madhi li Syarḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhi*”. Iaitu terjemahan kitab *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhi* serta disyarah oleh Sheikh Idris bin Abd Rauf al-Marbawi tersebut. Terjemahan *Ṣaḥīḥ al-Tirmidhi* secara lengkap ini adalah merupakan yang pertama sekali dilaksanakan dalam bahasa Melayu. *Baḥr al-Madhi* adalah sebuah karya besar yang terdiri daripada 22 Jilid yang sudah diterbitkan. Jilid 1/2/3/4/5/6/7/8, tidak disebut tarikhnya, jilid 9 pula tarikh selesai menulis iaitu pada malam Rabu, 29 Syawal 1357 Hijrah dirumahnya berhampiran Universiti al-Azhar Kaherah, Mesir. Manakala jilid 10/11/12/13/14/15, pula tidak disebut tarikhnya dan jilid 16 telah diselesaikan pada malam Rabu 21 Ramadhan 1359 Hijrah bersamaan 1940 Masihi. Jilid 17, 18, 19 tidak disebut tarikh. Dan jilid ke-20 diselesaikan pada malam Rabu 25 Ramadhan, 1373 Hijrah bersamaan dengan 18 Mei 1955 Masihi. Jilid 21 pula mulai menulis pada hari Khamis 26 Sya’ban 1374 Hijrah bersamaan 19 Mei 1955 Masihi. Jilid 22 mulai pada 25 Rabi’ul Akhir 1376 Hijrah bersamaan 10 Disember 1955

<sup>117</sup> *Ibid.*, 125.

<sup>118</sup> *Ibid.*, 126.

Masihi, selesai pada malam 2 Jamadil Akhir 1377 Hijrah bersamaan 24 Disember 1957 Masihi. Penerbitan keseluruhan diusahakan oleh Maktabah wa Maṭba,ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, Mesir mulai tahun 1352 Hijrah bersamaan 1933 Masihi.<sup>119</sup>

### xiii. Penulisan Hadith Abdul Halim al-Hadi

Nama lengkap beliau ialah Abdul Halim bin Noh bin Abdul Hadi bin Mayan Terona. Beliau dilahirkan pada 1904 Masihi di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Karya-karya beliau meliputi pelbagai bidang antaranya hadith, fiqh, akidah dan akhlak. Di antara kitab-kitab hadith yang dihasilkan oleh Abdul Halim al-Hadi ialah *Tajdhib Aṭrāf al-Ḥadīḥ bi Sharḥ Mā fī Kitāb Mukhtār al-Āḥādīḥ* dan *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam Bahasa Melayu.<sup>120</sup> Kitab *Tajdhib Aṭrāf al-Ḥadīḥ bi Sharḥ Mā fī Kitāb Mukhtār al-Āḥādīḥ* mempunyai dua jilid dan telah dinamakan sebagai “Penggal 1” dan “Penggal 2”. Berdasarkan naskhah cetakan bertulisan jawi dalam jilid yang pertama, ia telah dimulakan dengan prakata dari gurunya iaitu Abdullah Fahim, diikuti dengan muqaddimah oleh pengarang dalam Bahasa Arab dan terjemahannya dalam Bahasa Melayu, serta kandungannya bermula dengan bab “Harf al-Hamzah” dan diakhiri dengan bab “Harf al-Ghayn”. Begitu juga dalam jilid yang kedua, ia telah dimulakan dengan prakata dari gurunya iaitu Abdullah Fahim, diikuti dengan muqaddimah oleh pengarang dalam Bahasa Arab dan terjemahannya dalam Bahasa Melayu, dan kandungannya yang bermula dengan bab “Harf al-Fa” sehingga bab “Khātimah”. Kitab ini mengandungi ringkasan hadith yang menjadi petunjuk kepada keseluruhan matan hadith dan dikumpulkan bersama-sama

<sup>119</sup> *Ibid.*, 126.

<sup>120</sup> Nur Hidayu Jamalludin dan Faisal Ahmad Shah, “Fiqh al-Ḥadīḥ Abdul Halim al-Hadi dan Sumbangannya dalam Bidang Hadith: Tumpuan kepada Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* Bahasa Melayu,” dalam *Jurnal Usuluddin* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015), Bil. 41: 50-53. Lihat Abd ur-Rahman Mohamed Amin, “Haji Abdul Halim al-Hadi: Tokoh Ulama Hadis Dari Pulau Pinang,” dalam *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pulau Pinang di Alam Melayu*, (Pulau Pinang: CenPRIS, Universiti Sains Malaysia, 19-21 November 2012), 3-4.

dengan sanadnya sekali dengan menyusun hadith-hadith berdasarkan nama perawi tertinggi sama ada di peringkat sahabat Nabi s.a.w. atau tabi,in dengan menyebut sanad yang diambil dari kitab hadith yang menjadi rujukannya.<sup>121</sup>

Kitab *Ilhām al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ini pula mengandungi 10 jilid dan setiap jilid dinamakan dengan “penggal satu” dan seterusnya sehingga “penggal sepuluh”. Di dalam kitab ini beliau telah mensyarahkan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* iaitu dengan menjelaskan makna hadith dengan contoh-contoh yang mudah difahami. Selain itu, beliau mensyarahkan sesuatu hadith dengan terperinci dengan menggunakan kaedah soal jawab dan mengaitkan dengan kehidupan masyarakat melayu. Di samping itu, beliau turut menyelitkan unsur-unsur nasihat dan peringatan dalam syarahan hadith.<sup>122</sup>

### **2.3 PERKEMBANGAN MANHAJ DEOBANDY DI MALAYSIA**

Pengaruh Pengajian Islam dari India tidaklah menjadi sesuatu yang asing dalam sejarah perkembangan Islam di Nusantara. Sejarah membuktikan bahawa tersebarnya Islam di Nusantara adalah juga melalui pedagang dan mubaligh daripada India. Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Muhammad Asri sendiri bahawa kedatangan Islam dari India misalnya dalam pengajian agama kerana terdapatnya penggunaan kata *ad-dhommah* yang bermaksud baris depan, *al-fathah* yang bermaksud baris atas, *al-kasrah* yang bermaksud baris bawah. Kerana ini adalah daripada bahasa Parsi yang mana hanya pengajian di India yang menggunakannya. Ini diperkuahkan lagi dengan pengiktirafan daripada Syaikh Muhammad Rasyid Redha<sup>123</sup> yang menyatakan bahawa khidmat besar ulama“-ulama“ India

---

<sup>121</sup> Abd ur-Rahman, “Haji Abdul Halim al-Hadi,” 5-8.

<sup>122</sup> Nur Hidayu, “Fiqh al-Hadīth Abdul Halim al-Hadi,” Bil. 41: 59-69. Lihat Abd ur-Rahman, “Haji Abdul Halim al-Hadi,” 5-8.

<sup>123</sup> Nama penuh beliau ialah Al-Sayyid Muhammad Rasyid bin al-Sayyid ‘Ali Rida bin Sayyid Muhammad Syams al-Din bin Sayyid Muhammad Baha“ al-Din bin Sayyid Munla ‘Ali Khalifah al-Baghdaudi. Dilahirkan pada 27 Jamad al-Awwal tahun 1282 H bersamaan 23 September 865 M di al-Qalamun yang merupakan

terhadap bidang Hadith pernah mendapat perhatian. Dengan kedatangan mubaligh dan pedagang dari India ini menyebabkan kesan terhadap sesetengah umat Islam di Nusantara yang dipengaruhi dengan adanya adat-adat yang mengikut kepada cara adat masyarakat di India.

## **1. Madrasah-Madrasah di Malaysia yang Menggunakan Sistem Pengajian Deoband dan Lucknow:**

Antara madrasah-madrasah di Malaysia yang menggunakan metode pengajian hadith di Deoband dan Nadwah al-Ulama“ Lucknow ialah madrasah Miftah al-„Ulūm Bandar Baru Seri Petaling, Pusat Pengajian al-Qur'an Kubang Bujuk dan Darul al-„Ulūm li Ihya“ „Ulūm al-Din di Langgar, Kedah. Berikut adalah perincian bagi setiap madrasah dan sumbangannya kepada perkembangan pengajian hadith:

### **a. Madrasah Miftah al-„Ulūm Bandar Baru Seri Petaling**

Madrasah Miftah al-„Ulūm Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1 Jun 1995. Bermula dengan kelas Tahfiz ia kemudiannya berkembang dengan penubuhan kelas Alim pada 1 Januari 1996. Metode pengajian yang diaplikasikan di madrasah ini hampir menyerupai metode pengajian di India dan Pakistan. Ini disokong lagi dengan fakta majoriti tenaga pengajarnya adalah lepasan daripada Pakistan dan India.

#### **i. Tenaga Pengajar Di Madrasah Miftah al-„Ulūm Bandar Baru Seri Petaling**

Berikut adalah senarai nama beberapa tenaga pengajar di madrasah ini dan maklumat mengenai kelulusan mereka secara ringkas.

---

sebuah perkampungan kecil di Syria. Merupakan seorang tokoh yang banyak terpengaruh dengan pemikiran Muhammad „Abduh dan Jamaluddin al-Afghani. Beliau meninggal dunia pada 22 Ogos 1935.

Jadual 1.0: Tenaga Pengajar Di Madrasah Miftah al-„Ulum Bandar Baru Seri Petaling

Bil.	Nama	Kelulusan
1	Ustaz Abdul Hamid bin Chin	Dawrah al- Hadīth – Pakistan
2	Ustaz Mohd Suhaimi bin Sharif	Hafidz & Qiraat Pakistan
3	Ustaz Mohd Yusuf bin Selamat	Hafidz – Pakistan
4	Ustaz Mohd Ali bin Yusuf	Dawrah al- Hadīth – Pakistan
5	Ustaz Mansoor bin Ismail	Dawrah al- Hadīth – Pakistan
6	Ustaz Airy bin „Abd Allah	Dawrah al-Hadīth – Pakistan
7	Ustaz Muhd Razif Abd Wahab	Dawrah al- Hadīth – India
8	Ustaz Ismail bin Mat Deris	Dawrah al- Hadīth – Pakistan
9	Ustaz Abdul Razak bin Mustafa Kamal	Hafidz – Kubang Bujuk
10	Ustaz Hamzah bin Talib	Dawrah al- Hadīth – Pakistan
11	Ustaz Muhd Faisal bin Mohd Zain	Dawrah al-Hadīth – Pakistan
12	Ustaz Abdul Raof bin Ismail	Dawrah al-Hadīth – Afrika Selatan
13	Ustaz Husnul Hizam bin Hamzah	Dawrah al-Hadīth – Pakistan
14	Ustaz Mohd Azam bin Che Yusoff	Hafidz & Qiraat – Mesir
15	Ustaz Wan Mohd Nazmi bin Wan „Abd Allah	Dawrah al-Hadīth – Pakistan
16	Ustaz Hisyamuddin bin Jaafar	Pondok Dalla – Pattani
17	Ustaz Fauzi bin Abdul Rahman	Syariah al-Azhar Kaherah Mesir
18	Ustaz Azizan bin Ariffin	Dawrah al- Hadīth – Pakistan
19	Ustaz Mohd Suhaimi bin Sharif	Hafidz & Qiraat – Pakistan
20	Ustaz Muhammad Hazim bin Hussin	Mazahir „Ulūm India
21	Ustaz Amir bin Hamzah	Madrasah Arabiah Rajwind Pakistan
22	Ustaz Silmi bin Abdul Rahman	Dawrah al-Hadīth – Lepasan Madrasah Miftah al-„Ulūm Sri Petaling, Kuala Lumpur, Malaysia

Sumber: Mustafa Abdullah et. al., Khazanah Al-Quran dan Al-Hadith Nusantara, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Senarai di dalam jadual di atas ialah nama-nama bagi tenaga pengajar di Madrasah Miftah al-„Ulūm yang mana 16 orang daripada mereka adalah pelajar lepasan sistem pengajian Islam di India dan Pakistan.

## ii. Metode Pengajian Hadith Di Madrasah Miftah al-„Ulūm Bandar Baru Seri Petaling

Selepas mengikuti pengajian Tahfiz di Madrasah ini, pelajar-pelajar seterusnya akan mengikuti pengajian alim. Pelajar-pelajar seterusnya akan diajar dengan mendalam tentang ilmu-ilmu di dalam pengajian Islam dan keutamaannya ialah dapat membaca kitab-kitab hadith dengan baik.

Jadual 1.1: Metode Pengajian Hadith Di Madrasah Miftah al-„Ulūm Bandar Baru Seri Petaling

Tahun	Kitab
1	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Tafsir Pimpinan ar-Rahman</i></li><li>• Ilmu Tatabahasa Arab</li></ul>
2	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Zād al-Tālibīn</i></li><li>• <i>Matan al-Arba'īn</i></li></ul>
3	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Riyāḍ al-Ṣāliḥīn</i></li></ul>
4	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Bulūgh al-Marām</i></li></ul>
5	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Al-Adāb al-Mufrād</i></li><li>• <i>Nukhbah al-Fīkr</i></li><li>• <i>Al-Bayqūniyyah</i></li></ul>
6	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Misykāh al-Maṣābīḥ</i></li><li>• <i>Tadrīb al-Rāwī</i></li></ul>
7	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i></li><li>• <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i></li><li>• <i>Sunan Abū Dawūd</i></li><li>• <i>Sunan al-Tirmidhī</i></li><li>• <i>Syamā'īl al-Tirmidhī</i></li></ul>
8	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i></li><li>• <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i></li><li>• <i>Sunan Abū Dawūd</i></li><li>• <i>Sunan al-Tirmidhī</i></li><li>• <i>Syamā'īl al-Tirmidhī</i></li><li>• <i>Sunan al-Nasā'i</i></li><li>• <i>Sunan Ibn al-Mājah</i></li><li>• <i>Muwaṭṭā' Imām Mālik</i></li></ul>

Sumber: Mohd Army bin Yusop, Pengajian Hadith Di Madrasah Miftahul „Ulūm, Sri Petaling, Kuala Lumpur.

Di madrasah ini dari segi sistem pengajian yang dilaksanakan dalam kelas Alim adalah berlangsung selama lapan tahun. Pada pembelajaran di tahun pertama bagi pelajar-pelajar ialah di madrasah ini, mereka didedahkan dengan subjek-subjek seperti pengajian al-Qur'an iaitu mendalami *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*, Fekah, Sirah, Khat, ilmu tatabahasa Arab seperti nahu dan saraf, dan juga ilmu tajwid untuk memperkuatkan kemahiran dan penguasaan mereka di dalam pelajaran agama Islam. Kemudian pada tahun yang kedua, pelajar-pelajar mula diajar dengan ilmu yang berkaitan dengan bidang hadith iaitu menggunakan kitab *Zād al-Tālibīn* atau *Matan al-Arba'īn*. Seterusnya pada tahun ketiga pula, pelajar-pelajar mula mempelajari kitab *Riyād al-Šālihīn*. Selepas masuk tahun keempat, pelajar-pelajar mula didedahkan dengan kitab *Bulūgh al-Marām*.

Pada tahun yang kelima, pelajar-pelajar akan mempelajari matapelajaran hadith iaitu menggunakan kitab *al-Adāb al-Mufrād* dan *Mustalah al-Hadīth* iaitu menggunakan kitab *Nukhbah al-Fikr* atau *al-Bayqūniyyah*. Di tahun yang keenam, pelajar-pelajar mula diajar dengan kitab hadith iaitu kitab *Misykāh al-Maṣābiḥ* dan *Usūl al-Hadīth* iaitu kitab *Tadrīb al-Rāwī*. Dan pada tahun akhir iaitu tahun ketujuh dan juga tahun 1 bagi *Dawrah al-Hadīth*, mereka mula mempelajari *Kutub al-Sittah* yang mana ianya terdiri daripada kitab *Saḥīḥ al-Bukhārī*, *Saḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dawūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, dan *Syamā'īl al-Tirmidhī*. Pada tahun yang kelapan, pengajian hadith adalah kesinambungan daripada kitab yang dipelajari pada tahun yang ketujuh dan juga terdapatnya kitab-kitab tambahan iaitu kitab *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan Ibn al-Mājah*, *Muwaṭṭa' Imām Mālik*. Kitab-kitab yang dipelajari di madrasah ini sama dengan kitab-kitab yang dipelajari di madrasah-madrasah di

India. Tetapi kitab-kitab seperti kitab fiqh mazhab al-Syafie digunakan untuk mengantikan dengan kitab fiqh Hanafi iaitu antara kitabnya ialah *Syarh Ma ‘ani al-Athari*.<sup>124</sup>

Perlajar-pelajar perlu melalui peringkat ataupun tahun pertama sebelum mereka ke peringkat *Dawrah al-Hadīth* di Madrasah Miftah al-„Ulūm ini. Sebelum memasuki *Dawrah al-Hadīth* iaitu bagi pelajar yang sudah menghafaz al-Quran, mereka perlu melancarkan bacaan mereka dan menyempurnakan hafalan mereka iaitu dengan menghabiskan empat atau lima juzu“ sehari iaitu daripada surah al-Fātiḥah sehingga surah al-Niṣā’, keduanya daripada surah al-Mā’idah sehingga surah al-Taubah, ketiga pula daripada surah Yūnūs sehingga surah an-Nahl, seterunya yang keempat ialah surah al-Fūqrān, kelima ialah daripada surah al-Šyū‘ārā’ sehingga akhir surah al-Hujurat dan yang terakhir iaitu yang keenam ialah daripada surah Qaf sehingga akhir surah dalam al-Qur'an.<sup>125</sup>

Pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di sini akan didedahkan dengan pembacaan keseluruhan Kitab *Sahīh al-Bukhārī* dengan bacaan yang cepat dan syarahan yang ringkas. Manakala pembacaan bagi *Sahīh Muslim*, *Sunan Abū Dawūd*, *Sunan al-Tirmidhī* dan *Sunan al-Nasā’ī* adalah dengan mengikut kepada kitab-kitab dan bab-bab tertentu yang dibahagi-bahagikan antara kelima-lima dalam kitab *Kutub al-Sittah*. Ini supaya pelajar-pelajar secara tidak langsung akan dapat membiasakan diri mereka mengikut tajuk kitab-kitab yang lain dalam *al-Kutub al-Sittah*. Contohnya jika mereka mempelajari kitab *al-Šalāh*, *al-Zakāt*, dan *al-Šiyām* dalam *Sahīh Muslim* manakala dalam *Sunan Abū Dawūd* akan didedahkan dengan kitab-kitab yang lain.<sup>126</sup>

<sup>124</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 400. Lihat Mohd Army bin Yusop, *Pengajian Hadith Di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 48-79.

<sup>125</sup> Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 47-48.

<sup>126</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 400-401. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 96.

Pengajian terhadap kitab-kitab hadith akan dimulakan oleh guru membaca sanad dan matan sesuatu hadith tersebut. Kemudian mualim atau ustaz tersebut akan mensyarahkan sesuatu kalimah-kalimah yang sukar difahami dan berikutnya membincangkan secara ringkas tentang isu yang terdapat dalam hadith yang berlakunya perselisihan mazhab dalam kalangan ulama<sup>127</sup>. Pelajar-pelajar kemudiannya akan didedahkan dengan pembacaan dan pembelajaran kitab-kitab *al-Kutub al-Sittah* yang lain seperti kitab *Muwatṭā' Imām Mālik*, *Syamā'īl al-Tirmidhī* dan lain-lain iaitu setelah menyelesaikan pengajian dalam kelas alim selama tujuh tahun dan seterusnya dalam *Dawrah al-Hadīh* selama setahun. Pengajian akan dimulakan seawal selepas subuh dan diselangi dengan beberapa waktu rehat sehingga malam. *Dawrah al-Hadīh* yang dilaksanakan bagi peringkat awal ini mampu memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang kandungan hadith di dalam kitab-kitab yang muktabar walaupun mereka tidak didedahkan dengan cabang disiplin ilmu hadith seperti Ilmu 'Ilal, Ilmu Jarh wa Ta'dil dan Ilmu Takhrij.<sup>127</sup>

### **b. Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk**

Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk ini terletak di Kampung Kubang Bujuk Serada, Kuala Terengganu. Madrasah ini merupakan sebuah pusat pengajian tafsir al-Qur'an yang menjadikan ianya sebagai madrasah tafsir swasta yang kedua tertua dengan dikendalikan secara persendirian iaitu selepas Raudatul Tafsir al-Qur'an yang kemudiannya dikenali sebagai Maahad Tafsir Qur'an wa al-Qira'at yang terletak di Pusat Dakwah Islamiah, Jeram, Selangor. Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk ini telah diasaskan oleh Tuan Haji Muda bin Haji Deraman pada 1 Oktober 1982 yang mana ianya juga adalah hasil cetusan

---

<sup>127</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 401. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 96-97.

daripada ijtimak (perhimpunan) tabligh dunia yang diadakan pada bulan November atau Disember pada tahun 1982 di Padang Hiliran.<sup>128</sup>

### i. Tenaga Pengajar Di Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk

Di antara guru-guru yang mengajar di Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk ialah kebanyakannya lepasan Pakistan iaitu<sup>129</sup>:

Jadual 2.0: Tenaga Pengajar Di Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk

Bil.	Tenaga Pengajar	Kelulusan
1	Ustaz Abd Fatah „Abd Allah	Jāmiyah Faruqiah Karachi
2	Ustaz Syarifudin Qasim	Jāmiyah Asyrafiah Lahore
3	Ustaz Azmi Idris	Jāmiyah Faruqiah Karachi
4	Ustaz Zaki Yakub	Jāmiyah al-„Ulūm Islamiah Karachi
5	Ustaz Azimudin	Madrasah Arabiah Rai Wind Lahore
6	Ustaz Fikri Ibrahim	Jāmiyah al-„Ulūm Islamiah Karachi
7	Ustaz Fuad Saidi	Dār al-„Ulūm Faisal Abad
8	Ustaz Asyari Ahmad	Jāmiyah Asyrafiah Lahore

Sumber: Mustafa Abdullah et. al., *Khazanah Al-Quran dan Al-Hadith Nusantara*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

### ii. Metode Pengajian Hadith Di Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk

Madrasah ini juga sama seperti sistem pengajian hadith yang diaplikasikan di madrasah-madrasah yang lain, iaitu ia juga mempunyai dua sistem yang mana ianya dikenali kelas hafiz dan kelas alim. Pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian mereka di kelas hafiz boleh menyambung pengajian mereka di kelas alim selama 8 tahun dengan setahun iaitu di tahun kelapan diperuntukkan untuk mengikuti *Dawrah al-Hadīth*.<sup>130</sup>

Jadual 2.1: Metode Pengajian Hadith Di Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk

Tahun	Kitab
1	• <i>Zād al-Tālibīn</i> 20 hadith

<sup>128</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 403. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 26-27.

<sup>129</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 404. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 27.

<sup>130</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 403. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 27. "Silibus", Laman sesawang *MQKB – Syukbah Ilmu Wahyu*, Disemak Oktober 2010, Dicapai 7 Jun 2015, <http://mqkb.webs.com/silabus.htm>.

2	• <i>Matan al-Arba'īn</i>
3	
4	• <i>Riyāḍ al-Ṣalihīn</i>
5	• <i>Bulūgh al-Marām</i> • <i>Minhah al-Mughit</i>
6	• <i>Misykāh al-Maṣābiḥ</i> (1) • <i>Tukhbah al-Fikr</i>
7	• <i>Misykāh al-Maṣābiḥ</i> (2) • <i>Sunan al-Tirmidhī</i> (1) • <i>Tadrib al-Rawī</i>
8	• <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> (1 & 2) • <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i> (1 & 2) • <i>Sunan al-Tirmidhī</i> (2) • <i>Sunan Abū Dawūd</i> (1 & 2) • <i>Sunan al-Nasa'i</i> • <i>Sunan Ibn al-Majah</i> • <i>Syamā'īl al-Tirmidhī</i>

Sumber: "Silibus", Laman sesawang MQKB – Syukbah Ilmu Wahyu, Disemak Oktober 2010, Dicapai 7 Jun 2015, <http://mqkb.webs.com/silabus.htm>.

Dalam jadual ini menunjukkan tentang silibus kitab-kitab hadith yang dipelajari di Madrasah al-Qur'an Kubang Bujuk. Pada tahun yang pertama mereka mempelajari kitab *Zād al-Tālibīn* iaitu sebanyak 20 hadith selain-selain daripada kitab-kitab lain seperti akidah, fekah, nahu, saraf dan lain-lain. Mereka juga kitab-kitab lain selain di dalam jadual ini pada setiap tahun, tetapi di sini penulis hanya menekankan tentang kitab hadith yang dipelajari oleh madrasah ini sahaja. Di tahun kedua, pelajar akan menggunakan kitab *Matan al-Arba'īn*. Di tahun ketiga pula, mereka tidak menggunakan kitab hadith tetapi kitab-kitab ilmu lain tetap dipelajari seperti biasa. Pada tahun keempat, pelajar-pelajar akan menggunakan kitab *Riyāḍ al-Ṣalihīn*. Masuk tahun kelima, pelajar-pelajar akan diajar dengan menggunakan kitab *Bulūgh al-Marām* dan dalam bidang muṣṭalah al-ḥadīth menggunakan kitab *Minhah al-Mughit*. Di tahun keenam, pelajar-pelajar akan mempelajari hadith menggunakan kitab *Misykāh al-Maṣābiḥ* jilid 1 dan dalam mustalah hadith pula menggunakan kitab *Tukhbah al-Fikr*.

Selepas itu, di tahun yang ketujuh, pelajar-pelajar akan mempelajari dua kitab hadith iaitu kitab *Misykāh al-Maṣābiḥ* jilid yang kedua dan kitab *Sunan al-Tirmidhī* jilid 1 manakala dalam bidang mustalah hadith pula menggunakan kitab *Tadrib al-Rawi*. Dan pada tahun akhir iaitu tahun kelapan, pelajar-pelajar akan mengikuti *Dawrah al-Hadīh* sepenuhnya dengan menggunakan kitab-kitab hadith iaitu kitab *Sahīh al-Bukhārī* jilid satu dan dua, *Sahīh Muslim* jilid satu dan dua, *Sunan al-Tirmidhī* menggunakan jilid 2, *Sunan Abū Dawūd* jilid satu dan dua, *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan Ibn al-Mājah* dan *Syamā'īl al-Tirmidhī*.

### c. Dar al-„Ulūm li Ihya“ Ulūm al-Din

Dar al-„Ulūm li Ihya“ „Ulūm al-Din ini bertempat di Langgar Kedah dan mula ditubuhkan pada tahun 1993. Madrasah ini telah diasaskan oleh Ustaz Muhammad bin Abdul Qadir al-Qadahi al-Nadawi yang merupakan pelajar berkelulusan daripada Dar al-„Ulūm Nadwah al-„Ulama“ Lucknow India. Pengajian di Dar al-„Ulūm banyak menumpukan kepada penguasaan bahasa Arab iaitu dengan penulisan, penyampaian dan bacaan.<sup>131</sup>

#### i. Metode Pengajian Hadith Di Dar al-„Ulūm li Ihya“ Ulūm al-Din

Pada tiga tahun yang pertama, pelajar-pelajar akan diperkenalkan dengan lima buah kitab iaitu dua kitab nahu, satu kitab fiqh, satu kitab tawhid dan satu lagi kitab saraf. Selepas itu, mereka kemudiannya diberi tempoh selama 4 tahun untuk menghafal 1000 hadith dan hadith tersebut boleh dipilih daripada mana-mana hadith yang mereka kehendaki. Selama 4 tahun itu, para pengajar akan mentasmi<sup>132</sup> hafazan hadith para pelajar. Antara kitab-kitab hadith yang perlu dipelajari di Dār al-„Ulūm adalah seperti jadual berikut<sup>132</sup>:

<sup>131</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 404. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 28.

<sup>132</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 404-405. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 28-29.

Jadual 3.0: Metode Pengajian Hadith Di Dar al-„Ulum li Ihya“ Ulum al-Din

Tahun	Kitab
1	• <i>Matan al-Arba‘īn</i>
2	• <i>Jawāhīr al-Bukhārī</i>
3	• <i>Riyāḍ al-Ṣalihīn (Abwāb al-Adāb)</i>
4	• <i>Riyāḍ al-Ṣalihīn (Abwāb al-Adāb)</i>
5	• <i>Bulūgh al-Marām</i>
6	• <i>Bulūgh al-Marām</i>
7	• <i>Misykāh al-Maṣābiḥ</i>
8	• <i>Dawrah al-Hadīth</i>

Sumber: Mustafa Abdullah et. al., *Khazanah Al-Quran dan Al-Hadith Nusantara*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kitab-kitab yang dipelajari di madrasah ini tidak jauh bezanya dengan madrasah-madrasah yang lain yang mengikut sistem pengajian daripada India. Kebanyakan silibus yang diajar adalah mirip dengan kitab yang diajar di Nadwah al-„Ulama Lucknow.<sup>133</sup> Pada tahun satu, kitab hadith yang dipelajari oleh pelajar-pelajar ialah kitab *Matan al-Arba‘īn*. Di tahun yang kedua pula, pelajar-pelajar diperkenalkan dengan kitab *Jawāhīr al-Bukhārī*. Selepas itu, di tahun yang ketiga, pelajar-pelajar mula mempelajari kitab *Riyāḍ al-Ṣalihīn (Abwāb al-Adāb)*. Di tahun yang keempat, pelajar-pelajar diajar dari kesinambungan kitab di tahun ketiga. Tahun kelima, pelajar-pelajar didedahkan dengan kitab *Bulūgh al-Marām*. Dan di tahun yang keenam adalah kesinambungan daripada kitab yang dipelajari di tahun kelima. Seterusnya di tahun ketujuh, pelajar-pelajar diperkenalkan dengan kitab *Misykāh al-Maṣābiḥ*. Di tahun akhir iaitu tahun kelapan, pelajar-pelajar akan mempelajar kitab-kitab yang besar dalam hadith iaitu dipanggil sebagai *Dawrah al-Hadīth*.

#### d. Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI)

Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI) bertempat di Kedah adalah diasaskan oleh al-Marhum Ustaz Hj Suhaimi Ahmad iaitu pada 10 Oktober 1993. yang mana beliau merupakan pelajar

<sup>133</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 405. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 29.

lepasan Dar al-„Ulūm Deoband. Pusat pengajian hadith di sini menjalankan pengajian hadith secara percuma dan bayaran kepada pengajar hanyalah melalui kutipan derma yang daripada orang ramai. Objektif penubuhan pusat ini ialah untuk menyatupadukan masyarakat melalui pengajian hadith dan memberi bantuan kepada masyarakat setempat dengan melalui aktiviti kebajikan disamping menyediakan kemudahan-kemudahan unruk menjalankan aktiviti sosial. Kuliah-kuliah yang dijalankan di Alor Setar Kedah ini dilakukan dibeberapa tempat iaitu di Pusat Tuisyen Specialist, Dewan Bangunan Serbaneka dan Menara Zakat. Bilangan penuntut juga adalah mencecah 500 hingga 600 orang. Waktu mengajar dijalankan secara mingguan iaitu di hari Jumaat bermula pada jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.<sup>134</sup>

#### i. Tenaga Pengajar Di Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI)

Antara tenaga-tenaga pengajar di PAKSI yang mengajar pengajian hadith yang mendapat pendidikan di Dar al-„Ulūm Nadwah al-„Ulama Lucknow India adalah seperti berikut<sup>135</sup>:

Jadual 4.0: Tenaga Pengajar Di Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI)

Bil.	Tenaga Pengajar	Kelulusan
1	Datuk Sheikh Badaruddin Hj Ahmad	Dar al-„Ulūm Nadwah al-„Ulama Lucknow India dan Universiti al-Azhar
2	Ustaz Ahmad Fahmi Zam Zam	Dar al-„Ulūm Nadwah al-„Ulama Lucknow India

Sumber: Mustafa Abdullah et. al., *Khazanah Al-Quran dan Al-Hadith Nusantara*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>134</sup> “Sejarah PAKSI”, laman sesawang *Blogspot*, dikemaskini 2 Oktober 2008, dicapai 23 Mei 2015. [http://e-pksi.blogspot.com/](http://e-paksi.blogspot.com/). Lihat Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 405-406. Lihat juga Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 30.

<sup>135</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 406. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 31.

## ii. Metode Pengajian Hadith Di Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI)

Jadual di bawah merupakan tenaga pengajar yang mengajar di Pusat Khidmat Sosial Islam dengan kitab yang diajar oleh mereka, iaitu seperti berikut<sup>136</sup>:

Jadual 4.1: Metode Pengajian Hadith Di Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI)

Bil.	Tenaga Pengajar	Kitab
1	Datuk Sheikh Badaruddin Hj Ahmad	<i>Sahīḥ al-Bukhārī</i>
2	Ustaz Ahmad Fahmi Zam Zam	<i>Sahīḥ Muslim</i>
3	Dr Abdul Aziz Hanafi	<i>Sirah</i>
4	Ustaz Ahmad „Abd Allah	<i>Sahīḥ al-Bukhārī (Mukhtasar Abi Jamrah)</i>
5	Ustaz Zainal Asri Hj Ramli	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>
6	Ustaz Rosli	<i>Shamā'īl al-Tirmidhī</i> dan <i>Manzumah al-Bayqūniyyah</i>

Sumber: Mustafa Abdullah et. al., *Khazanah Al-Quran dan Al-Hadith Nusantara, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.*

Berdasarkan kepada kitab-kitab yang dipelajari seperti di jadual di atas menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Kedah telah pun didedahkan dengan kitab-kitab yang utama di dalam pengajian hadith iaitu kitab *Sahīḥ al-Bukhārī*, *Sahīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Shamā'īl al-Tirmidhī* dan *Manzumah al-Bayqūniyyah*. Malahan kitab *Sahīḥ Muslim* yang diajar oleh Ustaz Ahmad Fahmi Zam Zam yang telah berjaya diselesaikan selama 13 tahun iaitu dari tahun 1993 sehingga tahun 2006.<sup>137</sup>

PAKSI telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Dar al-Hadīth yang bertempat di Kampung Tok Keling Alor Setar, Kedah. Bagi penubuhan Dar al-Hadīth ini, tanah sebanyak 6 relung telah diwaqafkan oleh Hj Mohd Shafie iaitu bekas Pengarah Pendidikan Islam dan Moral. Penubuhan madrasah ini telah dirasmikan oleh Sheikh Husam al-Din iaitu pada bulan Julai 2006 dan medapat kelulusan Majlis Agama Islam Kedah. Ketua panel

<sup>136</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 406. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 31.

<sup>137</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 406. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 31.

penasihat bagi madrasah ini ialah Datuk Sheikh Badaruddin Hj Ahmad, pengarahnya pula ialah Brigadier General Bersara Datuk Najmi Ahmad dan timbalan pengarahnya ialah Ustaz Khairul Anuar Hj Ahmad. Di masa ini PAKSI mempunyai tujuh cawangan iaitu di Sungai Petani, Kulim, Kota Bharu, Bayan Lepas, Ipoh, Parit Buntar dan Changlun.<sup>138</sup>

## 2. Penulisan Kitab-Kitab Hadith Metode Deobandy Di Nusantara

Ada pendapat yang mengatakan bahawa penulisan ilmu-ilmu keislaman yang dilakukan oleh ulama"-ulama" Nusantara zaman silam hanya berkisar pada ilmu-ilmu tasawuf, fekah dan tauhid sahaja dan ada juga terpendapatnya pandangan bahawa ulama"-ulama" silam di nusantara tidak kenal ilmu hadith. Pendapat demikian adalah satu kekeliruan besar kerana kalau dikaji dengan teliti terdapatnya pelbagai penulisan ilmu-ilmu pengetahuan keislaman yang dilakukan oleh ulama" Asia Tenggara termasuklah ilmu-ilmu hadith. Perkembangan penulisan ini juga dilihat ada yang berhasil daripada pengajian tokoh-tokoh yang mengikuti sistem pengajian hadith di India.<sup>139</sup>

Terdapat dua buah penulisan hadith peringkat awal ditemui iaitu pada abad ke-17, sebuah karya Sheikh Nuruddin ar-Rānīrī dan sebuah lagi karya Sheikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansūrī. Tetapi yang dilihat hasil daripada ulama" India ialah karya Sheikh Nuruddin ar-Rānīrī. Kitab hadith karya karya Sheikh Nuruddin al-Rānīrī ialah *Jam' al-Fawāid al-Bahiyyah fī Aḥādīth al-Nabawiyah* atau dinamakan juga dengan *Hidayah al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib*.<sup>140</sup>

<sup>138</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 406. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 32.

<sup>139</sup> Mazlan bin Sidek, *Hadis Dalam Kitab*, 120.

<sup>140</sup> Kitab *Hidayah al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib* (Petunjuk kekasih pada perkara yang menggembira dan menakutkan) yang mengandungi di dalamnya sebanyak 831 buah hadith di dalam 46 bab dan mempunyai simbol (*rumuz*) yang terdapatnya 22 orang periyat hadith. Kitab ini telah dihasilkan di negeri Pahang iaitu pada tahun 1045H bersamaan 1635M dan seterusnya dibawa ke Aceh.

Kitab ini adalah karya Sheikh Nuruddin ar-Rānīrī (m.1311H). Nama sebenar beliau ialah Nuruddin Muhammad bin Ali bin Hasanji bin Muhammad Ḥamīd al-Qūrāyṣyī al-Shāfi‘ī al-,Ash‘ārī al-,Aydarusī al-Rānīrī. Beliau lahir di India tetapi asal keturunan beliau ialah daripada Arab iaitu keturunan Arab Hadramaut. Pengaruh ini kedatangan Islam daripada India mula dikesan melalui pengaruh seorang tokoh yang berasal dari Rander iaitu Sheikh Nuruddin al-Rānīrī (m.1658M). Beliau berasal dari Rander iaitu Ranir adalah kawasan yang terletak di Teluk Kambai Gujerat India. Beliau dikatakan juga lahir pada abad ke-16. Di antara sumbangan besar beliau dalam pengajian hadith ialah melalui karya beliau iaitu dikenali sebagai *Hidayah al-Habib fi al-Targhib wa al-Tarhib* dan pernah dicetak bersama dengan kitab *Jam’ al-Fawāid wa Jawāhir al-Qāla‘id* yang dikarang oleh Sheikh Daud al-Fatānī yang dikenali dengan nama kitab *Jam’ al-Fawāid al-Bahiyyah fi Ahādīth al-Nabawiyah*.<sup>141</sup>

Kitab beliau ini dianggap sebagai kitab yang terawal yang tersebar di Nusantara dalam bidang pengajian hadith walaupun ia tidak tersebar secara meluas tetapi ia sebenarnya mengukuhkan lagi pengaruh ulama“ India terhadap pengajian hadith di Nusantara. Kitab hadith ini diselesaikan pada hari Jumaat, Syawal tahun 1045 Hijrah bersamaan 1635 Masihi. Di dalamnya terkumpul sebanyak 823 hadith terdiri daripada 53 bab. Semua teks hadith dalam karya Sheikh Nuruddin al-Rānīrī ditulis dalam bahasa Arab dan kemudian diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Manuskripnya terdapat sebuah dalam simpanan Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia (PMM-PNM).<sup>142</sup>

<sup>141</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 396-397. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 91. Lihat juga Mohd. Muhiben bin Abd Rahman, *Sheikh Nuruddin al-Raniri Dan Sumbangannya Kepada Pengajian al-Hadīth: Kajian Terhadap Kitab al-Fawāid al-Bahiyyah fi Ahādīth al-Nabawiyah* (Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Ḥadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003), 127. Dan lihat Mazlan Sidek, *Hadis Dalam Kitab*, 120.

<sup>142</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 396-397. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 91. Lihat juga Mohd. Muhiben, *Sheikh Nuruddin*, 152-153. Dan lihat Mazlan Sidek, *Hadis Dalam Kitab*, 120-121.

Selain itu, terdapat juga risalah yang digunakan dalam ilmu mustalah hadith iaitu *Risalah Kecil Mengenai Mustalah Hadith* pada zaman sebelum ini. Risalah ini dikatakan telah diterbitkan tetapi masih tidak ditemui. Risalah ini telah disusun oleh Hj. Yaakub bin Hj. Ahmad atau Hj. Yaakub Gajah Mati iaitu anak murid kepada Tok Khurasan.<sup>143</sup>

Selain itu, ramai tokoh-tokoh hadith yang lahir daripada mengikuti pengajian di India yang juga telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke pengajian peringkat ijazah sarjana tinggi di dalam pengkhususan hadith. Tokoh-tokoh ini juga turut memberi sumbangan yang penting di dalam bidang hadith. Di antaranya ialah Dr. Muhammad Muṣṭafā al-,Āzamī, Dr. Muhammad Ḥamīdullah, Dr. Taqiy al-Dīn al-Nadwī, Dr. Abū al-Layth al-Khayrabādī, Dr. Ḥamzah al-Malībārī dan lain-lain.<sup>144</sup> Tokoh-tokoh ini banyak mempengaruhi universiti-universiti lain di seluruh dunia dengan penulisan dan hasil karya mereka.

Di antara hasil-hasil karya tersebut ialah hasil karya oleh Dr. Muhammad Muṣṭafā al-,Āzamī yang menghasilkan karya yang bertajuk *Studies In Early Hadith Literature* dan *On Schacht's Origins of Muhammadan Jurisprudence*. Buku beliau ini ditulis adalah untuk menolak segala tohmahan dan kecaman yang ditimbulkan oleh orientalis Barat terhadap inistitusi hadith. Di dalam bukunya ini beliau telah menjawab segala kritikan-kritikan orientalis Barat tersebut dengan kukuh dan konkret sehingga tidak dapat dipatahkan lagi.<sup>145</sup>

Selain daripada itu, terdapat seorang yang juga banyak menyumbang dalam bidang hadith. Beliau ialah pensyarah di Jabatan al-Qur'an dan al-Ḥadīth di Kolej Universiti Islam

<sup>143</sup> Fauzi bin Deraman dan Mohd Asmawi bin Muhammad, "Karya-Karya „Ulūm al-Ḥadīth Di Nusantara: Satu Sorotan," *Al-Bayan: Journal al-Quran & al-Hadīth* 8 (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Ḥadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 129.

<sup>144</sup> Haziyah binti hussin, *Pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Aziz Nik Mat Dalam Tafsir al-Quran: Tumpuan Terhadap Surah Hud* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998), 392-393.

<sup>145</sup> Haziyah hussin, *Pemikiran Tuan Guru*, 393.

Selangor. Buku-buku yang dihasilkan juga banyak menjadi sumber rujukan para pelajar hadith terutamanya di Universiti-universiti dan pondok-pondok pengajian iaitu Syed Abdul Majid al-Ghouri. Beliau adalah juga pelajar lepasan daripada Nadwah al-„Ulama“. Di antara buku-buku yang dihasilkan beliau dalam bidang „Ulūm al-Hadīth ialah:

- a. *Mu'jam al-Mustalah al-Hadith*
- b. *Al-Manhaj al-Mufid li Thalib 'ilm al-Hadith*
- c. *Al-Maisir fi 'Ilm al-Rijal*
- d. *Mubahith Tamhidiah fi 'Ilm al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*

Dari Dari segi penulisan kitab-kitab yang dihasilkan juga banyak yang diperkenalkan oleh madrasah-madrasah yang mengikuti sistem pengajian hadith Deobandy dan Jamā'ah Tabligh. Contohnya ada beberapa kitab ini yang telah diperkenalkan oleh guru-guru madrasah contohnya di Madrasah Miftah al-„Ulūm Sri Petaling yang juga mengikut kepada sistem Deobandy dan juga turut membawa aliran Jamaah Tabligh.<sup>146</sup> Sebenarnya Penulisan dan kitab-kitab hadith yang digunakan di Malaysia adalah yang mengikut sistem pengajian ini namun yang lebih menonjol menggunakan buku-buku ulama ini ialah Jamaah Tabligh. Menurut Muhammad Asri, sistem Deobandy telah diperkenalkan lama dahulu kerana terdapat ramai pelajar-pelajar Malaysia yang mempelajari hadith di sana. Kemudian sistem ini baru diperkembangkan dan diperkemaskan oleh Jamaah Tabligh kerana mereka mempelajari hadith di sana adalah untuk mempekembangkan Jamaah Tabligh berbeza dengan individu-individu lain yang mempelajari hadith adalah untuk sijil dan bekerja dengan kerajaan sahaja. Jadi individu-individu ini kemudiannya

---

<sup>146</sup> Muhammad Razif bin „Abd Wahab (pengajar di Madrasah al-Miftah al-„Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur), dalam temubual dengan pengkaji di Madrasah al-Miftah al-„Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur, 19 Julai 2014.

menyambungkan pengajian mereka di al-Azhar untuk mendapatkan sijil yang lebih diiktiraf.

Ada yang mempelajari hadith hanya beberapa tahun sahaja, kadang-kadang hanya satu atau dua tahun sahaja untuk mempelajari hadith mengikut kepada sistem ini. Sebenarnya masa yang begitu singkat ini tidak cukup untuk mempelajari *Dawrah al-Hadīth* di sana secara lebih mendalam. Ini kerana untuk mempelajari hadith mengikut sistem memerlukan masa yang lama dan mestilah mendalami ilmu-ilmu alat dengan betul dan kemudian disambung dengan *Dawrah al-Hadīth*. Di samping itu, sistem ini juga sangat menekankan tentang pengajian di dalam bahasa Urdu maka pelajar-pelajar yang mengikut sistem ini bukan sahaja mesti mendalami bahasa Arab malah juga mesti mendalami bahasa Urdu.<sup>147</sup> Walaupun sebenarnya terdapat ramai orang yang belajar hadith mengikut sistem Deoband di India. Ini menyebabkan banyak kitab-kitab yang terhasil daripada ulama“-ulama“ India yang mengikut kepada sistem pengajian ini ialah:

a. *Fadail Amal*.

Kitab ini ditulis oleh Muhammad Zakariyyā bin Muhammad Yahya bin Muhammad Ismail al-Kandahlawi. Beliau lahir pada 3 Februari 1898 Masihi dan meninggal pada 24 Mei 1982 Masihi iaitu ketika beliau berumur 84 tahun. Maulana Muhammad Zakariyyā Kandahlawi merupakan ulama“ dari India yang juga belajar di Dar al-„Ulūm Deoband India. Di dalam kitab ini mengandungi 7 bahagian pokok perbincangan iaitu tentang kisah-kisah para

---

<sup>147</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

sahabat, fadhlilat al-Qur'an, fadhlilat solat, fadhlilat zikir, fadhlilat tabligh, kemunduran ummat dan penyelesaiannya dan fadhlilat Ramadhan.<sup>148</sup>

**b. *Muntakab Ahadith.***

Kitab ini ditulis oleh Muhammad Yūṣūf āl-Kāndāḥlāwī. Beliau merupakan anak kepada pengasas Jamaah Tabligh iaitu Maulana Muhammad Ilyas. Maulana Muhammad Yusuf al-Kāndāḥlāwī adalah juga merupakan sepupu kepada Maulana Muhammad Zakariyyā Kandāḥlāwī. Selepas bapanya, Muhammad Yusuf al-Kāndāḥlāwī menjadi amir kedua kepada Jamaah Tabligh. Beliau lahir di India pada 20 March 1917 Masihi dan meninggal pada tahun 1965 Masihi di Lahore pada umurnya 48 tahun. Beliau juga mengikuti sistem pengajian hadith di India iaitu di Mazahir al-„Ulūm. Kitab ini mengandungi 6 bahagian iaitu yakin kalimah toyyibah (tauhid), solat, ilmu dan zikir, ikram muslimin (tata pergaulan), ikhlas niat (membetulkan niat dalam amal) dan yang keenam ialah dakwah dan tabligh.<sup>149</sup>

**c. *Hayatus Sahabah.***

Kitab ini juga dikarang oleh Maulana Muhammad Yūṣūf āl-Kāndāḥlāwī. Kitab ini mengandungi tentang kehidupan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan tentang usul-usul bagi setiap sahabat Nabi s.a.w. dan peranan mereka masing-masing. Kitab ini mengandungi 6 jilid kitab.<sup>150</sup>

**d. *Al-Barkat al-Makiyyah fi al-Sholawat al-Nabawiyyah.***

---

<sup>148</sup> "Muhammad Zakaria al-Kandhlawi", Wikipedia, disemak 6 April 2013, dicapai 30 Mei 2015, [http://id.wikipedia.org/wiki/Muhammad\\_Zakariya\\_al-Kandhlawi](http://id.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Zakariya_al-Kandhlawi).

<sup>149</sup> "Muhammad Yusuf Kandhlawi", laman sesawang Wikipedia, disemak 5 Oktober 2014, dicapai 30 Mei 2015, [http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad\\_Yusuf\\_Kandhlawi](http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Yusuf_Kandhlawi).

<sup>150</sup> "Hayatus Sahabah – Kehidupan Para Sahabat", laman sesawang Wikipedia, disemak 5 Oktober 2014, dicapai 30 Mei 2015, [http://en.wikipedia.org/wiki/Hayatus\\_Sahabah\\_-\\_Kehidupan\\_Para\\_Sahabat](http://en.wikipedia.org/wiki/Hayatus_Sahabah_-_Kehidupan_Para_Sahabat).

Kitab ini telah dikarang oleh Sheikh Musa Ruhani Bazi. Beliau meninggal pada 1998 Masihi. Beliau adalah lepasan Madrasah Qasim al-„Ulūm Multan di Pakistan. Sheikh Musa Ruhani Bazi adalah pengajar dalam bidang hadith dan tafsir di Jamiyah Ashrafiyah Lahore Pakistan.<sup>151</sup> Kitab ini mengandungi 805 nama-nama junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Terdapat juga kitab-kitab hadith lain yang ditulis oleh ulama“ hadith India ini diperkenalkan oleh guru-guru di madrasah-madrasah di Malaysia yang mengikuti pengajian hadith di India yang juga Jamaah Tabligh.

Dari segi penulisan kitab-kitab yang menggunakan sistem pengajian ini dilihat agak kurang menonjol dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang mengikuti sistem pengajian di Mekah. Walaupun begitu, pelajar-pelajar yang mengikuti sistem pengajian ini turut menghasilkan kitab-kitab yang banyak digunakan oleh masyarakat Islam. Kitab-kitab karangan mereka juga turut mempengaruhi kehidupan agama dalam masyarakat Islam.

### **3. Tokoh-Tokoh Ulama“-Ulama“ Lepasan India**

Kebanyakan tokoh-tokoh Tanah Melayu yang mengikuti pengajian Islam mengikut sistem di India banyak mempengaruhi masyarakat kerana peranan mereka sangat besar dalam menyampaikan ilmu agama terutamanya dalam bidang tafsir dan hadith kepada masyarakat Islam di Tanah Melayu. Di antara tokoh-tokoh tersebut ialah:

#### **a. Tok Khurasan.**

Nama sebenar beliau ialah Abu ,Abd Allah Sayyid Hasan bin Nur Hasan. Beliau telah dilahirkan di Bhafar, Pakistan kira-kira pada tahun 1875 Masihi bersamaan 1292 Hijrah.

---

<sup>151</sup> Abu Unaysah, “The Writings Of „Allamah Muhammad Musa Ruhani al-Bazi (May Allah Shower His Mercy Upon Him)”, laman sesawang wordpress, disemak 4 Oktober 2009, dicapai 10 Jun 2015, <https://zakariyya.wordpress.com/2008/10/17/%E2%80%98allamah-muhammad-musa-ruhani-al-bazi-may-allah-shower-his-mercy-upon-him/>.

Tok Khurasan juga adalah antara tokoh yang dikaitkan dengan pengaruh India dalam pengajian Hadith di Tanah Melayu. Beliau juga dianggap sebagai tokoh terawal dari Dar al-„Ulūm Deoband India yang telah menggerakkan dan menghidupkan pengajian hadith di Tanah Melayu terutamanya di Kelantan. Dia dikatakan pada mulanya pernah pergi ke India semasa beliau tinggal di Pakistan, tetapi diajak oleh bapanya untuk pulang. Selepas itu, beliau mula kembali ke India untuk menuntut ilmu. Pada mulanya beliau pergi ke Lucknow, kemudiannya ke Meerut, dan seterusnya ke Shaharanpor, kemudian ke Kanpor dan akhir sekali belajar dan menamatkan pengajian di Madrasah Dar al-„Ulūm, Deoband. Tempoh beliau belajar ilmu agama di India ialah selama 9 tahun.<sup>152</sup>

Tok Khurasan adalah seorang perantau dan mula berada Kelantan iaitu antara tahun 1911 atau 1912 Masihi. Ketika itu beliau berusia dalam lingkungan sudah mencecah 37 tahun. Sumbangan beliau besar dalam menghidupkan pengajian kitab-kitab hadith di Kelantan antaranya ialah *al-Kutub al-Sittah* dan *Misykat al-Masabih*. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa pemergian beberapa orang penuntut ilmu dari Kelantan ke India bagi mendalami pengajian ilmu hadith dan tafsir adalah atas dorongan dan perangsang yang diberikan oleh beliau.<sup>153</sup> Disebabkan oleh pengajian hadith yang diperkenalkan oleh Tok Khurasan ini juga menyebabkan lahirnya pengajian di dalam kelas-kelas hadith di Pondok Tok Kenali menggunakan kitab-kitab hadith seperti *al-Arba‘īn al-Nawawiyyah*, *Tajdhib At-rāf al-Hadīh* (yang disusun oleh Abdul Halim al-Hadi) dan lain-lain.<sup>154</sup> Menurut Muhammad Asri, Tok Khurasan adalah merupakan anak murid kepada Sheikhul hadith

<sup>152</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 397. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 92-93. lihat juga Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (1)* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988), 255-257.

<sup>153</sup> *Ibid*, 397. Lihat juga Ismail Che, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (1)*, 259-264.

<sup>154</sup> Che Samsudin bin Mohamed Noor, *Pengajian Hadis Di Kelantan; Satu Kajian Di Institusi Pengajian Pondok* (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 78.

Mahmudul Hasan yang Sheikhul Hindi.<sup>155</sup> Sheikh ini mempunyai ramai anak murid yang terkenal termasuklah juga Anwar Syah Kashmiri yang terkenal di India.

**b. Tuan Guru Muhammad Yunus bin Hasan.**

Muhammad Yunus bin Hasan ialah anak murid kepada Tok Khurasan. Beliau telah mengajar kitab *Saḥīḥ al-Bukhārī*, *Sunan Abū Dawūd*, *Muwaṭṭa' Imām Mālik* dan lain-lain.<sup>156</sup>

**c. Tuan Guru Hj. Yaakub Lorong Gajah Mati.**

Nama sebenar beliau ialah Haji Yaakub bin Haji Ahmad. Beliau telah dilahirkan di Kampung Sireh pada tahun 1895 Masihi bersamaan dengan 1313 Hijrah. Setelah kematian ibunya semasa kecil, beliau telah dibawa ke Mekah dan tinggal setahun di sana. Apabila pulang dari Mekah beliau kembali ke Kelantan dan mempelajari ilmu dengan Tok Kenali sehingga menjadi ,alim akhir tahun 1916, beliau berhenti belajar di Kenali dan pergi ke Mekah bersama bapanya selama 3 tahun untuk menambahkan ilmu pengetahuannya. Apabila beliau kembali ke Kelantan, Haji Yaakub bin Haji Ahmad bekerja sebagai kerani dan guru.<sup>157</sup>

Walaupun setelah bekerja dan telah mendalami ilmu agama di Kelantan dan Mekah, beliau merasa tidak cukup dengan ilmunya lalu beliau mula mendalami ilmu dengan Maulana Tok Khurasan. Beliau menyatakan bahawa Tok Khurasanlah yang telah banyak mengubah beliau untuk mendalami ilmu hadith dan mazhab-mazhab selain daripada *al-Kutub al-Sittah*. Haji Yaakub bin Haji Ahmad belajar dengan Tok Khurasan ialah *Sunan*

<sup>155</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

<sup>156</sup> Che Samsudin, *Pengajaran Hadis*, 78.

<sup>157</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (2)* (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1996), 1-2.

*Sittah*, mantik, falak, falsafah, fiqh Mazhab Hanafi dan lain-lain. Pengaruh Tok Khurasan begitu kuat sehingga beliau telah menjadi seorang yang berpandangan luas dan tidak fanatik. Sebelum ini pengaruh tarekat dilihat begitu besar dalam dirinya namun beliau berubah sikap setelah mendalami ilmu hadith.<sup>158</sup>

**d. Dato“Haji Ahmad Maher.**

Nama sebenar beliau ialah Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail. Beliau lahir di Mekah pada tahun 1905 Masihi bersamaan 1324 Hijrah. Beliau lahir di sana kerana ibu dan bapanya iaitu Hajah To“ dan Haji Ismail bin Haji Abdul Hamid pergi ke sana untuk menunaikan fardhu haji dan mempelajari agama Islam. Dato“ Hj. Ahmad Maher adalah juga salah seorang tokoh ulama“ yang terkenal di negeri Kelantan. Beliau juga pernah mempelajari ilmu agama ramai ulama“-ulama“ di Kelantan dan di antara mereka ialah Tok Khurasan iaitu dalam mendalami kitab *Misykāh al-Maṣābiḥ* dan *Jami' al-Tirmidhī*.<sup>159</sup>

**e. Maulana „Abd Allah bin Nuh.**

Nama beliau ialah Maulana Haji „Abd Allah bin Awang Nuh. Beliau telah dilahirkan di Kampung Wakaf Bunut, Pasir Puteh iaitu pada tahun 1905 Masihi. Beliau adalah ulama“ Kelantan yang berkecimpung dalam dunia politik dan berusaha untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Selain itu, Maulana „Abd Allah bin Nuh juga adalah salah seorang tokoh ulama“ Tanah Melayu yang mempunyai pengaruh dan sumbangan yang besar terhadap pengajian hadith di Tanah Melayu terutamanya di Kelantan. Hj. „Abd Allah

---

<sup>158</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (2)*, 4. Lihat Mustaffa et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 397.

<sup>159</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (2)*, 149-150.

Awang Nuh telah dilahirkan di Kampung Wakaf Bunut, Pasir Puteh, Kelantan iaitu pada tahun 1905 Masihi.<sup>160</sup>

Selepas beliau belajar ilmu agama Islam di Kelantan iaitu dengan Tuan Guru Haji Ismail Haji Ishak di Merbol, beliau kemudian belajar dengan Tuan Guru Haji Muhammad (Perak) di bandar Pasir Puteh. Selepas itu, menyambung pengajian beliau dengan Mufti Haji Wan Musa dan kemudian disarankan oleh Mufti Haji Wan Musa untuk beliau menyambung pengajian di India dalam pengajian al-Qur'an dan al-Hadith beserta perundangan Islam. Sebelum beliau belajar ke India, beliau belajar di Negeri Sembilan selama 4 tahun. Kemudian beliau pergi menuntut ilmu di India, beliau juga pernah menuntut ilmu di Kashmir Gate dan di Bahil berhampiran Gujerat India dan beliau menuntut ilmu dalam tempoh yang agak lama di Deoband. Beliau telah menghabiskan pengajian kitab hadith *Sunan Sittah* di India itu dan dari sinilah pendapat pengarang *Hujjat Allah al-Balighah* iaitu Syah Waliyullah al-Dihlawi banyak mempengaruhi pendapat-pendapatnya.<sup>161</sup>

#### f. Haji Husain Rahimi

Nama beliau ialah Haji Husain Rahimi bin Haji Saman. Beliau dilahirkan Kampung Tebing Tinggi, Pasir Puteh, Kelantan pada tahun 1919 Masihi. Beliau adalah seorang ulama yang turut melibatkan diri dalam kesatuan sosial dan politik, di samping menyampaikan ilmu sebagai guru agama. Tuan Guru Haji Husain Rahimi lebih dikenali sebagai Mat Saman Jawi dalam kalangan sahabat-sahabatnya. Beliau mempelajari ilmu dengan ramai guru-guru di Kelantan iaitu di antara mereka ialah Haji ,Abd Allah Tahir, Haji Othman al-Yunusī

<sup>160</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 398. Lihat Ismail, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (I)*, 301-302.

<sup>161</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 398. Lihat Ismail, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (I)*, 302-304.

(Bukit Besar Kedah), Haji Ahmad bin Haji Mat Ali (Imam Masjid Bunut Payong), dan Hasan Hilmi bin Haji ,Abd Allah Tahir. Selain itu, beliau mempelajari ilmu hadith dengan Maulana Tok Khurasan di bawah Lembah Kampung Sireh bersama-sama dengan ulama“ lain. Selepas itu, beliau pergi ke Mekah selama 4 tahun untuk mendalami ilmu agama dan banyak guru-guru yang ditemuinya. Termasuk guru yang ditemui dan memberi tumpuan yang besar ialah Tuan Guru Sheikh Yasin (Indonesia). Beliau mendapat kepujian sebagai seorang yang ahli dalam usul fiqh oleh Tuan Guru Sheikh Yasin.<sup>162</sup>

**g. Haji Hasan Ketereh.**

Beliau ialah Haji Hasan bin Haji Ismail. Beliau telah dilahirkan di Kampung Serendah, tepi Sungai Kelantan. Bapanya iaitu Haji Ismail ialah seorang tukang besi tetapi patuh kepada ajaran agama. Haji Hasan telah telah mempelajari agama dengan bapa saudaranya iaitu Haji Sulong dalam tempoh 9 bulan. Kemudian beliau belajar dengan dua pupunya iaitu Pak Chik Musa dan Tuan Guru Haji Daud Kechik di Kota Bharu. Selepas itu, beliau belajar dengan Tuan Guru Haji Daud selama setahun. Kemudian bermula dari sinilah beliau mengikuti pengajian hadith mengikut sistem pengajian di India iaitu dengan Tuan Guru Haji Yaakub Gajah Mati selama 2 tahun. Dan selepas itu, beliau ke Padang Jelapang, Pasir Mas untuk belajar dengan Tok Padang Jelapang. Akhirnya beliau menyambung pengajiannya ke Mekah dengan beberapa orang guru di sana termasuk Sheikh Othman Jalaluddin, Haji Noh Jamaluddin, dan beberapa guru-guru lainnya.<sup>163</sup>

**h. Haji Abdul Aziz Pasir Tumboh.**

Beliau juga adalah anak murid kepada Dato“ Haji Ahmad Maher. Nama sebenar beliau ialah Haji Abdul Aziz bin Haji Haji Abu Bakar. Beliau dilahirkan di Kampung Terusan

<sup>162</sup> Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (2)*, 205-209.

<sup>163</sup> *Ibid.*, 289-292.

Limbat, Kota Bharu iaitu pada bulan Ogos 1923 Masihi. Beliau dikatakan berguru dengan ramai guru-guru di Kelantan di antaranya ialah Tok Kenali. Beliau juga mempelajari hadith dan *Tafsir al-Baidhawi* dengan Tuan Guru Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim (kemudiannya menjadi mufti Kelantan). Beliau mempelajari dengan Dato" Haji Ahmad Maher ialah dari segi ilmu alat seperti kitab *Jam'u al-Jawami'* dan lain-lain. Dan kemudiannya beliau menyambung pengajian ke Mekah dengan guru-guru seperti Sheikh Dāud bin Sulaimān al-Kalantānī, Sheikh Abdul Qādir al-Mandīlī, Sheikh Syed Amin al-Kutubī, Sheikh Yāsīn al-Fādānī, Syed ,Alwī, Sheikh Muhammad al-,Arabī, Sheikh Ismā,il Kubang Kaki.<sup>164</sup>

**i. Haji Nik ,Abd Allah.**

Nama beliau ialah Haji Nik ,Abd Allah bin Haji Nik Wan Musa. Beliau mempelajari ilmu hadith mengikut sistem ahli hadith di India adalah melalui Maulana Ubaydullah al-Sindi di Mekah. Ini kerana Maulana Ubaydullah adalah berasal dari India yang datang ke Makkah. Pendapat-pendapat beliau juga menjadi kontroversi di Kelantan iaitu tentang isu *talfiq* mazhab dan talqin.<sup>165</sup>

**j. Dato" Yusoff Zaky Yakob.**

Nama sebenar beliau ialah Yusof bin Yacob. Beliau juga ialah anak murid Tok Khurasan. YB Dato" Yusoff Zaky Haji Yacob pernah menyampaikan di kuliah bahasa Arabnya yang dianjurkan oleh ABIM di Sekolah Naim iaitu pada waktu petang 3 Ogos 1976. Beliau menyatakan bahawa Maulana Khurasan adalah orang yang mula-mula membawa masuk

---

<sup>164</sup> *Ibid.*, 327-331.

<sup>165</sup> Faisal Ahmad Shah, "Pelajar-Pelajar Malaysia Di Institusi-Institusi Pengajian Islam Di India: Analisis Bermula Dari Tahun 1947 sehingga 1990," dalam *Jurnal al-Tamaddun* 4 (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 172-173.

sistem pengajian ilmu hadith di Kelantan yang belum ada mana-mana pengajian hadith yang seperti Tok Khurasan.<sup>166</sup>

Dato” Yusoff Zaki Yacob juga pernah terlibat dalam menyemak Kitab *Khulāsah al-Qur’ān* oleh Haji Wan Ismail Wang Nawang. Ini adalah susunan semula catatan kuliah yang dipelajari oleh Haji Wan Ismail Wan Nawang daripada Maulana Ahmad Ali Amer Anjum Khadimuddin, Lahore yang mengikut kepada cara pengajaran Syah Waliyullah al-Dihlawi.<sup>167</sup>

#### **k. Dato”Muhammad Nasir.**

Beliau ialah anak murid Tok Khurasan dan Maulana Mohammad Shah. Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Nasir bin Malim Padek. Pada 1 Januari 1916, beliau telah dilahirkan di Kampung Kota, Kota Bharu, Kelantan. Beliau adalah anak ketiga daripada lapan orang adik-beradik sebapa. Pendidikan awal beliau ialah di Sekolah Inggeris di Kota Bharu. Kemudian sekolah agama dan menyambung pengajian peringkat ketiga dalam pengajian Inggerisnya di Royal English School, Kuala Krai. Seterusnya mengambil kursus diploma dalam ilmu pertanian di Maktab Pertanian. Seterusnya menyambung kembali pengajian agamanya dalam bidang al-Qur’ān, hadith dan Siasah Islam dengan guru-guru daripada pengajian lepasan Universiti Deoband iaitu dengan Maulana Haji ,Abd Allah Nuh dan Maulana Mohammad Shah. Beliau juga terlibat di dalam bidang politik dan beberapa kali bertanding dan Beberapa kali menjadi Timbalan Menteri Besar dan kemudian sebagai

---

<sup>166</sup> Ismail Che, *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (I)*, 264.

<sup>167</sup> Mohd Asmadi Yakob, “Dato” Yusoff Zaky Yacob Dan Sumbangannya Kepada Bidang Tafsir al-Qur’ān,” *Al-Bayan: Journal al-Quran & al-Hadīth* 8 (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 129.

Menteri Besar. Di zaman beliau ketika itu Parti Islam SeMalaysia (PAS) berada dan bergabung dengan Barisan Nasional yang dipanggil sebagai parti BERJASA.<sup>168</sup>

### I. Dato“Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

Nama beliau ialah Nik Abdul Aziz Nik Mat. Beliau dilahirkan pada tahun 1931 Masihi di Kampung Pulau Melaka. Ayah beliau ialah seorang ulama<sup>169</sup> yang terkenal di Kelantan dan pengasas pondok di Pulau Melaka. Dato“ Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat juga adalah antara lepasan India yang menyumbang kepada pengajian hadith di Malaysia. Beliau juga adalah anak murid kepada Tok Khurasan kerana sering mengikuti ayahnya mendegar ceramah Tok Khurasan. Beliau belajar di India pada ketika umurnya 21 tahun iaitu di Madrasah Dar al-„Ulūm Deoband. Kemudiannya pergi ke Pakistan dalam bidang tafsir dan seterusnya ke al-Azhar Mesir dalam Kuliyyah Lughah.<sup>169</sup>

Dato“ Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat turut menyampaikan kuliah subuh pada setiap hari di Masjid Pulau Melaka selama satu jam. Kebiasaannya beliau akan mengajar kitab hadith pada hari jumaat iaitu kitab *Riyad al-Salihin* dan kitab *Fiqh al-Sirah*. Dato“ Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat berusaha gigih untuk membendung amalan khurafat dan bid‘ah yang berleluasa sehingga beliau dituduh sebagai wahabi. Beliau juga bergerak aktif di dalam Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan memegang beberapa jawatan penting. Beliau memegang jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan dan Mursyidul Am PAS. Walaupun beliau tidak

<sup>168</sup> Mohd Zahiruddin bin Ahmad @ Mohd Zain, *Dato’ Haji Muhammad bin Nasir: Sumbangannya Kepada Pendidikan Islam* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya, 2002), 63-71.

<sup>169</sup> Haziyah hussin, *Pemikiran Tuan Guru*, 25-30. Lihat Faisal Ahmad, Pelajar-Pelajar Malaysia, *Jurnal al-Tamaddun*, 4: 173-174.

terlibat secara langsung dalam pengajaran hadith namun beliau merupakan tokoh yang dianggap sebagai pendokong sunnah di Kelantan sejak daripada dahulu lagi.<sup>170</sup>

**m. Dato“Ishak Baharom.**

Beliau ialah Dato“ Ishak bin Baharom adalah merupakan tokoh lepasan Dar al-„Ulūm Deoband India. Beliau dilahirkan pada bulan Jun 1931 Masihi. Catatan di dalam dokumen pelajar Malaysia yang terdapat di India menyatakan bahawa beliau telah sampai di sana dua bulan sebelum kemerdekaan Tanah Melayu iaitu pada bulan Jun 1957. Sebelum belajar di India, beliau bersekolah di Al-Masriah School Bukit Mertajam Pulau Pinang. Di antara jawatan yang beliau sandang ialah sebagai Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan.<sup>171</sup>

**n. Dr Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi.**

Beliau merupakan pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Jabatan al-Quran dan as-Sunnah. Dan kemahiran beliau ialah dalam bidang hadith dan sekarang ini beliau ialah Prof di UIAM. Beliau berasal daripada India dan mendapat pendidikan di Deoband. Selepas itu, beliau menyambung pengajiannya di Umm al-Qura di Mekah. Keilmuan dan kepakaran beliau dalam bidang hadith digunakan sebaik mungkin dengan mengajar di masjid Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan menggunakan kitab *Fath al-Bari Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Di antara penulisan beliau ialah kitab *Takhrij al-Hadīth*, ‘Ulūm al-Hadīth bain al-Asalah wa Al-Mu‘asarah dan lain-lain.<sup>172</sup>

**o. Dr Abdul Hayei bin Abdul Sukor.**

---

<sup>170</sup> Haziyah hussin, *Pemikiran Tuan Guru*, 42. Lihat Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 398. Lihat juga Faisal Ahmad, Pelajar-Pelajar Malaysia, *Jurnal al-Tamaddun*, 4: 174.

<sup>171</sup> Faisal Ahmad, Pelajar-Pelajar Malaysia, *Jurnal al-Tamaddun*, 4: 174.

<sup>172</sup> Mohd Asri Zainul Abidin, “Kembara Ilmu Ke India”, Laman sesawang *Minda Tajdid*, Disemak 29 April 2009, Dicapai 24 Mei 2015, <http://drmaza.com/home/?p=592>. Lihat Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 407.

Beliau merupakan bekas pensyarah di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Ketika itu beliau ialah Prof Madya di dalam bidang hadith. Beliau pernah mengikuti pengajian hadith di Deoband India. Dengan kepakaran beliau itu, Dr Abdul Hayei mengajar kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* di Masjid Sultan Abdul Aziz Seksyen 14 Petaling Jaya iaitu pengajian ini dijalankan pada setiap hari Jumaat. Beliau juga mengajar buku "Islam Dalam Sabda" yang mengandungi koleksi hadith-hadith Nabi s.a.w. yang dikarang oleh beliau sendiri.<sup>173</sup>

**p. Suhaimi bin Haji Ahmad.**

Beliau telah dilahirkan pada 28 Disember 1946. Beliau adalah berasal daripada Kampung Pisang Kupang Baling di Kedah. Beliau juga adalah pelajar lepasan Dar al-„Ulūm Deoband yang mana tercatat bahawa beliau sampai di sana sebagaimana di dalam dokumen pelajar Malaysia iaitu pada 30 Januari 1971. Beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam Parti Islam SeMalaysia dan pernah juga beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pemuda PAS Kedah. Sumbangan besar beliau juga ialah dalam menubuhkan Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI) dan turut terlibat secara langsung untuk menubuhkan Dar al-Hadith di Kampung Tok Keling Alor Setar, Kedah.<sup>174</sup>

**4. Kajian Pelajar-Pelajar Malaysia Yang Mengikuti Sistem Pengajian Deobandy.**

Berikut adalah antara kajian yang dibuat oleh ustaz Faisal Ahmad Shah tentang bilangan penuntut dari Malaysia yang didaftarkan sebagai ahli Persatuan Pelajar Malaysia di India yang pergi mengikuti sistem pengajian di India dari tahun 1947 M sehingga 1990 M. Di antara tempat mereka mengikuti pengajian yang menggunakan sistem Deobandy ialah di Dar al-„Ulūm Deoband, Dar al-„Ulūm Nadwah al-„Ulama", Baqiyat al-Salihat Arabia

<sup>173</sup> Mustaffa Abdullah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 407.

<sup>174</sup> Faisal Ahmad, Pelajar-Pelajar Malaysia, *Jurnal al-Tamaddun*, 4: 175-176.

College Vellore Madras, Miftah al-„Ulūm, Matla“ al-„Ulūm Rampur, Jamaah Masjid Deoband dan Madras Islamia ,Arabi. Di bawah ini ialah jadual antara asal-usul pelajar-pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di sana iaitu<sup>175</sup>:

Jadual 5.0: Asal-usul pelajar yang belajar di India

Bil.	Negeri	Jumlah
1	Kelantan	177
2	Kedah	142
3	Terengganu	80
4	Perak	51
5	Selangor	39
6	Johor	36
7	Pahang	29
8	Pulau Pinang	20
9	Negeri Sembilan	20
10	Kuala Lumpur	16
11	Melaka	13
12	Perlis	7
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>630</b>

Sumber: Faisal Ahmad, Pelajar-Pelajar Malaysia, *Jurnal al-Tamaddun*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Di dalam jadual berikut ialah jumlah pelajar-pelajar di Malaysia yang mengikuti sistem pengajian di India dari tahun 1947 M sehingga 1990 M ialah seramai 630 orang pelajar. Di antara mereka adalah daripada pelbagai negeri. Negeri yang paling ramai pelajar-pelajarnya yang mengikuti pengajian di India ialah dari negeri Kelantan iaitu seramai 177 orang pelajar. Selepas itu, yang kedua ialah dari negeri Kedah iaitu seramai 142 orang pelajar. Diikuti, negeri Terengganu iaitu seramai 80 orang pelajar. Kemudian negeri Perak iaitu seramai 51 orang pelajar. Dan dari negeri Selangor adalah seramai 39 orang. Seterusnya, negeri Johor adalah seramai 36 orang. Kemudian, negeri Pahang ialah seramai 29 orang. Kemudian, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan ialah seramai 20 orang pelajar. Dari Kuala Lumpur ialah seramai 16 orang pelajar. Dan negeri Melaka pula ialah

<sup>175</sup> *Ibid.*, 163-166.

seramai 13 orang pelajar. Dan yang terakhir adalah dari negeri Perlis iaitu seramai 7 orang pelajar.

## **2.4 KESIMPULAN**

Kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh cara pengajian hadith sama ada daripada manhaj Ahli Hadith dari Makkah dan Mesir serta dari manhaj Deobandy India. Pengajian hadith dari Makkah, Mesir dan Deoband, India sangat memainkan peranan penting dalam pengajian hadith di Malaysia terutamanya di beberapa madrasah-madrasah dan pondok-pondok di Malaysia. Namun pengajian Hadith yang menggunakan manhaj Deobandy lebih terkehadapan daripada sistem-sistem pengajian yang lain. Ini dapat dilihat dengan sistem yang dilaksanakan di beberapa pengajian tersebut dan guru-guru yang mengajar adalah kebanyakannya yang mengikut kepada sistem pengajian dari India dan Pakistan. Guru-guru yang mengikut sistem Deobandy ini bukan sahaja datang dari India malahan juga penuntut dari Malaysia yang belajar di sana dan kemudiannya balik semula ke tanah air untuk berkhidmat dalam mengajar ilmu agama.

Selain itu, terdapat juga buku-buku yang terhasil daripada ulama"-ulama" yang mengikut sistem pengajian Deobandy yang digunakan secara meluas dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Buku-buku hasil daripada ulama"-ulama" ini bukan sahaja di gunakan di madrasah-madrasah dan pondok semata-mata tetapi turut menjadi rujukan di kalangan pelajar-pelajar universiti, pengkaji-pengkaji, masjid-masjid dan surau-surau.

## BAB 3: BIODATA MUHAMMAD ASRI

### 3.1 PENGENALAN

Maulana Muhammad Asri adalah antara ilmuwan yang tidak asing lagi dalam menyampaikan dakwah di Malaysia khususnya di sekitar Kelantan, Selangor dan Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang yang arif dalam beberapa bidang ilmu pengajian Islam seperti ilmu al-Qur'an, ilmu Bahasa Arab, ilmu Hadith dan lain-lain. Beliau sangat berminat dalam mendalami ilmu al-Qur'an dan hadith. Minatnya ini dapat dilihat yang mana pada usianya 10 tahun, beliau telah pergi ke India untuk mempelajari agama terutamanya untuk mendalami ilmu al-Qur'an. Setelah beberapa tahun tamat mempelajari ilmu al-Qur'an, beliau kemudian kembali ke tanah air dan setelah itu beliau Muhammad Asri mula pergi semula ke India untuk mendalami ilmu hadith. Kemudian apabila beliau menamatkan pengajiannya di sana, beliau pulang ke Kelantan.

Muhammad Asri mula memikirkan tentang sesuatu perlu dilakukan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat dalam bidang agama terutamanya dalam ilmu al-Qur'an dan hadith kerana beliau berasa tidak puas dengan sistem pengajian di Malaysia. Ini membuatkan beliau untuk menubuhkan *Dār al-Kauthār* yang terletak di Kelantan. Jadi beliau adalah pengasas tempat yang dikenali sebagai *Dār al-Kauthār* yang di mana pada tempat itu adanya pusat tahfiz al-Qur'an, pengajian bahasa Arab, pengajian ilmu hadith dan ilmu-ilmu islam yang lain. Di *Dār al-Kauthār*, beliau mengaplikasikan Manhaj Deobandy dalam pengajaran untuk mengajar hadith kepada pelajar-pelajarnya di sana.

### 3.2 BIODATA

Nama sebenar beliau Muhammad Asri bin Yusoff. Beliau dilahirkan pada tahun 1958 M dan memulakan pengajian agama di luar negara pada sekitar tahun 1968. Pada ketika itu beliau baru berusia 10 tahun, di mana bapanya telah menghantar beliau untuk belajar di India untuk mengikuti kelas tafsir yang dianjurkan oleh Universiti Deoband. Setelah tamat pengajiannya di kelas tersebut, iaitu pada usianya mencecah 15 tahun, beliau kembali ke Kelantan lalu menyambung pelajaran agama di Pondok Tuan Guru Haji Aziz, Pasir Tumboh.<sup>176</sup>


Muhammad Asri kemudiannya menyambung pelajaran ke *Nadwah al-‘Ulamā’* Lukhnow, India selepas empat tahun beliau mendalami ilmu-ilmu agama dalam pelbagai bidang asas di Pondok Tuan Guru Haji Aziz, Pasir Tumboh. Beliau menghabiskan masa pengajiannya di sini selama lima tahun dan kemudiannya barulah beliau menyambung pengajian ke *Jāmi‘ah al-‘Ulūm al-Islāmiyyah*, Karachi dalam masa satu tahun. Selepas itu, beliau kembali semula ke tanah air. Dari situlah beliau sempat mendalami bidang pengajian hadith melalui guru hadith beliau secara bersanad. Rantaian *sanad* guru hadith Muhammad Asri adalah sampai kepada Shah Waliyullāh al-Dihlawī iaitu Sheikh al-Hadith Mufti Wali Hasan.<sup>177</sup>

Sheikh al-Hadith Mufti Wali Hasan adalah murid kepada Husayn Ahmad Madani yang bersanadkan kepada Anwar Syah Kasymiri, seterusnya kepada Maulana Mahmud al-Hasan Sheikh al-Hind. Kemudiannya Maulana Mahmud al-Hassan Sheikh al-Hindi mempelajari hadith melalui Maulana Muhammad Qasim Nanotwi. Kemudian Maulana Muhammad Qasim Nanotwi mempelajari hadith daripada Syah Abdul Ghani al-Mujaddidi.

<sup>176</sup> Che Samsudin bin Mohamed Noor, *Pengajian Hadis Di Kelantan; Satu Kajian Di Institusi Pengajian Pondok* (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 108.

<sup>177</sup> Che Samsudin, *Pengajian Hadis*, 108-109.

Seterusnya Syah Abdul Ghani al-Mujaddidi mempelajari hadith daripada seorang guru yang bernama Shah ,Abd al-Aziz al-Dihlawi. Daripada Syah ,Abd al-Aziz al-Dihlawi ini pula gurunya ialah Shah Wali Allah al-Dihlawi. Melalui *tariq* tersebut, bolehlah dilakarkan *sanad* pengajian hadith Maulana Muhammad Asri Yusoff untuk sampai kepada Syah Waliyullah al-Dihlawi sebagaimana berikut<sup>178</sup>;



Sheikh al-Hadith Mufti Wali Hasan adalah guru utamanya dalam pengajian *Dawrah al- Hadīth* dengan menggunakan kitab *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim*. Berbekalkan pengetahuan yang mendalam dalam bidang pengajian Hadith, Maulana

<sup>178</sup> *Ibid.*, 109.

Muhammad Asri telah menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi terhadap bidang pengajian tersebut. Beliau bukan sahaja mengajar kitab-kitab Hadith yang diajarkan kepada masyarakat awam di masjid-masjid tempatan, malah beliau telah menubuhkan sebuah pusat pengajian *Dār al-Kauthār*, berhampiran dengan kediaman beliau di Kubang Kerian, Kota Bharu.<sup>179</sup>

### 3.3 PENDIDIKAN

Pendidikan beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Bukit Abal hingga darjah 3. Kemudian Muhammad Asri ke India untuk menghafal al-Qur'an di Dar al-„Ulūm Deoband. Beliau kemudiannya pulang ke Kelantan dan belajar di Madrasah Al-Diniah al-Bakriah atau dikenali sebagai Pondok Pasir Tumboh. Seterusnya Beliau pergi ke India semula untuk menuntut ilmu Pengajian Islam di Nadwatul Ulama, Lakhnow. Kemudian beliau pergi ke Pakistan bagi mempelajari ilmu *Dawrah al-Hadith* iaitu di Jāmiyah al-„Ulūm al-Islāmiah, Karachi.<sup>180</sup>

Maulana Mohd Asri Yusuf telah mendapat pendidikan di India iaitu pada sekitar tahun 1967 sehingga tahun 1968. Di mana beliau telah dihantar oleh bapanya ke India pada ketika itu usia Muhammad Asri Yusuf ialah 10 tahun. Beliau dihantar ke sana kerana pada ketika itu suasana belajar di negeri Kelantan sukar ditemui tempat pengajian untuk menghafaz al-Qur'an. Beliau telah pergi ke sana dengan salah seorang abang saudaranya yang juga turut pergi ke sana untuk belajar ilmu hadith. Apabila tiba di New Delhi, beliau

---

<sup>179</sup> *Ibid.*, 110.

<sup>180</sup> "Murabbi: Maulana Muhammad Asri Yusoff", laman sesawang *Ayyuhal Walad*, dikemaskini 5 November 2014, Dicapai 29 March 2015. <https://ayyuhalwalad.wordpress.com/2014/11/05/murabbi-maulana-muhammad-asri-yusoff/>.

telah dijemput oleh pelajar-pelajar Persatuan Pelajar Melayu. Di India beliau mula belajar di madrasah Dar al-„Ulūm, Deoband.<sup>181</sup>

Pada ketika inilah beliau mula belajar bahasa Urdu kerana hanya beliau sahaja ketika itu kanak-kanak Melayu yang belajar di sana. Jadi beliau banyak berkawan dengan kanak-kanak di India yang seusia dengan beliau. Beliau belajar di Dar al-„Ulūm, Deoband selama tiga tahun dan ketika itu usianya 12 tahun. Pada ketika itulah beliau pulang semula ke Malaysia, namun di kampung beliau tidak duduk diam kerana beliau sentiasa ingin mendalami ilmu. Jadi beliau pergi belajar dengan beberapa orang guru di Kelantan. Gurunya juga menasihati supaya menamatkan hafazan al-Quran terlebih dahulu. Maka selama 4 tahun beliau masih lagi merasai kekurangan, lalu beliau mengambil keputusan untuk kembali semula ke India untuk mempelajari ilmu hadith.<sup>182</sup>

Pada kali ini beliau pergi ke Nahdatul „Ulama di Lucknow. Di sini berbekalkan kemampuan bahasanya, beliau mula menelaah pelbagai jenis buku dalam bahasa Arab dan Urdu. Beliau juga turut mempelajari ilmu di Jāmiyah al-„Ulūm, Karachi dan di merata-rata tempat di India. Di Jāmiyah al-„Ulūm, Karachi inilah beliau banyak mempelajari *Dawrah al-Hadith* mengikut cara sistem Deobandy. Kecintaan beliau kepada ilmu sangat tinggi, sehingga beliau berjaya menguasai pelbagai bahasa seperti Urdu, Hindi, Arab, Parsi, Sanskrit dan Inggeris. Beliau juga turut menguasai ilmu falsafah, hadith dan pebagai ilmu lain.<sup>183</sup>

Dari segi personaliti Muhammad Asri dikatakan seorang yang tidak akan berpuas hati dengan ilmu yang dia tidak tahu, jadi jika beliau tidak dapat mengetahui tentang

<sup>181</sup> Mohd Irsyadi Abu Bakar, “Ikon Islam: Muhammad Asri Yusuf Berkelana Sejak Kecil,” *Majalah i*, Jun 2014, 140:13.

<sup>182</sup> Mohd Irsyadi, Ikon Islam, 12-13.

<sup>183</sup> *Ibid.*, 13-14.

sesuatu masalah ilmu agama beliau akan mencarinya sehingga beliau dapat menjawab permasalahan tersebut. Beliau juga dikatakan seorang yang sangat taksub dengan ilmu.<sup>184</sup>

### 3.4 GURU-GURUNYA

Di antara guru-gurunya beliau dalam mempelajari ilmu hadith dengan secara *Dawrah al-Hadīth* mengikut kepada sistem Deobandy ada empat guru iaitu Sheikh al-Hadith Mufti Wali Hasan, Maulana Idris, Maulana Misbah Hullah Syah dan Muhammad Badiuzzaman. Guru utama dalam pengajian hadith Muhammad Asri ialah Sheikh al-Hadith Mufti Wali Hasan. Selepas mempelajari hadith dengan Mufti Wali Hasan, beliau kemudiannya mempelajari hadith dengan Maulana Misbah Hullah Syah. Sheikh al-Hadith Mufti Wali Hasan adalah guru utama kerana Muhammad Asri mempelajari kitab hadith *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim*.<sup>185</sup>

Manakala beliau mempelajari hadith menggunakan kitab *Sahīh Muslim* dengan Maulana Idris. Dan beliau mempelajari kitab *Muwatta' Imām Mālik* dengan Maulana Misbah Hullah Syah. Ayah kepada Maulana Misbah Hullah Syah ialah seorang tokoh muhaddith yang terkenal iaitu Muhammad Kamil. Adik-beradiknya juga ada seorang yang menjadi mudir di *Jamī'ah al-Islām* iaitu Muhammad Abdul Majah Rahman. Selain itu, beliau juga mempelajari hadith dengan Muhammad Badiuzzaman dengan mempelajari kitab *Sunan Abū Dawūd* dan *Sunan Ibn al-Mājah*.<sup>186</sup>

<sup>184</sup> Mohd Rusdy bin Hasan, perbincangan yang dibuat di dalam “Focus Discussion Group” di Surau asy-Syarif, Surau Seri Kembangan pada 22 Mac 2016.

<sup>185</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

<sup>186</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

### **3.5 SUMBANGAN**

Maulana Muhammad Asri adalah antara ilmuwan yang tidak asing lagi dalam menyampaikan dakwah di Malaysia khususnya di sekitar Kelantan, Selangor dan Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang yang arif dalam ilmu hadith. Beliau sangat berminat dalam mendalami ilmu al-Qur'an dan hadith. Minatnya ini dapat dilihat yang mana pada usianya 10 tahun, beliau telah pergi ke India untuk mempelajari agama terutamanya untuk mendalami ilmu al-Qur'an. Setelah beberapa tahun tamat mempelajari ilmu al-Qur'an, beliau kemudian kembali ke tanah air dan setelah itu beliau Muhammad Asri mula pergi semula ke India untuk mendalami ilmu hadith. Kemudian apabila beliau menamatkan pengajiannya di sana, beliau pulang ke Kelantan.

Muhammad Asri mula memikirkan tentang sesuatu perlu dilakukan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat dalam bidang agama terutamanya dalam ilmu al-Qur'an dan hadith kerana beliau berasa tidak puas dengan sistem pengajian di Malaysia. Ini membuatkan beliau untuk menuju Darul Kautsar yang terletak di Kelantan. Jadi beliau adalah pengasas tempat yang dikenali sebagai Darul Kautsar yang di mana di tempat itu adanya pusat tahliz al-Qur'an, pengajian bahasa Arab, pengajian ilmu hadith dan ilmu-ilmu Islam yang lain. Di Darul Kautsar, beliau menggunakan metode beliau sendiri untuk mengajar hadith kepada pelajar-pelajarnya di sana. Beliau menggunakan aplikasi iaitu gabungan antara manhaj ahli hadith dan Manhaj Deobandy.

#### **Penubuhan Pusat Pengajian *Dār al-Kauthār*:**

Penubuhan pusat pengajian ini adalah bertempat di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. Madrasah ini adalah berorientasikan pengajian hadith, di mana selepas tamat tahun ketujuh pengajian, pelajar-pelajar akan memasuki sesi dua tahun kelas *Dawrah al-Hadīth*. Ini

berbeza dengan sistem pengajian hadith yang lain yang hanya memperuntukkan masa hanya selama setahun sahaja dalam pengajian *Dawrah al-Hadīth*. Ini menunjukkan bahawa *Dār al-Kauthār* lebih terkehadapan dalam menggunakan cara ini.<sup>187</sup>

*Dār al-Kauthār* telah ditubuhkan pada tahun 1995. Sistem pengajian yang dijalankan ialah melalui dua aliran, iaitu aliran tahfiz dan aliran pengajian Islam secara umum iaitu kelas alim. Bagi aliran pengajian Islam, pelajar-pelajar di didik selama tujuh tahun secara sekolah agama biasa menggunakan kitab-kitab asas pilihan dalam pelbagai bidang bahasa Arab, Usuluddin, *Tasawuf*, *Fiqh* dan seumpamanya sebagaimana yang diajar di sekolah-sekolah agama atau institusi pengajian pondok. Kurikulum dan kitab-kitab yang digunakan disesuaikan sebagai persediaan asas bagi menyambung pengajian ke *Dawrah al-Hadīth* di tahun kelapan nanti.<sup>188</sup>

*Dawrah al-Hadīth* merupakan program dua tahun iaitu di tahun kelapan dan tahun kesembilan pengajian di *Dār al-Kauthār* ini. Ia baru diwujudkan di mana setakat ini pelajar kumpulan pertama baru menduduki tahun kelapan, yang terdiri daripada 8 orang pelajar. Sukatan pengajiannya diberi tumpuan kepada pengajian Hadith. Kesemua kitab *al-Kutub al-Sittah* akan dihabiskan pengajiannya dalam jangka waktu dua tahun ini. Di samping itu, kitab-kitab Hadith tambahan yang lain yang dimasukkan ke dalam sukatan pengajiannya ialah *Muwaṭṭa' Imām Mālik*, dah *Syarḥ Ma‘āni al-Athār al-Tahāwi*. Bagi kitab-kitab dalam bidang „Ulūm al-Hadith pula yang dipelajari ialah *Tadrib al-Rawī* oleh al-Suyuti dan *Nukhbah al-Fikr* karya Ibn Ḥajar al-Asqalānī. Kedua-dua kitab ini sebenarnya dipelajari di tahun keenam dan ketujuh lagi sebagai persediaan memasuki kelas *Dawrah al-Hadīth*.<sup>189</sup>

<sup>187</sup> Che Samsudin, *Pengajian Hadith*, 110.

<sup>188</sup> *Ibid.*, 110.

<sup>189</sup> *Ibid.*, 110-111.

Pengajian di sini juga dijalankan secara terbuka, di mana kesemua jenis pengajian diajarkan kepada pelajar-pelajar sama ada dari segi ajaran yang dibawa oleh ulama“ salaf dan juga ulama“ khalaf. Muhammad Asri menyatakan bahawa kedua-dua ulama“ sama ada ulama“ salaf atau khalaf ini adalah diterima oleh kebanyakan ulama“ dalam kelompok ulama“ ahli sunnah wa al-Jamaah, jadi kedua-dua mereka boleh diterima kerana percanggahan mereka adalah dari segi furu“ sahaja dan bukanlah bercanggah dari segi masalah usul. Perlu diambil kelebihan daripada ulama“-ulama“ ini kerana masing-masing mempunyai kelebihannya yang boleh digunakan untuk ajaran Islam.

#### **Sejarah Penubuhan Di Pusat Pengajian *Dār al-Kauthār*:**

Pusat pengajian al-Qur'an *Dār al-Kauthār* (PPADK) ini telah mula ditubuhkan pada tahun 1986 oleh Maulana Muhammad Asri Yusof. Pusat Pengajian al-Qur'an *Dār al-Kauthār* adalah sebuah pusat pengajian untuk pelajar-pelajar menghafaz al-Qur'an serta mendalami ilmu-ilmu Islam dan Bahasa Arab. Antara objektif penubuhan madrasah ini ialah untuk memelihara sistem Pengajian Hadith iaitu *Dawrah al-Hadīth* yang telah dijalankan terhadap pusat-pusat pengajian hadith di benua kecil India dengan jayanya.

#### **Tenaga Pengajar Di Pusat Pengajian *Dār al-Kauthār*:**

Tenaga pengajar di Pusat Pengajian al-Qur'an *Dār al-Kauthār* terdapat seramai enam orang yang mana mereka adalah berkelulusan daripada Pakistan. Tenaga pengajarnya ialah seperti jadual berikut<sup>190</sup>:

Jadual 6.0: Tenaga Pengajar Di Pusat Pengajian *Dār al-Kauthār*

Bil.	Tenaga Pengajar	Kelulusan
1	Maulana Muhammad Asri Yusoff	Jāmi'ah al-„Ulūm Karachi Pakistan
2	Ustaz Zakaria bin Abdul Wahab	Dār al-„Ulūm, Faisalabad Pakistan

<sup>190</sup> *Ibid*, 402-403. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 25-26.

3	Ustaz Mohd Zawawi bin Yunus al-Hafidz	Jāmi,ah Dirasat Islamiyah Pakistan
4	Ustaz Ahmad Nasim bin Abdul Rauf	Jāmi,ah al-„Ulūm Karachi Pakistan
5	Ustaz Roslan bin „Abd Allah	Jāmi,ah al-„Ulūm Karachi Pakistan
6	Ustaz Muhammad Hanief bin Awang Yahya	Jāmi,ah Faruqiyah Karachi Pakistan

Sumber: Mustafa Abdullah et. al., Khazanah Al-Quran dan Al-Hadith Nusantara, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

### **Metode Pengajian Hadith Di Pusat Pengajian *Dār al-Kauthār*:**

Di pusat pengajian ini pelajar-pelajar juga akan mengikuti pengajian alim iaitu selama 9 tahun selepas mengikuti pengajian tahnif al-Qur'an. Sistem di *Dār al-Kauthār* agak berbeza sedikit jika dibandingkan dengan sistem-sistem pengajian yang lain yang mengikuti sistem yang berasal daripada sistem Deobandy. Di *Dār al-Kauthār* ini berbeza kerana menggunakan sistem pengajian Deobandy yang digabungkan dengan sistem pengajian ahli hadith. Bagi setiap tahun pelajar-pelajar akan diajar dengan kitab-kitab yang berbeza iaitu<sup>191</sup>:

Jadual 6.1: Metode Pengajian Hadith Di Pusat Pengajian *Dār al-Kauthār*

Tahun	Kitab
1	• <i>Matan al-Arba 'īn al-Nawawiyyah</i>
2	• <i>Tajzib al-Atraf al-Āḥadīh al-Nabawiyyah</i>
3	• <i>Tahzib al-Akhlaq</i>
4	• <i>Taisir al- 'Alām Syarah Umdatul Ahkam</i>
5	• <i>Misykāh al-Maṣābiḥ</i> • <i>Taisir Mustalah al-Hadīh</i>
6	• <i>Misykāh al-Maṣābiḥ</i> • <i>Tadrib al-Rawī</i>
7	• <i>Dawrah al-Hadīh</i>
8	• <i>Dawrah al-Hadīh</i>

Sumber: Mohd Army bin Yusop, Pengajian Hadith Di Madrasah Miftahul „Ulūm, Sri Petaling, Kuala Lumpur.

<sup>191</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Baitus Salam, Kuala Lumpur, 9 Jun 2015.

Di sini Pelajar akan mengikuti silibus pengajian iaitu selama lapan tahun iaitu selama enam tahun untuk mendalami ilmu agama termasuk pemahaman di dalam bahasa Arab dan juga sedikit sebanyak diperkenalkan dengan kitab-kitab hadith. Antara kitab-kitab hadith yang dipelajari ialah pada tahun yang pertama ialah kitab *Matan al-Arba'īn al-Nawawiyyah*. Tahun yang kedua pula pelajar-pelajar akan mempelajari kitab *Tajzib al-Atraf al-Aḥadīh al-Nabawiyyah*. Pada tahun yang ketiga pula pelajar-pelajar akan mempelajari kitab *Tahzib al-Akhlaq*. Di tahun yang keempat, pelajar-pelajar akan mempelajari kitab *Taysir al-'Alām Sharḥ Umdh al-Āḥkām*.

Seterusnya di tahun yang kelima dalam kitab yang digunakan dalam bidang hadith ialah kitab *Mishkāh al-Maṣābiḥ* dan dalam usul hadith dengan menggunakan kitab *Taysir Muṣṭalaḥ al-Hadīh*. Dan di tahun yang keenam pula dalam kitab dalam bidang hadith adalah sambung kitab dari tahun lima iaitu menggunakan kitab *Mishkāh al-Maṣābiḥ* manakala dalam bidang usul hadith pula menggunakan kitab *Tadrib al-Rawī*. Kemudiannya para pelajar akan mengikuti *Dawrah al-Hadīh* yang dipanggil *Syahadah Takmilah* dan sanad hadith *al-Kautsariyyah* selama 2 tahun iaitu pada tahun ketujuh dan kelapan. Di dalam pengajian *Dawrah al-Hadīh*, pelajar-pelajar akan mempelajari kitab-kitab seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Jami' al-Tirmidhī*, *Sunan Abū Dawūd*, *Sunan Ibn al-Mājah*, *Sunan al-Nasā'ī*, *Muwaṭṭa' Imām Mālik*, dan *Syarah Ma'ani al-Athār*.

Madrasah yang menggunakan metode Deoband dan ahli hadith ini telah melahirkan dua generasi yang telah tamat pengajian *Dawrah al-Hadīh* iaitu seramai lebih kurang lima belas orang pelajar. Namun terdapat kelainan antaranya pengekalan beberapa kitab hadith

Mazhab Hanafi seperti kitab *Sharḥ Ma’āni al-Athar* oleh al-Tahāwī. Tujuannya ialah supaya pelajar dapat membuat perbandingan dengan fiqh-fiqh dalam mazhab lain.<sup>192</sup>

### **Pengajian Kepada Masyarakat:**

Maulana Muhammad Asri turut memberi sumbangan ilmu dalam bidang pengajian hadith kepada masyarakat umum setempat. Pada permulaan pengajian beliau kepada masyarakat, beliau hanya menumpukan kepada masyarakat di Kelantan. Kuliah-kuliah beliau kesemuanya diadakan selepas solat Isyak. Di antaranya ialah beliau memberi kuliah dengan menggunakan kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* jilid 1 bertempat di Masjid Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian pada setiap hari Isnin, dan jilid 2 kitab tersebut pada setiap hari Selasa. Di Masjid Langgar pula, beliau mengadakan kuliah pada setiap hari Rabu dengan menggunakan kitab *Sahīḥ Muslim*.<sup>193</sup>

Muhammad Asri mengajar di Kelantan sehingga beliau dapat mengkhatamkan kitab hadith al-Bukhārī dalam pengajarannya kepada masyarakat awam di sana. Selepas itu, Muhammad Asri mula menempa nama di dalam masyarakat dan banyak menerima jemputan kuliah untuk mengajar kitab-kitab hadith terutamanya di Lembah Klang. Kemudian cara pengajian Muhammad Asri semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat dan seterusnya beliau mengajar di beberapa tempat-tempat di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor kerana di atas permintaan masyarakat. Muhammad Asri kemudiannya mula dikenali dengan pengajarannya yang telah banyak tersebar melalui laman sosial iaitu melalui youtube, laman sesawang darulkautsar.net dan laman facebook iaitu Maulana Muhammad Asri Yusoff. Pengajian yang dijalankan di beberapa tempat oleh Muhammad Asri itu boleh dilihat di dalam poster seperti berikut:

<sup>192</sup> Mustaffa „Abd Allah et. al., *Khazanah al-Qur'an*, 402. Lihat Mohd Army, *Pengajian Hadith*, 24-25.

<sup>193</sup> Che Samsudin, *Pengajian Hadis*, 111.

Gambarajah 1: Jadual Kuliah Maulana Muhammad Asri



**Jadual Siri Talaqqi Kitab Hadith bersama  
Maulana Muhammad Asri**  
SYAIKHUL HADITH DARUL KAUTSAR

Lembah Klang				
MINGGU	HARI	TEMPAT	WAKTU	KITAB
1 & 3	Sabtu	Performing Art Theatre, Management & Science Univ. (MSU), Shah Alam, Selangor	9.00 mlm - 11.00 mlm	<i>Jaami' al-Tirmidzi</i>
	Ahad	Performing Art Theatre, Management & Science Univ. (MSU), Shah Alam, Selangor	10.00 pagi - 12.00 tgħri	<i>Misyaatul Maṣābih</i>
2 & 4		Restoran Nelayan Titiwangsa Lot 1183, Batu 8 3/4, Jln. Gombak, 53000 KL	2.30 ptg - 4.30 ptg	<i>Sahih al-Bukhari (1)</i>
	Sabtu	Surau Asy-Syarif, Taman Sg. Besi Indah Seri Kembangan, Selangor	9.00 mlm - 11.00 mlm	<i>Sahih al-Bukhari (2) bermula dan kitab al-Maghāzi</i>
	Ahad	Rumah Fikir, 41 B Jalan 3/69, Seksyen 3 BB Bangi, Selangor.	10.00 pagi - 12.00 tgħri	<i>Mukhtasar Sahih Muslim</i>
			2.30 ptg - 4.30 ptg	<i>Muqaddimah Sahih Muslim</i>

Kelantan				
HARI	TEMPAT	WAKTU	KITAB	
Sabtu (Minggu 1,3 & 5)	Tingkat 3, Bangunan Tabung Hajji Lema; Kota Bharu, Kelantan	9.00 pagi	<i>Sahih al-Bukhari</i>	
Selasa	Masjid Muhammedi Kota Bharu, Kelantan	Selepas Solat Isya'	<i>Sunan Abi Daud</i>	
Rabu	Masjid Langgar Kota Bharu, Kelantan	Selepas Solat Isya'	<i>Sahih Muslim</i>	

Sebarang pertanyaan berkenaan jadual Kuliah, sila hubungi:  
**Kota Bharu**: 015-9120859 Ust. Badrul Hosen  
**Bangi**: 019-9201110 En. Hafizuddin / 013-908 6628 En. Mohd Zaim  
**Seri Kembangan**: 012-353 0520 En. Syaiful Hossen / 012-298 1198 En. Fauzi  
**MSU**: 012-383 3167 En. Nazli / 012-233 7678 En. Zukhil  
**Restoran Nelayan**: 019-353 4551 En. Abd. Qayyum / 012-383 6705 En. Hj. Zainal  
**Sumbangan ikhlas untuk pengurusan kuliah boleh dibuat terus ke akaun:**  
**112028198525** (Maybank) - **Mohd Zaim** "Mohon sms ke nombor 013-908 6628 sebelum transaksi"

Designed by: rissaalah.com.my      Official website: www.dsaulkaysar.net      Group : Kuliah Persemua Maulana Asri      Fan page : Maulana Muhammad Asri Yusoff      [f](#)

Sumber: “Maulana Muhammad Asri Yusoff”, Laman Facebook, Disemak 27 Mac 2015, Dicapai 4 April 2015, [https://www.facebook.com/MMAYUSOFF/photos\\_stream](https://www.facebook.com/MMAYUSOFF/photos_stream).

Di antaranya ialah di pada setiap minggu hari Sabtu dan Ahad beliau mengajar di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Dilihat dalam jadual pada minggu pertama dan ketiga hari sabtu malam beliau mengajar di MSU Shah Alam, Selangor iaitu menggunakan kitab *Jāmi' al-Tirmidhī* manakala pada minggu pertama dan ketiga hari Ahad pula waktu paginya di MSU Shah Alam, Selangor iaitu mengajar kitab *Mishkātul Maṣābih* dan di Restoran Nelayan, Jalan Gombak, Kuala Lumpur pula waktu petang mengajar kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* jilid 1.<sup>194</sup>

Muhammad Asri pada minggu kedua dan keempat pada hari Sabtu malam, beliau mengajar di Surau Asy-Syarif, Seri Kembangan, Selangor iaitu menggunakan kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* jilid 2 dan pada hari Ahad di waktu pagi dan petang, beliau mengajar di Rumah

<sup>194</sup> “Maulana Muhammad Asri Yusoff”, Laman Facebook, Disemak 27 Mac 2015, Dicapai 4 April 2015, [https://www.facebook.com/MMAYUSOFF/photos\\_stream](https://www.facebook.com/MMAYUSOFF/photos_stream).

Fikir, Bandar Baru Bangi, Selangor. Pada waktu pada di Rumah Fikir, beliau menggunakan kitab *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim* dan di waktu petangnya menggunakan kitab *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim*. Di Kelantan pula, pada waktu pagi hari Sabtu minggu pertama, ketiga dan kelima, beliau mengajar di Bangunan Tabung Haji Lama, Kota Bharu, Kelantan iaitu menggunakan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.<sup>195</sup>

Pada waktu malam, pada setiap minggu hari Selasa selepas solat Isyak iaitu di Masjid Muhammadi, Kota Bharu Kelantan iaitu menggunakan kitab *Sunan Abi Daud*. Dan pada hari Rabu malam setiap minggu iaitu selepas solat Isyak, beliau mengajar di Masjid Langgar, Kota Bharu, Kelantan iaitu menggunakan kitab *Ṣaḥīḥ Muslim*. Pengajian adalah dijalankan secara percuma dan dana untuk pengajian adalah dengan menggunakan sumbangan orang ramai secara perseorangan ke dalam tabung derma yang disediakan.<sup>196</sup>

### **Penulisan Buku-Buku:**

Maulana juga pengarang buku-buku seperti buku tentang Ibn Ishak: Peranannya dalam penyebaran fahaman Syiah, Saidina Muawiyyah Khalifah Rasyid yang teraniaya, „Umar al-Khattab disanjung atau dihina, Pengaruh Syiah dalam tasawuf dan tariqat, Kamus dan banyak mensyarahkan kitab-kitab hadith. Beliau adalah satu-satunya ulama di Malaysia yang telah khatam mensyarahkan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Jāmi' at-Tirmizi*, *Mishkātul Maṣābiḥ*, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abi Dāwud* antara kitab-kitab yang diajar oleh Muhammad Asri. Selain itu Maulan Asri menulis buku-buku seperti buku:

### **Maqalat Asr**

<sup>195</sup> "Maulana Muhammad Asri Yusoff", Laman Facebook.

<sup>196</sup> *Ibid.*

Di dalam buku ini dimuatkan tentang artikel-artikel dan tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh Muhammad Asri sama ada yang diterbitkan di dalam buku, majalah, ataupun yang diterbitkan sendiri.<sup>197</sup>

### **Kamus: Hindi (Sanskrit) - Melayu**

Buku ini adalah kamus Hindi (Sanskrit) kepada bahasa Melayu yang pertama dan julung-julung kali diterbitkan di alam persuratan Melayu. Di dalamnya mengandungi bahasa Hindi dan bahasa Hindi basahan. Selepas dikemukakan setiap perkataan bahasa Hindi dikemukakan juga bersama-sama bahasa asal yang merupakan puncanya, bentuk perkataan dan juga jantinanya seperti yang terpakai dalam bahasa Hindi. Transkripsi bagi setiap perkataan Hindi diberikan supaya dapat diketahui cara membaca dan menyebutnya. Setiap perkataan Hindi ditulis dalam tulisan Hindi yang lebih dikenali dengan tulisan Devanageri. Bukan hanya satu atau dua erti bagi sesuatu perkataan Hindi diberikan, malah jika ia mempunyai banyak erti, kadang-kadang sampai berpuluhan-puluhan erti diberikan. Selain bahasa biasa, bahasa kiasan, bahasa sindiran, simpulan bahasa dan peribahasa Hindi juga turut disertakan.

Terkandung juga istilah-istilah berbagai bidang ilmu pengetahuan seperti kebudayaan, adat resam dan agama. Perkataan-perkataan yang sama daripada punca bahasa yang berbeza dikemukakan secara berasingan supaya tidak menimbulkan kekeliruan. Punca-punca bahasa bagi sesuatu perkataan, bentuk-bentuknya dan jantinanya diberikan dengan betul dan tepat. Memperkenalkan huruf-huruf tulisan Hindi dan persamaannya dengan huruf-huruf Rumi dan Jawi, di samping contoh-contoh yang mudah untuk difahami. Satu lampiran yang memuatkan lebih dari 800 perkataan daripada bahasa Sanskrit dan

---

<sup>197</sup> Hazim bin Muhammad Asri (anak Maulana Muhammad Asri bin Yusoff), dalam temubual dengan pengkaji di Surau Asy-Syarif Seri Kembangan, Selangor, 22 Ogos 2015.

bahasa Hindi yang dipinjam bahasa Melayu sebagai contoh disertakan di hujung kamus. Kaedah-kaedah pemelayuan bahasa Sanskrit dan bahasa Hindi juga dikemukakan dalam lampiran yang sama. Ia juga mendedahkan akar umbi sejumlah besar perkataan-perkataan Melayu yang berpunca daripada bahasa Hindi dan Sanskrit.<sup>198</sup>

### **Syiah Rafidhah: Di Antara Kecuaian Ulama“ Dan Kebingungan Ummah**

Buku yang bertajuk: Syiah Rafidhah: Di Antara Kecuaian Ulama“ dan Kebingungan Ummah adalah karya Maulana Muhammad Asri Yusoff. Di dalamnya diceritakan tentang ajaran Syiah dan siapakah Syiah Rafidhah dengan lebih terperinci. Dinyatakan juga di dalamnya berkaitan punca kekeliruan sesetengah ulama“ tentang Syiah dan bermulanya usaha-usaha pendekatan di antara Sunnah dan Syiah. Buku ini juga menyingkap kembali sejarah dan cara-cara yang biasa digunakan oleh pengembang-pengembang Syiah bagi mengelirukan ummah. Akhir sekali dinyatakan pula pandangan-pandangan dan fatwa-fatwa ulama“ muktabar di sepanjang sejarah tentang Syiah.<sup>199</sup>

### **Bahaya Syiah Kepada Akidah, Syariah, Akhlak Ummah dan Negara**

Buku yang bertajuk “Bahaya Syiah Kepada Akidah, Syariah, Akhlak Ummah dan Negara” disediakan oleh Maulana Muhammad Asri Yusoff dan disunting kemudiannya oleh Ustaz Ahmad Nasim bin Abdul Rauf. Di dalamnya di bahagikan kepada empat perkara bahayanya syiah kepada akidah, syariah, Akhlak dan Negara. Di mana dijelaskan tentang akidah, syariah, akhlak dan negara yang bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah

---

<sup>198</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Kamus: Hindi (Sanskrit) - Melayu* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 2014).

<sup>199</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Syiah Rafidhah: Di Antara Kecuaian Ulama’ Dan Kebingungan Ummah* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 2005).

contohnya dari segi akidah seperti perbuatan syirik kepada Allah dan turut menjelaskan puncanya.<sup>200</sup>

### **Madzhab Fiqh Sayyidina „Umar r.a. jilid 1:**

Buku ini adalah terjemahan oleh Muhammad Asri berkaitan dengan fiqh Sayyidina „Umar r.a. yang mana di dalamnya menceritakan tentang Sayyidina „Umar r.a. Beliau adalah seorang yang pintar dalam mengeluarkan hukum dan mempunyai ketepatan dalam banyak pendapatnya. Beliau juga merupakan salah seorang ahli Majlis Syura pada zaman Nabi s.a.w. dan turut dinyatakan pendapatnya yang selari dengan kehendak al-Qur'an. Seterusnya dalam masa beliau menjadi Khalifah berlaku banyak pembaharuan dalam negara dan politik serta hukum adalah berdasarkan ijтиhadnya. Buku ini juga memaparkan tentang usul fiqh Sayyidina „Umar r.a dan kemudiannya dimasukkan Bab Thaharah, Bab Solat serta Bab membicarakan orang mati.<sup>201</sup>

### **Madzhab Fiqh Sayyidina „Umar r.a. jilid 2:**

Buku Madzhab Fiqh Sayyidina „Umar r.a. ini adalah sambungan daripada buku Jilid 1 yang diterjemahkan oleh Muhammad Asri. Di dalam Jilid 2 ini mengandungi empat bab besar dengan dimasukkan tajuk-tajuk kecil dibawahnya yang sangat banyak. Ia bermula dengan Bab Zakat, Bab Puasa, Bab Haji dan diikuti dengan Bab Mua'malah. Bab Mua'malah mengambil ruang yang lebih banyak dalam jilid yang kedua ini daripada bab-bab yang lain kerana aspek perbicarannya agak meluas.<sup>202</sup>

### **Fiqh Al-Imam Al-Bukhārī Di Dalam Kitab Shahihnya**

---

<sup>200</sup> Ahmad Nasim bin Abdul Rauf, *Bahaya Syiah Kepada Akidah, Syariah, Akhlak Ummah Dan Negara* (Selangor: R&D, Jabatan Agama Islam Selangor, 2011).

<sup>201</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Madzhab Fiqh Sayyidina ‘Umar r.a.* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 1988), Jilid 1.

<sup>202</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Madzhab Fiqh Sayyidina ‘Umar r.a.* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 1988), Jilid 2.

Di dalam bukunya ini beliau menjelaskan tentang fiqh Imam al-Bukhārī yang ada di dalam kitab sahihnya. Di dalam kitab sahih beliau telah membahagikan hadith kepada beberapa bab besar iaitu „Aqidah, Hukum, Hakam, Fitān, Adab, Sirah dan Sejarah, Riqaq, Tafsir, Manaqib. Muhammad Asri turut cuba mengemukakan tentang fiqh al-Bukhārī dari dari bentuk iaitu penjelasan secara umum dan penjelasan secara khusus.<sup>203</sup>

### **Sayyidina Mu‘awiyah: Khalifah Rashid Yang Teraniaya**

Kisah di dalam buku ini diceritakan tentang Sayyidina Mu‘awiyah yang diburuk-burukkan tentang perlakunya terutamanya golongan Syi‘ah. Seterusnya Muhammad Asri menjelaskan tentang hadith Rasulullah s.a.w. tentang Mu‘awiyah adalah antara sahabat yang dijamin syurga. Turut dinyatakan tentang pujian ulama“ kepada Mu‘awiyah. Mu‘awiyah dinyatakan bahawa seorang yang mulia, amanah dan hebat kerana beliau salah seorang penulis wahyu dan juga menjadi gabenor di zaman Sayyidina Umar dan Uthman. Kemudian beliau seterusnya menjadi khalifah dan dapat menyatukan dua golongan umat Islam yang berpecah. Sahabat-sahabat juga sangat mengiktiraf beliau termasuk juga Sayyidina Hasan dan Sayyidina Husin.<sup>204</sup>

### **„Umar al-Khaṭṭāb Disanjung atau Dihina**

Buku ini menceritakan tentang motif berlakunya tabarra di sebalik hukuman hudud ke atas anak Sayyidina Umar r.a. Kisah rekaan kepada Sayyidina Umar r.a. yang dikatakan pernah membunuh anak perempuannya. Buku ini juga menyingkap dua peristiwa masyhur yang

<sup>203</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Fiqh al-Imam al-Bukhārī Di Dalam Kitab Shahihnya* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 2014).

<sup>204</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Sayyidina Mu‘awiyah: Khalifah Rashid Yang Teraniaya* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 2007).

berlaku ke atas Amirul Mukminin Sayyidina Umar r.a. dan mendedahkan kebenarannya serta apakah motif disebaliknya.<sup>205</sup>

### **Pengaruh Syi'ah Dalam Tasawwuf Dan Tariqat**

Di dalam buku ini menjelaskan tentang pengaruh syi'ah dalam tasawwuf dan tariqat seperti kisah-kisah yang memuja Ali, kepercayaan terhadap Imam Mahdi Syi'ah, melebihkan wali dari nabi, mempercayai para wali adalah manusia maksum, para wali mendapat wahyu, dikunjungi malaikat, selalu bercakap dengan Allah dan selalu pula Mikraj ke langit. Di dalamnya turut mengutarakan contoh-contoh konkret dan membincangkan aspek-aspek kesesatan dalam tasawwuf. Dengan penerangan ringkas dan tepat sebagai panduan kepada mereka yang cuba mencari jalan untuk mencapai maqam yang tinggi di sisi Allah.<sup>206</sup>

### **Pedoman Homeopati**

Buku ini adalah daripada buku perubatan Homeopati yang berbahasa Urdu dan kemudiannya diterjemahkan oleh ke dalam Bahasa Melayu oleh Muhammad Asri. Buku ini dipersembahkan dalam gaya bahasa mudah sehingga memudahkan pemahaman kepada mereka yang memiliki pengetahuan asas. Dimasukkan di dalamnya tentang dua aliran perubatan iaitu Homeopati dan Yunani. Muhammad Asri juga memasukkan informasi tentang sejumlah besar penyakit yang tersebar dari pelbagai jenis masyarakat. Beliau kemudian mengemukakan panduan rawatan pelbagai penyakit secara lengkap menggunakan ubat-ubat homeopati dan biokimia.<sup>207</sup>

<sup>205</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Umar al-Khattab Disanjung atau Dihina* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 1978).

<sup>206</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Pengaruh Syi'ah Dalam Tasawwuf Dan Tariqat* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 2007).

<sup>207</sup> Dr. Hakeem Mirza Muhammad Amin, *Pedoman Homeopati*, ed. Maulana Muhammad Asri (Kubang Kerian: Pustaka Bisyarah, 2011), 514.

## **Siri Pemurnian Sejarah Awal Islam - SIRI 3**

Di dalam buku ini adalah untuk menceritakan tentang anak cucu Rasullulah s.a.w. yang dilupai dan dipinggirkan serta pemurnian terhadap beberapa kisah yang berkaitan dengan Sayyidina Hasan dan Husin. Menjelaskan peristiwa pembunuhan yang berlaku kepada Sayyidina Husin Di Karbala". Dirungkaikan juga tentang kisah kehidupan dan sejarah keturunan Rasulullah s.a.w. yang kurang diceritakan malah dipinggirkan dalam kebanyakan buku-buku sejarah Islam.<sup>208</sup>

### **Ibn Ishaq: Peranannya Dalam Penyebaran Fahaman Syi'ah Di Kalangan Ummah**

Pada permulaan bab di dalam buku ini Muhammad Asri menjelaskan tentang Ibn Ishaq dan kata-kata ulama" terhadapnya. Ibn Ishaq mengambil cerita-ceritanya dari orang yang kebanyakannya adalah dikategorinya oleh ulama"-ulama" sebagai dha,jf riwayatnya. Seterusnya di nyatakan tentang penyelewengan yang dilakukan oleh Ibn Ishaq di dalam cerita tentang *maghazi* dan cerita lain. Muhammad Asri juga menyangkal cerita-cerita yang dibawakan dengan mengikut kepada logik akal yang tidak mungkin peristiwa seperti itu boleh berlaku. Kemudian di masukkan cerita-cerita yang menurut Imam al-Bukhārī yang mengambil daripada orang yang terlibat dengan peristiwa tersebut.<sup>209</sup>

### **3.6 KESIMPULAN**

Dapat dilihat bahawa Muhammad Asri banyak menyumbangkan dalam pengajian hadith di mana beliau berjaya menujuhkan pusat pengajian di Kelantan. Dengan penubuhan pusat pengajian ini beliau dapat menjalankan cara pengajaran yang menggunakan cara beliau sendiri dalam mengajar hadith. Di samping penubuhan pusat pengajian Dar al-Kauthar,

---

<sup>208</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Siri Pemurnian Sejarah Awal Islam - Siri 3* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 2015).

<sup>209</sup> Muhammad Asri Yusoff, *Ibnu Ishaq: Peranannya Dalam Penyebaran Fahaman Syi'ah Di Kalangan Ummah* (Kelantan: Pustaka Bisyarah, 2008).

beliau juga turut menyampaikan cara pengajaran kepada masyarakat awam di beberapa buah negeri seperti di Kelantan, Kuala Lumpur dan Selangor.

Di dalam pengajian beliau terdapat beberapa perbezaan di antara pengajian yang dijalani di Deoband dan juga turut dimasukkan beberapa cara pengajian mengikut kepada sistem ahli hadith. Beliau juga turut menghasilkan buku-buku untuk pengajian hadith yang dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang beberapa jenis ilmu di samping ilmu hadith. Muhammad Asri juga cuba memurnikan tentang kisah-kisah yang salah difahami oleh masyarakat tentang sesuatu cerita yang direka-reka.

## **BAB 4: APLIKASI PENGAJIAN HADITH MENGGUNAKAN MANHAJ DEOBANDY**

### **4.1 PENGENALAN**

Muhammad Asri menggunakan metode beliau sendiri dalam mengajar masyarakat di beberapa kawasan di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Kelantan. Di dalam bahagian ini pengkaji akan menjelaskan tentang aplikasi cara pengajaran dan pembelajaran hadith oleh Muhammad Asri di kedua-dua tempat iaitu pengajiannya kepada masyarakat awam di beberapa buah tempat dan di Pusat Pengajian Dar al-Kauthar. Di dalam ini akan dihuraikan secara terperinci tentang cara yang digunakan untuk mengajar hadith di kedua-dua buah tempat ini.

### **4.2 METODE PENGAJIAN HADITH**

Metode yang digunakan oleh Muhammad Asri adalah cara yang lebih kurang sama dengan cara pengajaran-pengajaran *talaqqi* yang lain yang mana Muhammad Asri menggunakan metodenya yang tersendiri dalam menyampaikan ilmu hadith dengan menggunakan kitab-kitab hadith yang muktabar seperti *Saḥīḥ al-Bukhārī*, *Saḥīḥ Muslim*, *Jāmi' al-Tirmidhī*, *Sunan Abī Dāwud*, dan *Mishkātul Maṣābih*. Pengajaran hadith yang dijalankan oleh Muhammad Asri ini menggunakan kitab-kitab hadith yang mana beliau telah mengasingkan kitab-kitab hadith tersebut dengan mengasingkan bab-bab yang akan diajar melalui sesuatu kitab. Contohnya di dalam kitab *Saḥīḥ al-Bukhārī* terdapat kitab Iman maka di dalam kitab tersebut beliau akan membahagikannya kepada beberapa bahagian. Beberapa bahagian itu akan mengambil masa sehingga dua, tiga, empat, lima, tujuh atau lapan kali pertemuan. Maka ia akan melebihi sebulan untuk mempelajari bahagian-bahagian di dalam kitab hadith

tersebut. Ini kerana bagi setiap bahagian dalam kitab hadith tersebut beliau mengambil masa dalam dua minggu sekali sahaja untuk mengajar iaitu diperuntukkan masa hanya selama dua jam.

Kertas-kertas yang telah dibahagikan mengikut bahagian itu adalah yang telah difotokopi sendiri oleh penganjur dan bayarannya adalah sebanyak tiga ringgit untuk satu bahagian bab tersebut. Jadi penuntut perlu membeli sendiri untuk mendapatkan bahagian kertas tersebut yang akan diajar oleh Muhammad Asri di dalam kuliahnya. Penuntut akan membeli bahagian bab dalam kertas tersebut untuk dibawa ke dalam kuliah Muhammad Asri. Penuntut juga akan menyediakan pen untuk menulis segala tambahan maklumat yang akan diberitahu oleh Muhammad Asri dan akan ditulis maklumat tersebut di dalam kertas itu. Segala tambahan maklumat adalah menurut kepada guru-gurunya dan juga kajian yang turut dibuat oleh Muhammad Asri melalui pembacaannya.

Menurut Che Samsudin kebanyakan yang datang untuk mendengar kuliah-kuliah beliau adalah dalam kalangan orang-orang yang mengetahui tentang asas-asas pengajian Islam dan juga sekurang-kurangnya memahami bahasa Arab walaupun pada tahap yang sedikit iaitu mengetahui beberapa maksud perkataan yang digunakan dalam ilmu hadith. Dikatakan juga perbincangan dan huraian yang dibawa oleh Muhammad Asri lebih bersifat ilmiah. Para pendengar yang hadir juga kebanyakannya apabila mengikuti kuliah-kuliah beliau ini mempunyai kitab-kitab berkenaan, lalu mereka mencatat dan merekodkan apa-apa yang disampaikan oleh Muhammad Asri, ia boleh dikatakan sebagai “menadah kitab” iaitu bukan hanya sekadar mendengar semata-mata.<sup>210</sup> Mereka akan menulis apa-apa tambahan maklumat yang diterima daripada pengajaran oleh Muhammad Asri di dalam kertas ataupun di dalam buku catatan masing-masing.

---

<sup>210</sup> *Ibid.*, 111.

Persamaan dari segi pengajaran oleh Muhammad Asri dengan pengajian-pengajian kitab hadith *bertalaqqi* yang lain ialah dengan pengajarannya berlaku di mana guru berada di hadapan. Para pelajar akan berkumpul di hadapan guru bagi mendengar segala penyampaian ilmu yang dibuat oleh guru. Ini menunjukkan bahawa semua pengajian *bertalaqqi* yang lain juga menggunakan metode yang sama iaitu berhadapan dengan guru dalam sesi pembelajarannya. Ini sebenarnya memudahkan pelajar untuk mendengar sendiri apa-apa yang disampaikan oleh guru secara dekat dan tidak mudah untuk berlakunya penambahan-penambahan cerita daripada mana-mana pihak.

Menurut Che Samsudin jika diteliti kaedah pengajaran Maulana Muhammad Asri adalah berbeza sedikit jika dibandingkan dengan tokoh-tokoh yang lain. Pada permulaan pengajaran akan dimulakan dengan membaca *sanad* dan *matan* hadith yang berkaitan. Beliau seterusnya mengambil masa panjang bagi membincangkan dan menghuraikan berkaitan ‘*Ulūm al-Hadīth* seperti identiti *rijal* ada dalam *sanadnya*, kalimah-kalimah dalam *matan* dan seumpamanya sehingga dapat difahami tentang kekuatan dan kesahihan hadith tersebut. Beliau menerangkan tentang pengertian sesuatu hadith dengan panjang lebar dan turut menyentuh aspek *Asbāb Wurūd al-Hadīth* yang akan memberi pengetahuan tentang intisari dan hukum dari hadith itu.<sup>211</sup>

Menurut pendapat Che Samsudin apa yang dilakukan oleh Maulana Muhammad Asri ialah pada dasarnya beliau cuba memilih di antara kaedah-kaedah tradisi dalam pengajian hadith yang telah dilalui oleh para ulama“ hadith terdahulu, sebagaimana yang

---

<sup>211</sup> *Ibid.*, 112.

dicatat oleh Muhammad Jamal al-Dīn al-Qasīmī bahawa ada tiga cara para ulama“ hadith menyampaikan pengajarannya<sup>212</sup>:

- i. *Al-Sard*; di mana guru (*Sheikh*) atau pembaca membaca sesebuah kitab dari kitab-kitab dalam bidang Hadith tanpa mengemukakan perbahasan sama ada dari aspek bahasa, *fiqh*, nama-nama *rijal* dan seumpamanya.
- ii. *Tariq al-Hill wa Bahth*; iaitu guru mengambil sedikit masa selepas sesebuah hadith dibacakan bagi memberi ruang untuk membincangkan aspek lafaz-lafaz *gharīb*, nama-nama yang terdapat dalam *sanadnya*, masalah yang boleh diterbitkan dari nas berkenaan (*fiqh*) dan sebagainya. Huraian-huraian yang diberikan tidaklah panjang, malah kemudiannya ia beralih kepada pembacaan Hadith yang seterusnya.
- iii. *Tariq al-Iman*; iaitu memberi penekanan kepada setiap kalimah dan perkara yang terdapat di dalamnya. Contohnya guru akan membincangkan aspek kalimah *gharib*, contoh-contoh dari *kalam* penyair dan seumpamanya. Ia juga turut memberi penekanan dalam aspek *rijal* serta masalah-masalah *fiqh* yang terbit daripadanya secara mendalam.

Kaedah pengajaran hadith yang dibawa oleh Maulana Muhammad Asri dilihat lebih mirip kepada *Tariq al-Im'an*, walaupun skop huraian perkara-perkara berkenaan dalam kuliah-kuliah hadith yang dikendalikannya mungkin tidak mencapai tahap yang sebenar yang telah dilalui oleh ulama“ hadith terdahulu. Namun apa yang hendak dirumuskan dalam kajian ini ialah beliau telah terkehadapan dalam memilih kaedah ini berbanding dengan tokoh-tokoh ulama“ lain.<sup>213</sup> Muhammad Asri juga mengajar hadith mengikut kepada bahasa masyarakat iaitu diperjelaskan sesuatu hadith itu di dalam bahasa melayu cuma ada

<sup>212</sup> Che Samsudin bin Mohamed Noor, *Pengajian Hadis Di Kelantan; Satu Kajian Di Institusi Pengajian Pondok* (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Bersama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 112-113.

<sup>213</sup> *Ibid.*, 113.

beberapa istilah-istilah hadith yang masih dikenalkan. Namun Muhammad Asri akan menjelaskan tentang maksud istilah-istilah itu di dalam bahasa Melayu. Pengajian kepada masyarakat awam, Muhammad Asri lebih menekankan kepada cara *sama' 'ala al-Sheikh*.

Dengan meneliti dan perhatian yang dibuat oleh pengkaji, Muhammad Asri memulakan setiap bab dengan bacaan hadith yang berkaitan dengan bab tersebut. Kemudian diuraikan setiap rantaian sanad dan jika terdapat perawi yang menjadi perbualan dalam kalangan ulama" maka akan diceritakan dengan secara terperinci. Dihuraikan juga berkaitan dengan matan hadith itu dengan menjelaskan matan tersebut. Dan jika terdapat kesalahan pada matan itu akan dinyatakan. Kemudian akan didatangkan hadith dengan sanad dan matan yang lain yang berbeza sedikit tetapi membawa maksud yang sama bagi menyokong hadith yang sebelumnya. Sebelum menamatkan sesi pengajaran beliau selama satu sesi tersebut, beliau membenarkan pelajar-pelajarnya untuk bertanyakan soalan. Sesi soal jawab dilakukan dengan sesiapa sahaja boleh bertanyakan soalan dan soalan juga boleh merangkumi pelbagai soalan yang tidak hanya soalan yang hanya berkisar pembelajaran pada hari itu semata-mata. Masa untuk pengajian ini adalah secara terbuka kerana mereka akan mempelajari hadith dengan secara terperinci dengan diterangkan secara satu persatu segala maksud yang ada di dalam hadith tersebut.

Cara pengajian di *Dār al-Kauthār* agak berbeza sedikit kerana mereka adalah anak murid yang mempelajari satu persatu yang mengikut kepada sistem yang diasaskan oleh Muhammad Asri sendiri di dalam pengajian hadith. Di mana pelajar-pelajarnya di *Dār al-Kauthār* akan mengikut kepada *Dawrah al-Hadīth* selama dua tahun. Pengajian hadith di *Dār al-Kauthār* lebih cepat berbanding pengajian yang disampaikan kepada masyarakat awam. Dan mereka akan disoal jawab oleh Muhammad Asri bagi melihat kepada tahap kefahaman mereka masing-masing. Selain itu, mereka juga akan membacakan hadith

kepada guru-guru mereka bagi memperbaiki dan membetulkan bacaan mengikut kepada hadith sesuatu hadith itu. Pengajian di sini juga, Muhammad Asri memberi pendekatan kepada muridnya dengan cara *Qira‘ah ‘alā Sheikh* atau dengan cara *sama ‘alā al-Sheikh* yang berbeza dengan cara kepada pengajian yang dijalankan kepada masyarakat awam iaitu hanya menekankan kepada *sama ‘alā al-Sheikh* sahaja.

Di pusat pengajian *Dār al-Kauthār* juga, pelajar-pelajar akan mempelajari hadith selama tempoh masa yang telah ditetapkan iaitu selama 2 tahun berbeza dengan pengajian yang dijalankan kepada masyarakat awam yang lebih memperuntukkan masa yang lama. Di mana pengajian hadith yang dijalankan kepada masyarakat awam adalah secara terbuka tanpa ada tempoh had masa. Tempoh yang singkat yang dalam mempelajari *Dawrah al-Hadīth* di pusat pengajian *Dār al-Kauthār* adalah kerana kebanyakan pelajar-pelajarnya telah pun mendalami secara mendalam ilmu-ilmu yang mendalam untuk mempelajari hadith. Selepas pelajar-pelajar di pusat pengajian ini tamat pengajian mereka akan mendapat *sanad al-Kauthār*.

Persamaan di kedua-dua tempat iaitu di *Dār al-Kauthār* dan kepada masyarakat awam ialah Muhammad Asri mengajar dan diperjelaskan setiap sanad dan matan hadith dengan bahasa Melayu. Selain itu, Muhammad Asri mengajar untuk lebih berfikiran terbuka dalam menilai sesuatu mazhab iaitu tidak hanya terikat kepada sesuatu mazhab sahaja dan cara ini adalah sama dengan cara yang mengikut kepada sistem ahli hadith. Disamping itu juga, sistem ini sama dengan sistem-sistem yang mana tidak mensyaratkan

untuk menghafal hadith. Namun dengan terdapatnya cara untuk menghafal al-Qur'an menjadikan setiap pelajarnya mudah untuk menghafal hadith.<sup>214</sup>

Muhammad Asri dikatakan beraliran Deobandy kerana salasilah guru beliau sampai kepada Muhammad Qasim Nanotwi yang merupakan pengasas kepada aliran Deobandy. Selain itu, Muhammad Asri mempelajari hadith pusat-pusat pengajian hadith yang beraliran Deobandy seperti di Nahdatul „Ulama“ di Lucknow dan Jāmiyah al-„Ulūm, Karachi serta di beberapa tempat di India. Di dalam pengajian beliau, Muhammad Asri mengajar dengan mengikut kepada aliran Deobandy yang mana aliran ini tidak menolak aliran tasawwuf dan tariqat yang diterima oleh ulama-ulama muktabar dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Muhammad Asri turut memberi penumpuan terhadap „Ulūm „Aqliyyah dan „Ulūm Syarīyyah yang merupakan antara pegangan aliran Ahli hadith dan Deobandy di dalam pengajiannya. Selain itu, Muhammad Asri turut menggunakan aliran Ahli Hadith iaitu di mana Muhammad Asri tidak terikat hanya kepada satu mazhab dan aliran sahaja dalam mendatangkan pandangan beliau terhadap hadith yang disyarahkan. Beliau lebih cenderung untuk menerima kedua-dua aliran yang mana setiap aliran mempunyai kelebihannya masing-masing iaitu aliran Ahli Hadith lebih cenderung kepada Muhaddithin Hijaziyyin manakala aliran Deobandy lebih cenderung kepada Ashab al-Ra'yi.

Walaupun Muhammad Asri menggabungkan kedua-dua aliran, tetapi pengkaji aliran Deobandy lebih kuat kerana beliau mempelajari hadith daripada guru-guru dan pusat-pusat pengajian yang beraliran Deobandy. Ini dapat dikesan kerana di dalam pengajiannya turut diceritakan tentang cerita Israiliyyat yang ada dimuatkan di dalam kitab untuk diperjelaskan tentang sesuatu hadith, namun Muhammad Asri memaklumkan bahawa cerita

---

<sup>214</sup> Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel @ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

itu adalah cerita Israiliyat yang diambil dari orang Yahudi yang telah memeluk Islam. Cerita-cerita ini juga digunakan oleh para sahabat sebagai satu konsep perbandingan agama. Selain itu penggunaan syair-syair turut dimasukkan ketika mensyarahkan hadith-hadith. Muhammad Asri dilihat menggunakan kedua-dua manhaj tersebut dan mengambil manfaat daripada kedua-duanya.

### 4.3 KAJIAN TERHADAP PENGAJIAN MUHAMMAD ASRI

Pengkaji telah menggunakan cara “Focus Group Discussion” iaitu Diskusi Kelompok Terarah dalam membuat kajian iaitu seramai 20 orang yang telah di pilih dalam kalangan pelajar-pelajar yang telah mengikuti kelas pengajian hadith Muhammad Asri. 3 orang pelajar daripada 20 pelajar pula di pilih untuk berbincang bagi menjawab soalan secara terbuka. Di sini pengkaji akan menerangkan tentang dapatan kajian penulis terhadap pandangan semua pelajar-pelajar berkaitan dengan pengajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Asri. Berikut di lampirkan hasil perbincangan tersebut:

#### 4.3.1 Latar Belakang Responden

Jadual 4.3.1: Latar Belakang Responden

<b>Latar Belakang Responden</b>		<b>N</b>	<b>%</b>
<b>Jantina</b>	Lelaki	18	90.0
	Perempuan	2	10.0
<b>Umur</b>	1-30 tahun	13	65.0
	31-61 tahun	5	25.0
	62 tahun ke atas	2	10.0
<b>Taraf Perkahwinan</b>	Bujang	13	65.0
	Berkahwin	7	35.0
<b>Tempat Tinggal</b>	Bandar	16	80.0
	Luar Bandar	4	20.0
	Tanah Rancangan	0	0.0
<b>Kelayakan Akademik</b>	Ijazah Sarjana	4	20.0
	Ijazah Sarjana Muda	9	45.0
	Diploma/STPM/STAM	4	20.0
	SPM/SMA	2	10.0
	Sijil	1	5.0
	Jumlah	20	100.0

Sumber: Perbincangan secara “Focus Group Discussion” 2016

Menurut jadual 4.3.1 menunjukkan jumlah responden adalah seramai 20 orang (100 %). Responden lelaki ialah seramai 18 orang (90 %) manakala jumlah responden perempuan ialah seramai 2 orang (10 %). Lebihan respondelelaki adalah melebihi daripada responden perempuan iaitu seramai 16 orang sahaja. Hal ini menunjukkan perbezaan yang ketara antara responden lelaki dan perempuan.

Selain itu, umur responden dari 1-30 tahun adalah seramai 13 orang (65.0 %), responden dari umur 31-61 tahun adalah seramai 5 orang (25.0 %), dan responden dari umur 62 tahun ke atas pula adalah seramai 2 orang (10.0 %). Status perkahwinan dalam jadual ini menunjukkan bahawa responden yang bujang ialah seramai 13 orang (65.0%) dan responden yang berkahwin ialah seramai 7 orang (35.0%).

Dalam jadual ini juga menunjukkan status tempat tinggal responden iaitu yang tinggal di bandar ialah seramai 16 orang (80.0 %), responden yang tinggal di luar bandar pula ialah seramai 4 orang (20.0 %), dan responden yang tinggal di tanah rancangan ialah seramai 0 orang (0.0 %).

Bagi kelayakan akademik responden dalam jadual ini pula menunjukkan bahawa responden yang mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana ialah seramai 4 orang (20.0 %), responden yang mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda pula ialah seramai 9 orang (45.0 %), responden yang mempunyai kelayakan Diploma/STPM/STAM ialah seramai 4 orang (20.0 %), responden yang mempunyai kelayakan SPM/SMA ialah seramai 2 orang (10.0 %), dan responden yang mempunyai sijil ialah seramai 1 orang (5.0%).

#### **4.3.2 Perbincangan Dalam “Focus Group Discussion”**

Laporan 4.3.2: Focus Group Discussion

#### **“FOCUS GROUP DISCUSSION”**

<b>TAJUK</b>	Pendekatan Maulana Asri Di Dalam Pengajian Hadith
<b>TARIKH</b>	22 March 2016 (Selasa)
<b>MASA</b>	9.00 Malam – 10.30 Malam
<b>TEMPAT</b>	Surau Asy-Syarif Seri Kembangan
<b>KEHADIRAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Muhammad Firdaus bin Zabri (Penulis)</li><li>2. En. Mohd Rusdy bin Hasan</li></ol>

	<p>3. En. Muhamad Ramzul bin Muhamad Nor</p> <p>4. En. Abu Farhan Mohd Faishal Abd Rafar</p>
<b>PENGENALAN</b>	Sesi temubual dimulakan dengan bacaan bismillah, selawat dan sesi ta’aruf dimulakan. Penulis juga turut menceritakan tentang kajian yang dibuat oleh penulis secara terperinci.
<b>AGENDA</b>	<p>1. En. Mohd Rusdy menjelaskan bahawa pengajian Maulana Asri contohnya apabila membahaskan tentang kitab <i>Sahīh al-Bukhārī</i>, beliau akan kemukakan dan bahas hadith dari segi pengajaran. Beliau juga akan bahaskan sesuatu hadith dari segi bahasa, usul hadith, termasuklah perbahasan ilmu sanad dan matan hadith serta menceritakan tentang kisah-kisah perawi hadith tersebut. Akan tetapi fokus utama perbahasan beliau adalah berdasarkan kepada pengkajian beliau sendiri melalui pembelajaran dan buku-buku. Di dalam pengajian hadith, Maulana Asri akan menyediakan nota-nota yang ditulis oleh beliau. Nota tersebut akan dimasukkan kajian beliau daripada kitab-kitab syarah kepada kitab <i>Sahīh al-Bukhārī</i> dan <i>Sahīh Muslim</i> dan turut memasukkan syarah beliau sendiri. Tujuan sebenar beliau ialah untuk menghasilkan satu kitab syarah yang berbahasa melayu di Malaysia yang pertama kerana buat masa ini masih belum ada kitab syarah berbahasa melayu yang dihasilkan di Malaysia.</p> <p>2. En. Abu Farhan menyatakan bahawa sebelum maulana Asri menghasilkan kitab syarah tersebut keutamaan beliau dalam menyampaikan hadith-hadith ialah dengan mengadakan kelas pengajian dan disampingkan itu menyebarkannya melalui youtube. Jika kita lihat banyak kuliah-kuliah beliau yang pernah disyarahkan banyak kitab-kitab telah ada dalam youtube.</p> <p>3. En. Zul menyatakan bahawa Maulana Asri di dalam pengajiannya akan mengupaskan sesuatu hadith mengikut kepada suasana dan isu di Malaysia. Kupasan hadith beliau lebih dekat dengan cara hidup orang melayu di Malaysia.</p> <p>4. En. Mohd Rusdy menyatakan bahawa sebahagian kaedah Deobandy dan Ahli Hadith digunakan oleh Maulana Asri dalam mensyarahkan hadith-hadith.</p> <p>5. En. Abu Farhan memberi tahu bahawa agak susah kalau kita ikut pengajian hadith yang lain kerana kalau kita terlepas satu pengajian atau kelas pasti kita akan ketinggalan, tetapi di dalam pengajian hadith oleh Maulana Asri agak berbeza sedikit kerana sentiasa syarahnya ada kaitan dengan yang lain. Pengajian hadith beliau agak mudah untuk diikuti walaupun yang belum ada asas dalam pengajian hadith. Apabila beliau menceritakan sesuatu cerita rasa seperti berada di dalam suasana tersebut kerana beliau boleh menceritakan satu persatu cerita dan kisah yang berlaku bagi hadith tersebut. Selain itu, beliau akan membacakan matan hadith tersebut bagi mengambil keberkatannya.</p>

	<p>6. En. Mohd Rusdy menjelaskan bahawa di dalam penyampaian hadith, Maulana Asri akan memasukkan cerita-cerita, dibahaskan hadith tersebut dan terdapatnya sesi soal jawab bagi memudahkan kita untuk lebih memahami syarahannya. Ini adalah kerana di dalam pengajian tersebut tidak semua yang mengetahui hadith, ada yang bermula dengan tahap asas.</p> <p>7. En Zul menyatakan bahawa apabila mengikuti kelas pengajiannya akan lebih mudah dan boleh faham kerana penggunaan bahasanya yang agak tepat.</p> <p>8. En. Mohd Rusdy pula menyatakan bahawa di dalam syarah beliau terutamanya syarah kitab al-Bukhārī, beliau akan membahaskan juga kenapa di dalam kitab ada bab yang Imam al-Bukhārī tidak memasukkan tajuk di dalam babnya.</p> <p>9. En. Zul menyatakan bahawa di dalam pengajian hadith oleh Maulana Asri, kita tidak akan bosan mengikuti kelas pengajiannya. Di dalam pengajiannya kita juga diajar berfikir secara kritis dengan cara Maulana Asri akan kemukakan dalil-dalil kerana sesuatu hukum itu boleh difikirkan dengan diberikan dalil-dalil dan diberikan panduan yang betul.</p>
<b>SARANAN</b>	<p>1. En. Mohd Rusdy menyatakan bahawa masyarakat perlu diberi peningkatan dari segi keilmuan kerana pada masa ini masyarakat berada dalam tahap kesedaran yang rendah tentang ilmu terutamanya kesedaran dalam bidang ilmu hadith.</p> <p>2. En. Abu Farhan mencadangkan agar ilmu pengajian hadith seperti ini disebarluaskan terutamanya di dalam rancangan televisyen.</p> <p>3. En. Mohd Rusdy menyatakan kita perlu mengambil kesempatan untuk mengikuti pegajian dan turut sama membantu beliau dalam menjalankan kelas pengajian hadith.</p> <p>4. Menurut En. Mohd Rusdy lagi, pusat pengajian seperti Universiti Malaya perlu turut memainkan peranan untuk memberikan beliau ruang untuk menyampaikan ilmu beliau berkaitan kelas pengajian kitab-kitab hadith.</p> <p>5. En. Abu Farhan mencadangkan agar dibuat pengkajian tentang cara pengurusan bagi menjadikan pembacaan kitab-kitab hadith di dalam CD.</p>
<b>TAMBAHAN</b>	En. Mohd Rusdy menceritakan tentang personaliti Maulana Asri yang mana beliau adalah seorang yang tidak berpuas hati dengan ilmu jika beliau tidak dapat mengetahui tentang sesuatu masalah ilmu agama beliau akan cari sehingga dapat. Beliau juga sangat taksub dengan ilmu.
<b>PENUTUP</b>	Salam diberikan dan temubual diakhiri dengan bacaan tasbih kafarah dan surah al-Asr pada jam 10.30 malam.

Sumber: Surau Asy-Syarif Seri Kembangan, perbincangan secara “Focus Group Discussion” pada 22 Mac 2016.

### **4.3.3 Penilaian Terhadap Metode Pengajian Hadith**


Rajah 4.3.3.1: Adakah cara pengajaran yang di laksanakan oleh Muhammad Asri bersifat tidak taksub kepada satu mazhab sahaja?



Sumber: Perbincangan secara “Focus Group Discussion” 2016

Rajah 4.3.3.1 menunjukkan bahawa seramai 19 orang responden (95.0 %) setuju menyatakan bahawa cara pengajian hadith oleh Muhammad Asri tidak taksub kepada satu mazhab sahaja dan hanya 1 orang sahaja (5.0 %) yang menyatakan tidak setuju bahawa cara pengajian hadith Muhammad Asri bersifat tidak taksub kepada satu mazhab sahaja. Ini menunjukkan bahawa cara pengajian yang telah digunakan oleh Muhammad Asri adalah tidak taksub dengan satu mazhab sahaja.


4.3.3.2 Apakah sumber rujukan aqidah yang utama di dalam pengajian hadith oleh Muhammad Asri?



Sumber: Perbincangan secara “Focus Group Discussion” 2016

Rajah 4.3.3.2 pula menunjukkan sumber rujukan aqidah yang utama di dalam pengajian hadith oleh Muhammad Asri iaitu seramai 15 orang responden (75.0 %) menyatakan bahawa salaf adalah sebagai rujukan utama, seramai 4 orang (20.0%) menyatakan salaf dan Asya'irah, dan hanya 1 orang (5.0 %) yang menyatakan salaf dan maturidiyyah. Ini menunjukkan bahawa cara pengajian manhaj Ahli Hadith telah di gunakan oleh Muhammad Asri iaitu menggunakan manhaj salaf.


#### 4.3.3.3 Adakah pendekatan Muhammad Asri lebih keras terhadap ahli bid'ah?



Sumber: Perbincangan secara “Focus Group Discussion” 2016

Rajah 4.3.3.3 menunjukkan bahawa seramai 14 orang responden (70.0 %) bersetuju menyatakan bahawa cara pendekatan Muhammad Asri lebih keras terhadap ahli bid'ah manakala 6 orang lagi (40.0 %) menyatakan tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa cara pengajian manhaj Ahli Hadith telah di gunakan oleh Muhammad Asri iaitu lebih keras terhadap ahli bid'ah.

#### 4.3.3.4 Manakah tumpuan utama yang lebih banyak diberikan oleh Muhammad Asri, „Ulūm ,Aqliyyah, „Ulūm Shar'iyyah atau kedua-duanya?



Sumber: Perbincangan secara “Focus Group Discussion” 2016

Rajah 4.3.3.4 menunjukkan tumpuan yang lebih banyak diberikan oleh Muhammad Asri sama ada „Ulūm Aqliyyah, „Ulūm Syar'iyyah atau kedua-duanya. Perbincangan ini menunjukkan seramai 16 orang responden (80.0 %) menyatakan bahawa Muhammad Asri mengutamakan kedua-duanya, seramai 3 orang (15.0%) menyatakan Muhammad Asri mengutamakan „Ulūm Syar'iyyah, dan hanya 1 orang (5.0 %) yang menyatakan Muhammad Asri mengutamakan „Ulūm Aqliyyah. Ini menunjukkan bahawa Muhammad Asri mengutamakan kedua-dua cara pengajian iaitu dengan menggunakan kedua-dua manhaj iaitu Ahli Hadith dan Deobandy.


4.3.3.5 Apakah Muhammad Asri menerima aliran tasawuf dan tarekat yang mu'tabar?



Sumber: Perbincangan secara “Focus Group Discussion” 2016

Rajah 4.3.3.5 menunjukkan bahawa seramai 19 orang responden (95.0 %) bersetuju menyatakan bahawa cara pendekatan Muhammad Asri menerima aliran tasawuf dan tarekat mu'tabar manakala 1 orang lagi (5.0 %) menyatakan tidak menerima aliran tasawuf dan tarekat mu'tabar. Ini menunjukkan bahawa Muhammad Asri telah menggunakan cara pengajian manhaj Deobandy iaitu menerima aliran tasawuf dan tarekat yang mu'tabar.


#### 4.3.3.6 Manakah aliran yang lebih cenderung di gunakan Muhammad Asri?



Sumber: Perbincangan secara “Focus Group Discussion” 2016

Rajah 4.3.3.6 menunjukkan aliran yang lebih cenderung di gunakan oleh Muhammad Asri sama ada Muhaddithin Hijaziyyin, Ashab al-Ra'yi atau kedua-duanya. Perbincangan ini menunjukkan seramai 18 orang responden (86.0 %) menyatakan bahawa Muhammad Asri cenderung kedua-dua aliran, seramai 2 orang (10.0%) menyatakan Muhammad Asri cenderung aliran Muhaddithin Hijaziyyin, dan hanya 1 orang (5.0 %) yang menyatakan Muhammad Asri cenderung Ashab al-Ra'yi. Ini menunjukkan bahawa Muhammad Asri mengutamakan kedua-dua cara pengajian iaitu dengan menggunakan kedua-dua manhaj iaitu ahli hadith dan deobandy.

4.3.3.7 Apakah fikrah-fikrah Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim, Syawkani dan lain-lain turut mempengaruhi dalam pengajian hadith Muhammad Asri?



Sumber: Perbincangan secara “Focus Group Discussion” 2016

Rajah 4.3.3.7 menunjukkan bahawa seramai 18 orang responden (90.0 %) bersetuju menyatakan bahawa cara pengajian Muhammad Asri dipengaruhi oleh fikrah-fikrah Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim, Syawkani dan lain-lain dan 2 orang lagi (10.0 %) menyatakan tidak setuju bahawa cara pengajian Muhammad Asri dipengaruhi oleh fikrah-fikrah Ibn Taymiyyah, Ibn al-Qayyim, Syawkani dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa Muhammad Asri telah menggunakan cara pengajian manhaj Ahli Hadith kerana kesemua tokoh-tokoh ini menggunakan manhaj Ahli Hadith.

#### 4.4 KELEBIHAN

1. Pengajian Muhammad Asri contohnya apabila membahaskan tentang kitab *Saḥīḥ al-Bukhārī*, beliau akan kemukakan dan bahas hadith dari segi pengajaran. Beliau juga akan bahaskan sesuatu hadith dari segi bahasa, usul hadith, termasuklah perbahasan ilmu sanad dan matan hadith serta menceritakan tentang kisah-kisah perawi hadith tersebut. Akan tetapi fokus utama perbahasan beliau adalah berdasarkan kepada pengkajian beliau sendiri melalui pembelajaran dan buku-buku.

2. Di dalam pengajian hadithnya, Muhammad Asri akan menyediakan nota-nota yang ditulis oleh beliau sendiri. Nota tersebut akan dimasukkan tentang kajian beliau daripada kitab-kitab syarah kepada kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* dan *Sahīḥ Muslim* dan turut memasukkan syarah beliau sendiri. Tujuan sebenar beliau ialah untuk menghasilkan satu kitab syarah yang berbahasa melayu di Malaysia yang pertama kerana buat masa ini masih belum ada kitab syarah berbahasa melayu yang dihasilkan di Malaysia.
3. Sebelum Muhammad Asri menghasilkan kitab syarah tersebut keutamaan beliau dalam menyampaikan hadith-hadith ialah dengan mengadakan kelas pengajian dan disampingkan itu menyebarkannya melalui youtube. Jika kita lihat banyak kuliah-kuliah beliau yang pernah disyarahkan banyak kitab-kitab telah ada dalam youtube.
4. Muhammad Asri di dalam pengajiannya juga akan mengupaskan sesuatu hadith mengikut kepada suasana dan isu semasa di Malaysia. Kupasan hadith beliau lebih dekat dengan cara hidup orang melayu di Malaysia.
5. Sebahagian kaedah Deobandy telah digunakan oleh Muhammad Asri dalam mensyarahkan hadith-hadith.
6. Di dalam kelas pengajian hadith oleh Muhammad Asri agak berbeza sedikit kerana sentiasa syarahnya ada kaitan dengan yang lain, jadi jika pelajar terlepas kelas pengajiannya yang lain dia akan masih lagi dapat memahami apa yang diajarkan oleh Muhammad Asri. Ini berbeza dengan kelas pengajian hadith yang lain yang mana jika pelajar tertinggal kelas pasti pelajar akan ketinggalan.
7. Pengajian hadith beliau agak mudah untuk diikuti walaupun yang belum ada asas dalam pengajian hadith.

8. Apabila beliau menceritakan sesuatu cerita rasa seperti berada di dalam suasana tersebut kerana beliau boleh menceritakan satu persatu cerita dan kisah yang berlaku bagi hadith tersebut.
9. Selain itu, beliau akan membacakan matan hadith tersebut bagi mengambil keberkatannya.
10. Di dalam penyampaian hadith, Muhammad Asri akan memasukkan cerita-cerita, dibahaskan hadith tersebut dan terdapatnya sesi soal jawab bagi memudahkan kita untuk lebih memahami syarahannya. Ini adalah kerana di dalam pengajian tersebut tidak semua yang mengetahui hadith, ada yang bermula dengan tahap asas.
11. Apabila mengikuti kelas pengajiannya akan lebih mudah dan boleh faham kerana penggunaan bahasanya yang agak tepat dengan maksud yang ingin disampaikan di dalam hadith tersebut.
12. Di dalam syarah beliau terutamanya syarah kitab al-Bukhārī, beliau akan membahaskan juga kenapa di dalam kitab ada bab yang mana Imam al-Bukhārī tidak memasukkan tajuk di dalam babnya.
13. Di dalam pengajian hadith oleh Muhammad Asri, kita tidak akan bosan mengikuti kelas pengajiannya kerana di dalam kelas pengajiannya kita dapat memahaminya dengan baik.
14. Di dalam pengajiannya kita juga diajar berfikir secara kritis dengan cara Muhammad Asri akan kemukakan dalil-dalil kerana sesuatu hukum itu boleh difikirkan dengan diberikan dalil-dalil dan diberikan panduan yang betul.

#### **4.5 KESIMPULAN**

Pengkaji melihat kepada aplikasi yang dilaksanakan oleh Muhammad Asri dalam sistem pengajian hadith ini yang mana ianya sangat baik untuk masyarakat awam dalam mempelajari ilmu hadith. Ia juga adalah sebagai satu langkah untuk mendekatkan lagi masyarakat awam dengan pengajian ilmu agama terutamanya di dalam bidang hadith. Hasil dapatan kajian pengkaji mendapati bahawa kaedah pengajian hadith yang digunakan oleh Muhammad Asri ialah Manhaj Deobandy yang bersumberkan aqidah Salaf. Pengajian hadith perlu diteruskan lagi supaya masyarakat lebih jelas tentang penggunaan sesuatu hadith, di samping mereka juga dapat mengenal hadith-hadith yang tidak *Sahīh* walaupun mereka tidak mempelajarinya secara mendalam.

## **BAB 5: PENUTUP**

### **5.1 RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

Cara pengajian hadith ini perlu diteruskan lagi kerana ia dapat memperkenalkan kepada masyarakat tentang ilmu hadith dengan secara lebih mendalam. Dengan itu masyarakat dapat menilai dan mengenal sendiri hadith-hadith yang sahih dan hadith-hadith yang palsu. Secara kesimpulannya penyelidikan adalah seperti berikut:

#### **5.1.1 Manhaj-manhaj Pengajian Hadith**

Pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, mereka menggunakan cara yang hampir sama dalam menyampaikan hadith. Kemudian setelah pengajian hadith semakin berkembang dan termasuk juga dengan ilmu lain maka wujudnya pelbagai jenis manhaj dalam sistem pengajian hadith. Manhaj dalam pengajian hadith semakin lama semakin berkembang dengan banyaknya tempat-tempat pengajian yang menggunakan cara tempat pengajian masing-masing dalam mempelajari hadith. Setiap cara pengajian hadith ada kelebihannya yang tersendiri di dalam menyampaikan hadith.

#### **5.1.2 Perkembangan Pengajian Hadith di Malaysia**

Perkembangan sistem pengajian hadith juga turut menjadi semakin berkembang di Malaysia yang mana manhaj hadith yang paling banyak mempengaruhi manhaj pengajian hadith di Malaysia ialah pengajian Ahli Hadith dari Makkah dan Deoband dari India. Namun yang paling banyak mempengaruhi cara pengajian hadith di Malaysia ialah manhaj Deobandy. Namun selepas itu, ramai pelajar Malaysia yang juga ke Mesir untuk mendalami ilmu agama termasuklah ilmu dalam hadith.

### **5.1.3 Pengajian Hadith Oleh Muhammad Asri**

Pengajian hadith yang dijalankan oleh Muhammad Asri adalah dibuat secara terbuka kepada masyarakat awam. Pengajian hadith beliau lebih kepada penjelasan secara terperinci tentang sesuatu hadith dari segi perawinya, penjelasan tentang hadith tersebut dari segi taraf dan maksudnya dan cerita-cerita yang terdapat di dalamnya. Pengajian hadith beliau juga adalah dijalankan dengan secara terbuka iaitu tidak ada berdasarkan kepada sesuatu mazhab sahaja. Ini adalah salah satu cara pengajian yang dijalankan oleh manhaj Ahli Hadith walaupun Muhammad Asri menggunakan pendekatan Manhaj Deobandy dalam pengajarannya.

## **5.2 SARANAN**

Cara pengajaran berbeza mengikut keadaan sesuatu tempat dan keadaan masyarakat.

1. Menjalankan kajian-kajian terhadap cara-cara pengajian hadith yang bersesuai dengan keadaan setempat dan suasana masyarakat.
2. Tingkatkan kewibawaan guru yang mengajar dalam Pengajian Hadith supaya mereka dapat menggunakan kaedah yang sesuai di dalam sesi pembelajaran.
3. Kesemua ahli di dalam masyarakat perlu memainkan peranan dan meningkatkannya bagi mendorong pelajar supaya mencintai hadith dan pengajiannya.
4. Meningkatkan dan memperkemaskan lagi silibus pengajian terutamanya di dalam hadith supaya pemahaman pelajar-pelajar di dalam hadith turut berkembang dan sesuai mengikut peredaran zaman.
5. Kajian yang lebih banyak terhadap kitab-kitab hadith berbahasa Urdu kerana terdapat banyak kitab-kitab hadith yang berbahasa Urdu yang tidak dapat diterjemahkan.

### **5.3 CADANGAN**

Diadakan satu pusat pengajian atau kelas bagi masyarakat awam untuk mempelajari pengajian hadith dengan lebih mendalam. Di dalam pengajian tersebut dibahagikan kepada beberapa kumpulan dengan diuji tahap kemampuan masing-masing. Ini dilakukan supaya ada pemisahan pembahagian mengikut peringkat-peringkat kelas pengajian. Kelas tersebut akan dibahagikan kepada kelas bagi pelajar yang permulaan, pertengahan dan yang telah boleh memahami hadith dengan baik.

Bagi kelas permulaan dimasukkan silibus-silibus asas untuk memahami hadith secara usul dan dirayahnya. Dari sini juga boleh dijelaskan serba sedikit istilah-istilah yang terdapat di dalam pengajian hadith. Kelas yang kedua bagi peringkat pertengahan pula adalah bagi mereka yang sudah memahami serba sedikit tentang usul hadith dan istilah-istilah yang terdapat di dalam memahami hadith. Dan mereka akan mempelajari hadith mengikut peringkat pembukaan pengenalan kepada beberapa kitab-kitab awal di dalam pengajian hadith.

Terakhir ialah peringkat ketiga, di mana pelajar yang telah menguasai usul dan dirayah hadith dan istilah-istilahnya serta telah mempelajari beberapa kitab asas di dalam ilmu hadith maka mereka akan diperkenalkan dengan pembacaan kitab hadith yang muktabar iaitu kitab hadith sunan sittah.

### **5.4 PENUTUP**

Kajian ini jelas menunjukkan tentang cara pengajian hadith yang bermula daripada zaman Rasulullah s.a.w. seterusnya bersambung pada zaman sahabat, tabi,in, tabi," tabi,in dan pengikut mereka sehingga zaman sekarang. Pada zaman Rasulullah s.a.w. juga terdapat larangan menulis hadith dan menitikberatkan hafalan di dalam hadith. Begitu juga yang

berlaku ketika zaman sahabat. Kemudian kerana berlaku banyaknya pemalsuan hadith dan hadith yang diketahui oleh umat Islam berselerak kerana pengetahuan tentang hadith sesuatu tempat ada yang berbeza-beza. Maka ulama"-ulama" hadith ketika itu mengambil inisiatif untuk mengumpulkan hadith di dalam kitab-kitab.

Di sebabkan oleh hadith-hadith telah pun banyak yang dikumpulkan di dalam kitab-kitab. Ini menyebabkan pengajian hadith juga mula berubah daripada mempelajari hadith tanpa mengikut kepada kitab-kitab bertukar kepada mengikut kitab-kitab dan setiap kitab mempunyai tajuk yang ingin dibincangkan masing-masing. Ini memudahkan bagi setiap penuntut mengetahui tentang hadith-hadith yang terdapat dalam sesuatu tajuk yang dipelajari. Dan seterusnya muncullah tempat yang menggunakan sistem mereka sendiri dalam mempelajari hadith seperti di Madinah, Makkah, Mesir dan Deoband, India.

Kajian ini menjelaskan tentang pengaruh cara pengajian hadith daripada India sangat memainkan peranan penting dalam pengajian hadith di Malaysia terutamanya di beberapa madrasah-madrasah dan pondok-pondok di Malaysia. Ini dapat dilihat dengan sistem yang dilaksanakan di beberapa pengajian tersebut dan guru-guru yang mengajar adalah kebanyakannya yang mengikut kepada sistem pengajian dari India dan Pakistan. Guru-guru yang mengikut sistem Deobandy ini bukan sahaja datang dari India malahan juga penuntut dari Malaysia yang belajar di sana dan kemudiannya balik semula ke tanah air untuk berkhidmat dalam mengajar ilmu agama.

Selain itu, terdapat juga buku-buku yang terhasil daripada ulama"-ulama" yang mengikut sistem pengajian Deobandy yang digunakan secara meluas di dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Buku-buku hasil daripada ulama"-ulama" ini bukan sahaja di

gunakan di madrasah-madrasah dan pondok semata-mata tetapi turut menjadi rujukan di kalangan pelajar-pelajar universiti, pengkaji-pengkaji, masjid-masjid dan surau-surau.

Di dalam kajian ini telah diuraikan dan memberi penjelasan yang mendalam terhadap pengajian hadith yang berasaskan kepada program pengajian hadith oleh Muhammad Asri yang mana pengajian beliau adalah menggunakan manhaj Deobandy. Cara pengajian ini diambil bagi diaplikasikan untuk menyampaikan hadith. Dengan menggunakan kaedah ini, cara pengajian hadith dilihat lebih menarik dan berkesan. Ini kerana pelajar-pelajar dapat memahami dengan lebih jelas tentang penggunaan bagi setiap dalil-dalil hadith.

## BIBLIOGRAFI

,Abd al-Malik Mujāhid bin Muḥammad Yunus *et al.* *Mawsū‘at al-Hadīth al-Sharīf al-*

*Kutub al-Sittah*. Al-Riyāḍ: Dar al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī, 2000.

Abdul Hayei bin Abdul Sukor. *Sumbangan Shah Waliyullāh al-Dihlawī Kepada Ilmu*

*Hadīth Dan Pengaruhnya Di Kelantan*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-

Hadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1988.

Abd ur-Rahman Mohamed Amin. “Haji Abdul Halim al-Hadi: Tokoh Ulama Hadis Dari

Pulau Pinang,” dalam *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pulau Pinang di*

*Alam Melayu*. Pulau Pinang: CenPRIS, Universiti Sains Malaysia, 19-21 November

2012.

Abū ,Abd Allah Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ḥanbal ibn Ḥilal ibn Asad al-Shaibānī.

“*Musnad Aḥmad Ibn Ḥanbal*”. ed. Shu,ib al-Arnā’ūt. t.tp.: Mu,assasah al-Risālah,

2001.

Abū Dawud Sulaymān ibn al-Ash,ath ibn Ishāq ibn Bashīr ibn Shādād ibn ,Amru ibn

,Imran al-Azdi al-Sijistānī. “*Sunan Abī Dāwud*”. ed. Muḥammad Muḥaiyyī al-Dīn

Abd al-Ḥamid. Beirut: Al-Maktabah al-,Aṣriyyah, t.t.

Abū ,Iṣā Muḥammad ibn ,Iṣā ibn Sawrah ibn Mūsā ibn Dahhāk al-Sulamī al-Tirmidhī.

“*Jami’ al-Tirmidhi*”. ed. Aḥmad Muḥammad Shakīr. Beirut: Dār al-Kitāb al-Ilmiyyah,  
1987.

Abū ,Isā Muḥammad ibn ,Isā ibn Sawrah ibn Mūsā ibn Dahhāk al-Sulamī al-Tirmidhī,

“*Jami’ al-Tirmidhi*”. ed. Aḥmad Muḥammad Shakīr. Mesir: Shārikah Maktābah wa  
Matba,ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalbī, 1975.

Ahmad Saifuddin bin Yusof, *Metodologi Penerimaan Riwayat Sejarah Antara Al-Bukhārī  
Dan Ibn Ishaq: Kajian Perbandingan*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

Arif Chasanul Muna, *Orientalis Dan Kajian Sanad: Analisis Terhadap Pendapat G.H.A.  
Juynboll*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.

Asmawi Haji Ehsan, *Ilmu Hadith: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam*. Kuala Lumpur:  
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Buda @ Audah bin Muhsin, ‘*Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,  
1995.

Che Samsudin bin Mohamed Noor. *Pengajian Hadis Di Kelantan; Satu Kajian Di Institusi  
Pengajian Pondok*. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Bersama, Akademi

Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Faisal Ahmad Shah et. al. *Manahij al-Muhaddithin: Metode Dan Pendekatan Sarjana*

*Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya, 2010.

\_\_\_\_\_. *Pelajar-Pelajar Malaysia Di Institusi-Institusi Pengajian Islam Di India: Analisis Bermula Dari Tahun 1947 sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. *Jurnal al-Tamaddun* 4. 2009.

\_\_\_\_\_. *Pengajian Hadis Di India Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2016.

Hajah Noresah bt. Baharom et. al., *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Haziyah binti Hussin et.al., *Kelangsungan Pengajian Hadis Cabaran Dan Masa Depan*. Selangor: Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 2006.

Haziyah binti hussin. *Pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Aziz Nik Mat Dalam Tafsir al-Quran: Tumpuan Terhadap Surah Hud*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998.

Hj Nasri Sarip. *Sejarah Mesir: Mesir Bumi Anbiya*'. Selangor: Akademik Timur Tengah, 2006.

Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1975.

Ismail Che Daud. *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988.

Ismail Che Daud. *Tokoh-Tokoh Semenanjung Melayu (2)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1996.

Mazlan bin Sidek. *Hadis Dalam Kitab Al-Durr Al-Thamin Karangan Sheikh Daud Al-Fatani: Takhrij Dan Analisis*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran Dan al-Hadith Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Mohamed Radzi bin Haji Musa, *Metodologi Penyelidikan Hadith: Satu Penelitian Dari Aspek Sanad Dan Riwayat*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1993/1994.

Mohammad Akhir bin Wahab, *Pengajaran Hadith Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pauh Jaya, Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.

Mohd Army bin Yusop. *Pengajian Hadith Di Madrasah Miftahul ‘Ulum, Sri Petaling,*

*Kuala Lumpur.* Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011.

Mohd Irsyadi Abu Bakar, “Ikon Islam: Muhammad Asri Yusuf Berkelana Sejak Kecil,”

*Majalah i*, Jun 2014.

Mohd. Muhiben bin Abd Rahman. *Sheikh Nuruddin al-Raniri Dan Sumbangannya Kepada*

*Pengajian al-Hadith: Kajian Terhadap Kitab al-Fawaaid al-Bahiyyah fi Ahadith al-*

*Nabawiyah.* Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian

Islam, Universiti Malaya, 2003.

Mohd. Muhiben Abd. Rahman. *‘Ulum al-Hadith Lengkap Dengan Takhrij al-Hadith Dan*

*Pengajian Sanad Hadith.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Mohd Napiah ,Abd Allah. *Ikhtisar Sejarah Perkembangan Dan Kaedah Penyusunan*

*Hadith.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989.

Mohd Radzi Othman et al. *Warisan Teras al-Hadis: Antara Teras Dengan Dinamika*

*Pemikiran.* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008.

Mohd Zahiruddin bin Ahmad @ Mohd Zain. *Dato' Haji Muhammad bin Nasir:*

*Sumbangannya Kepada Pendidikan Islam.* Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan

Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya, 2002.

Muhammad Faisal bin Ismail @ Shamsuddin, *Keprihatinan Ulama Hadith Terhadap Sanad*

*Hadith: Suatu Kajian Terhadap Aplikasinya Dalam Kitab Al-Sirah Al-Nabawiyyah,*

*Karya Ibn Hisham.* Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi

Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

Muhammad ibn Ismāʻil ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Juʻfi al-Bukhārī.

“*Sahīh al-Bukhārī*”. ed. Muhammad Zāhir ibn Naṣīr al-Naṣīr. t.tp.: Dār Thauq al-

Najah, 1422H.

Muhammad Mustafa Azami, *Kajian Metodologi Dan Penulisan Hadith*, terj. Engku

Ibrahim Engku Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.

Muhammad Syuhudi Ismail. *Kaedah Kesahihan Sanad Hadis (Telaah Kritis Dan Tinjauan*

*Dengan Pendekatan Ilmu Sejarah.* Jakarta: Fakultas Pasca Sarjana, Institut Agama

Islam Negeri, 1967.

Muslim ibn al-Ḥajjaj ibn Muslim al-Qushairī al-Naisābūrī. “*Sahīh Muslim*”. ed.

Muhammad Fūḍilah ,Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.

Mustaffa ,Abd Allah et al. *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara*. Kuala Lumpur:

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

2009.

Normala Kari. *Kisah Perjalanan Nabi Musa*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd, 2010.

Nur Hidayu Jamalludin dan Faisal Ahmad Shah. “Fiqh al-Ḥadīth Abdul Halim al-Hadi dan

Sumbangannya dalam Bidang Hadith: Tumpuan kepada Kitab Ilhām al-Bārī Sharḥ

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Bahasa Melayu,” dalam *Jurnal Usuluddin Bil. 41*. Kuala Lumpur:

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015.

Sayyid Mahbood Rizvi. *History of The Dar al-‘Ulūm Deoband*. terj. Inggeris Prof. Murtaz

Husain F. Quraishi. India: Idara-e Ihtemam, Dar al-„Ulūm, 1980.

Sedek bin Ariffin. *Kaedah Menghafal al-Qur'an Di Institusi Tahfiz al-Qur'an Di Malaysia: Kajian Perbandingan Di Antara Kaedah Darul Quran, JAKIM Dengan Kaedah al-*

*Huffaz*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya, 2012.

Shahril Nizam Zulkipli, Ishak Suliaman. *Autoriti Hadis Di Internet*. Kuala Lumpur:

Penerbit Universiti Malaya, 2013.

Sheikh Othman bin Sheikh Salim et al. Kamus Dewan Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka, 1994.

Shukri Ahmad. *Pengaruh Pemikiran Ulama Di Semenanjung Malaysia Akhir Abad Ke-20*.

Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011.

Sulaymān ibn al-Asy'ath ibn Isḥāq ibn Basyīr ibn Syaddād ibn Amr al-Azdī al-Sijistānī.

“*Sunan Abī Dāwud*”. ed. ,Azad ,Abīd al-Da,as. Syria: Dār al-Ḥadīth, t.t.

Zaid Y.S., *Kamus Akhbar: Arab – Melayu, Melayu – Arab*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1999.

Zainul Arifin, *Hadis-Hadis Dalam Daqā'iq al-Tafsīr Karya Ibn Taimiyah: Studi Terhadap Kualitas Sanad Hadis*. Jakarta: Program Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri, 1999.

Zulkifli Hj Mohd Yusoff et al., *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara*. Kuala Lumpur: Fauzul Na,jim Sdn Bhd, 2009.

#### **Laman Web:**

Abu Unaysah, “The Writings Of ,Allamah Muhammad Musa Ruhani al-Bazi (May Allah Shower His Mercy Upon Him)”, laman sesawang wordpress, Disemak 4 Oktober 2009, <https://zakariyya.wordpress.com/2008/10/17/%E2%80%98allamah-muhammad-musa-ruhani-al-bazi-may-allah-shower-his-mercy-upon-him/>.

“Ahmed el-Tayeb”. laman sesawang Wikipedia. [https://en.wikipedia.org/wiki/Ahmed\\_el-Tayeb](https://en.wikipedia.org/wiki/Ahmed_el-Tayeb).

“Al-Ma,āni: Likul Rasm Ma,āni”, laman web. <https://www.almaany.com/>.

“Dewan Bahasa Dan Pustaka”, laman web. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1>.

“Mengenali Institusi Sheikh al-Azhar”. laman web. <http://www.mindamadani.my/jejak-ulama/item/233-mengenali-institusi-Sheikh-al-azhar.html>.

Mohd Asri Zainul Abidin, “Kembara Ilmu Ke India”, Laman sesawang *Minda Tajdid*,

Disemak 29 April 2009, <http://drmaza.com/home/?p=592>.

“Muhammad Yusuf Kandhlawi”, laman sesawang Wikipedia, Disemak 5 Oktober 2014,

[http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad\\_Yusuf\\_Kandhlawi](http://en.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Yusuf_Kandhlawi).

Muhammad Zakaria al-Kandhlawi, Wikipedia, Disemak 6 April 2013,

[http://id.wikipedia.org/wiki/Muhammad\\_Zakariya\\_al-Kandhlawi](http://id.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Zakariya_al-Kandhlawi).

“Murabbi: Maulana Muhammad Asri Yusoff”, laman sesawang *Ayyuhal Walad*,

Dikemaskini 5 November 2014.

[\[asri-yusoff/\]\(#\).](https://ayyuhalwalad.wordpress.com/2014/11/05/murabbi-maulana-muhammad-</a></p></div><div data-bbox=)

“Maulana Muhammad Asri Yusoff”, Laman Facebook, Disemak 27 Mac 2015,

[https://www.facebook.com/MMAYUSOFF/photos\\_stream](https://www.facebook.com/MMAYUSOFF/photos_stream).

“Sejarah PAKSI”, laman sesawang *Blogspot*, Dikemaskini 2 Oktober 2008,

<http://e-paksi.blogspot.com/>.

“Silibus”, Laman sesawang *MQKB – Syukbah Ilmu Wahyu*, Disemak Oktober 2010,

Dicapai 7 Jun 2015, <http://mqkb.webs.com/silibus.htm>.

## **Temubual**

Hazim bin Muhammad Asri (anak Maulana Muhammad Asri bin Yusoff), dalam temubual

dengan pengkaji di Surau As-Syarif Seri Kembangan, Selangor, 22 Ogos 2015.

Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, dalam temubual dengan pengkaji di Residence Hotel

@ UNITEN, Kajang, Selangor, 14 September 2015.

Muhammad Razif bin ,Abd Wahab (pengajar di Madrasah al-Miftah al-„Ulūm, Sri Petaling,

Kuala Lumpur), dalam temubual dengan penulis di Madrasah al-Miftah al-„Ulūm,

Sri Petaling, Kuala Lumpur, 19 Julai 2014.

Riza Muarif (salah seorang pelajar di al-Azhar Mesir dalam jurusan Tafsir) dalam temubual

dengan pengkaji di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 5

Jun 2015.

Silibus pengajian pusat pengajian Darul Kauthar yang telah diberikan oleh Ustaz Hammad

pada 9 Jun 2015.

### **Pemerhatian**

Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, Wacana Ilmiah yang bertajuk Sumbangan Ulama

Deobandi dan Ahl al-Hadith Dalam Ilmu Tafsir di Balai Ilmu (CUBE) Akademi

Pengajian Islam, Universiti Malaya, 16 November 2015. *Ibid.*, 14 September 2015.

Maulana Muhammad Asri bin Yusoff, Wacana Ilmiah yang bertajuk Sumbangan Ulama

Deobandi dan Ahl al-Hadith Dalam Ilmu Tafsir di Balai Ilmu (CUBE) Akademi

Pengajian Islam, Universiti Malaya, 16 November 2015.

Kajian yang dibuat sendiri oleh Penulis dengan mengikuti pengajian oleh Muhammad Asri

Yusoff di sekitar Lembah Klang.

**Silibus:**

“Sukatan Pengajian di al-Azhar Mansurah”. Laman sesawang *org*.

<http://www.oocities.org/dpmmsiber/sukatan.htm>.

**Gambar:**

“Bijak Politik Untuk Menang (1)”. Laman sesawang *blogspot*. [http://g-82.blogspot.com/2009\\_10\\_18\\_archive.html](http://g-82.blogspot.com/2009_10_18_archive.html).

Fuad Akmal. “Sebaik-Baik Manusia Yang Diiktiraf Oleh Rasulullah saw”. Laman

sesawang *blogspot*. <http://wirapendang.blogspot.com/2012/08/sebaik-baik-manusia-yang-diiktiraf-oleh.html>.